PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM (SEKINCHAN)

TAJUK : KOMPLEKS WAWASAN BALKIS

1. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;

a) Sila nyatakan pihak manakah yang menganugerahkan tanah untuk tujuan pembinaan kompleks tersebut dan di manakah lokasinya ?

b) Sila nyatakan tarikh sebenar kompleks tersebut siap dibina dan siapakah kontraktor serta lembaga pengarahnya ?

c) Sila kemukakan berapakah jumlah sebenar kos keseluruhan kerja-kerja pembinaan kompleks tersebut dan pihak manakah yang menyalurkan peruntukan tersebut ?

JAWAPAN :

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PENJUALAN RUMAH DAN KEDAI PKNS

2. PKNS diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor membangunkan penempatan baru dan perumahan.

Bertanya kepada Y.A.B. Sri Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah kaedah dan mekanisme penjualan rumah-rumah PKNS kepada pembeli?

b) Benarkan rungutan bahawa bangunan kedai dimonopoli dan ditempah oleh orang dalam bagi mendapat keuntungan jualan?

c) Apakah cadangan PKNS untuk mengatasi gejala rasuah sedemikian bagi memperhatikan PKNS bersifat telus?

JAWAPAN :

a) Kaedah yang PKNS gunakan adalah penjualan secara terbuka. Dasar jualan adalah berasaskan sistem kuota Bumiputera 70% dan bukan bumiputera 30%. PKNS tertakluk di bawah akta Pemaju Perumahan di mana PKNS perlu mendapatkan permit jualan sebelum membuka jualan kepada orang ramai.

b) Rungutan adalah tidak benar. Setiap jualan akan diiklankan.

c) Tiada berkaitan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PROGRAM KITA SEMULA

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan program kitar semula mengikut PBT?

b) Sila senaraikan butir-butir seperti kos, keberkesanan program dan kontraktor yang terlibat.

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA Y. B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM (KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PEMBANGUNAN TAPAK LAPANG DISEKITAR KAWASAN PERUMAHAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Senaraikan projek -projek pembangunan komersial yang dirancang dan sedang dilaksanakan di tanah lapang yang berada dalam lingkungan 20metre daripada kawasan perumahan di kawasan Kota Damansara .

b) Apakah kriteria yang digunakan oleh PBT untuk menentukan sama ada ketetapan 'Local Agenda 21' (di mana proses konsultasi dijalankan dengan penduduk persekitaran sebelum projek diluluskan) dilaksanakan atau tidak untuk setiap projek pembangunan berhampiran dengan perumahan ?

c) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membentuk suatu prasyarat atau undang-undang kecil yang jelas demi memastikan bahawa setiap perancangan pembangunan berhampiran dengan kawasan perumahan atau sekolah , mestilah melalui proses konsultasi dan debat bersama penduduk setempat sebelum ianya diluluskan ?

JAWAPAN :

a) Pembangunan komersial 'dirancang dan belum dilaksanakan' dalam lingkungan 20 meter dari kawasan kota Damansara. Hanya satu projek komersial terletak dalam lingkungan 20 meter dari kawasan perumahan iaitu cadangan pembangunan stesen minyak di antara persimpangan Jalan Nuri 7 dan Persiaran Suria, Seksyen 7, Kota Damansara dan tiada pembangunan komersial sedang dilaksanakan dalam lingkungan 20 meter dari kawasan perumahan Kota Damansara.

b) Proses konsultasi dilaksanakan semasa penyediaan rancangan pemajuan dan ianya bertepatan dengan pelaksanaan pembangunan mampan dan Agenda 21 Selangor di mana menggalakkan penglibatan pihak awam di dalam merealisasikan konsep perancangan bersama rakyat.

Semasa penyediaan rancangan pemajuan (draf rancangan tempatan / draf rancangan kawasan khas), proses konsultasi dilaksanakan melalui 2 peringkat program publisiti mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), iaitu:

i. (Seksyen 12A), Publisiti berkaitan dengan **penyediaan** draf rancangan tempatan
ii. (Seksyen 13 (1), Publisiti berkaitan dengan draf rancangan tempatan

Mengikut Peruntukan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), ***Pengarah Negeri atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) hendaklah mengambil langkah-langkah yang memastikan:-***

i. Publisiti diberikan di dalam Negeri/kawasannya tentang draf rancangan pemajuan yang akan disediakan, matlamat dan maksud penyediaannya; dan

ii. Memberitahu bahawa adanya peluang dan hak diberikan kepada orang yang dijangka ingin untuk membuat rayuan kepada Pengarah Negeri/PBPT.

c) **KAWASAN YANG TIDAK MEMPUNYAI RANCANGAN TEMPATAN YANG TELAH DIWARTAKAN**

Subseksyen 21(6), Akta 172 menyatakan bahawa sekiranya terdapat cadangan pemajuan di suatu kawasan yang **tidak mempunyai Rancangan Tempatan yang diwartakan**, maka, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah **menyampaikan notis bertulis** kepada **pemunya tanah berjiran** untuk memberitahu hak mereka untuk membantah dan menyatakan alasan bagi bantahan mereka **dalam tempoh dua puluh satu hari** dari tarikh notis itu disampaikan.

Maksud "pemunya" dalam Akta 172 ialah pemunya berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan iaitu:-

a. tuan punya berdaftar tanah itu;
b. jika, ianya pada pendapat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, tuan punya berdaftar tanah itu tidak dapat dikesan, ejen atau pemegang amanahnya;
c. jika tuan punya berdaftar tanah itu telah mati, wakil dirinya di sisi undang-undang; atau
d. jika tiada seorang pun antara orang yang disebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) wujud, orang yang pada masa ini menerima sewa tanah atau bangunan itu, sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi seseorang yang lain atau sebagai penerima, atau yang akan menerima sewa itu jika tanah atau bangunan itu disewakan;

Maksud 'tanah berjiran' dalam Subseksyen 21(8), Akta 172 ialah:-

a. tanah yang bersempadan dengan tanah yang berhubungan dengan sesuatu permohonan;
b. tanah yang dipisahkan dari tanah yang berhubungan dengan sesuatu permohonan oleh mana-mana jalan, parit, lorong atau tanah rizab yang lebarnya tidak melebihi 20 meter; dan
c. tanah yang terletak dalam jarak 200 meter dari sempadan tanah dengan tapak permohonan yang dihubungi melalui jalan mati (cul-de-sac) yang digunakan oleh pemunya tanah dan pemunya tanah yang berhubungan dengan permohonan itu.

KAWASAN YANG MEMPUNYAI RANCANGAN TEMPATAN YANG TELAH DIWARTAKAN

a. Sebelum Rancangan Tempatan diwartakan di dalam Warta Negeri di bawah peruntukan subseksyen 15(6) Akta 172, proses publisiti telah

bermula semenjak awal penyediaan Rancangan Tempatan tersebut iaitu di bawah peruntukan Seksyen 12A. Proses ini dinamakan proses rundingan awal dan dilaksanakan melalui program *"Focus Group Discussion".*

b. Semasa di peringkat Draf Rancangan Tempatan, orang awam, agensi/Jabatan dan pihak-pihak berkepentingan dijemput untuk memeriksa dan memberikan pandangan, cadangan atau bantahan terhadap Draf tersebut dalam tempoh empat minggu mulai daripada notis yang diberi mengikut Seksyen 13(2) Akta 172.

c. Segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh orang awam akan didengar dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Bantahan Awam terhadap Draf Rancangan Tempatan yang dilantik oleh Jawatankuasa Perancang Negeri mengikut Seksyen 14(1) Akta 172.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN LAU WENG SAN (KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PEMOTONGAN PERKHIDMATAN AIR SYABAS

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapa banyak pengguna Syabas di Selangor yang telah dipotong bekalan airnya akibat kelewatan membayar bil ?

b) Pengguna-pengguna Syabas yang dipotong bekalan perlu membayar RM50 sebagai yuran penyambungan bekalan air. Sehingga kini berapa pendapatan diperolehi Syabas daripada kutipan yuran ini ?

JAWAPAN :

a)

Tahun 2005	:	125,705 unit akaun
Tahun 2006	:	237,142 unit akaun
Tahun 2007	:	237,655 unit akaun
Jumlah keseluruhan	:	600,502 unit akaun

b) Pemotongan bekalan air ke atas pengguna-pengguna yang gagal menjelaskan bil adalah tertakluk di bawah Kaedah-Kaedah Bekalan Air (Bayaran) (Selangor) 2006, Jadual Kedua [Kaedah 5] yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, SYABAS berhak mengenakan caj bagi pemotongan dan penyambungan semula atas permintaan atau mana bekalan telah dipotong kerana gagal membuat bayaran caj air atau sekiranya berlaku kesalahan di bawah peruntukan Enakmen Pembekalan Air 1997.

Sehingga tahun 2007, jumlah kutipan dari yuran pemotongan yang telah dikenakan oleh SYABAS adalah sebanyak RM14.6 juta dengan mengambil kira 40% pemotongan yang tidak disambung semula dan penamatan perkhidmatan bekalan air ke premis-premis pengguna yang tidak mengaktifkan semula akaun bekalan air mereka selepas 3 bulan pemotongan dibuat.

Walau bagaimanapun, bayaran caj pemotongan dan penyambungan semula sebanyak RM50 seperti yang tercatat di bawah peruntukan Enakmen Pembekalan Air 1997 tersebut masih tidak dapat menampung kos-kos yang terlibat sewaktu operasi dijalankan umpamanya kos kerja lebih masa, kos peralatan, kos pemantauan dan sebagainya.

Justeru, SYABAS tidak sewenang-wenangnya mengambil tindakan pemotongan ke atas bekalan air pengguna kerana ia dilaksanakan mengikut peruntukan yang termaktub di dalam peruntukan Enakmen Pembekalan Air 1997.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN MOHAMED AZMIN BIN MOHAMED ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : SENARAI KAWASAN-KAWASAN CERUN

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berdasarkan kajian risiko cerun dan pemetaan, saya meminta Kerajaan Negeri untuk menyenaraikan kawasan-kawasan yang berisiko tinggi dan sederhana dalam kawasan Bukit Antarabangsa dan Hulu Kelang.

JAWAPAN :

a) Kawasan-kawasan berisiko tinggi dan sederhana di kawasan Bukit Antarabangsa dan Hulu Kelang masih di dalam kajian yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (Cawangan Kejuruteraan Cerun) di mana Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. merupakan perunding pakar utama. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri belum dapat menyenaraikan kawasan-kawasan tersebut sehingga kajian tersebut siap.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. Ir. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : PERUMAHAN KOS RENDAH

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapakah unit rumah kos rendah yang telah dibina oleh PKNS di kawasan DUN Bukit Melawati oleh PKNS sehingga tahun 2007?

b) Boleh pihak PKNS memberikan butiran mengenai nama dan alamat pemilik rumah-rumah yang berkenaan?

c) Apakah cadangan PKNS mengenai rancangan masa depan untuk rumah-rumah kos rendah untuk rakyat miskin di kawasan DUN Bukit Melawati?

JAWAPAN :

a) Di kawasan DUN Bukit Melawati (N10), PKNS telah membina 324 unit kos rendah bagi projek daerah.

Bil	Tahun	Unit	Kawasan
1.	1975	60	K. Selangor 1
2.	1984	144	K. Selangor
3.	1986	120	Kg. Kuantan
JUMLAH		**324**	

b) Bagi projek daerah (RKR) PKNS hanya terlibat sebagai agensi yang melaksanakan pembinaan bagi pihak Kerajaan Negeri. Projek yang telah siap diserahkan kepada Pejabat Daerah untuk urusan jualan.

c) PKNS bersedia buat mengikut keperluan dan tanah yang ada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HJ. ABD. RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : TANAH WAKAF DI SELANGOR

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapa banyakkah jumlah tanah wakaf di Negeri Selangor keseluruhannya dan berapakah yang telah dibangunkan dan terbiar?

b) Sejauh manakah MAIS telah menjalankan fungsi dan kuasanya terhadap tanah wakaf bagi mempertahankan hak dan kepentingan serta membangunkan ekonomi Umat Islam di Negeri Selangor? Apakah bentuk-bentuk pembangunan yang telah dilakukan di tanah wakaf dan sejauh manakah ia memberi manfaat kepada umat Islam terutamanya yang tidak berkemampuan?

c) b) Apakah terdapat kes-kes berkaitan tanah wakaf seperti pencerobohan, penjualan atau pembangunan tanah wakaf tanpa kebenaran MAIS sebagaimana yang didakwa berlaku di DUN Meru dan lain-lain? Jika ya, sila senaraikan.

JAWAPAN :

a) Jumlah keseluruhan tanah wakaf di Negeri Selangor adalah seluas 871.7739 ekar. Tanah wakaf terbahagi kepada 2 jenis iaitu Wakaf Khas dan Wakaf Am. Bagi tanah Wakaf Khas kebanyakannya telah digunakan sebagai tapak-tapak masjid, surau, sekolah, perkuburan dan rumah-rumah kebajikan.

Manakala, tanah Wakaf Am pula telah diusahakan oleh penerima manfaat wakaf dalam bentuk pertanian seperti tanaman kelapa sawit, kelapa, sawah padi, pisang dan tanaman kontan. Selain itu juga terdapat tanah wakaf yang tidak boleh diusahakan disebabkan oleh kedudukan dan bentuk muka bumi tanah yang tidak sesuai untuk pembangunan dan pertanian.

b) Sejajar dengan perlaksanaan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999, pihak MAIS selaku badan pemegang amanah tunggal harta wakaf di Negeri Selangor telah meletakkan inisiatif untuk menyelaras dan meningkatkan mutu pengurusan wakaf di Negeri Selangor.

MAIS juga telah melaksanakan fungsi dan kuasa yang telah ditetapkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 dan Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 seperti berikut:

Seksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
"Majlis Hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah."

Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah.

Seksyen 32, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No.7 1999

"Walau apa pun apa-apa jua peruntukan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau peristiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh sesuatu wakaf, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tungal bagi semua wakaf, sama ada am atau khas, yang terletak di dalam Negeri Selangor."

Ke arah mengiktiraf keupayaan institusi wakaf dalam menyumbang kepada pembangunan masyarakat, pelan tindakan proaktif dan bersepadu telah dilaksanakan seperti berikut :

- Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf MAIS.
- Mewujudkan kaedah berwakaf melalui tunai (saham wakaf Selangor)
- Mendapatkan pengiktirafan kualiti MS ISO 9001:2000 dalam prosedur pengurusan wakaf.
- Melaksanakan proses mengenal pasti dan mendaftarkan semula tanah-tanah wakaf yang masih tidak dipindah milik.
- Menubuhkan dana Kumpulan Wang Wakaf.
- Melaksanakan proses mengemas kini data tanah wakaf.
- Mengenal pasti, merancang dan melaksana program pembangunan harta yang berdaya maju.

Bagi menjaga kepentingan dan hak harta wakaf di negeri Selangor, pihak MAIS juga telah melaksanakan beberapa tindakan secara berterusan agar kedudukan harta wakaf lebih terjamin daripada unsur-unsur jual beli, dihibahkan atau menjadi harta warisan sedangkan wakaf adalah kekal menjadi milik Allah SWT.

Antara langkah dan tindakan berterusan yang telah dibuat oleh pihak MAIS adalah mengemaskinikan fail-fail wakaf, mengenal pasti masalah yang dihadapi ke atas tanah yang tidak dapat didaftarkan, mendaftarkan tanah wakaf yang belum didaftarkan ke atas nama MAIS, memastikan tanah yang diwakafkan mencapai niat dan hasrat wakaf, memastikan tanah wakaf yang disewakan mempunyai perjanjian serta mematuhi syarat sewaan, menyemak semula perjanjian sewaan tanah-tanah wakaf yang sedia ada.

Pihak MAIS juga telah merancang dan melaksanakan program pembangunan hartanah wakaf yang berdaya maju selaras dengan sasaran menjadikan harta wakaf sebagai aset yang berdaya maju dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Pihak MAIS juga berperanan sebagai pemegang amanah bagi harta wakaf yang dibangunkan untuk pembangunan dan kebajikan kepada umat Islam di negeri Selangor. Di antara pembangunan yang telah dilakukan di atas tanah wakaf adalah seperti berikut iaitu membina Pondok Warga Emas, Rumah Anak Yatim Nur Hikmah, Desa Al-Mansuriah, Lembaga Zakat Selangor (Rumah Saudara Baru), Rumah Kebajikan Anak Yatim Al-Khairiah, Sg. Pinang Klang, Sekolah

Rendah Agama Meru II, Jalan Kopi, Meru Klang dan Tapak Sekolah Rendah Agama Parit 11 Timur Sg. Besar.

c) Di dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengurusan harta wakaf di Negeri Selangor, pihak MAIS tidak terkecuali daripada menghadapi masalah-masalah di dalam pengurusan harta wakaf ini.

Di antara permasalahan yang dihadapi oleh pihak MAIS adalah seperti berikut:

- Permasalahan tanah wakaf yang tiada berdokumen dan belum didaftarkan.
- Kes-kes pewakaf yang telah meninggal dunia dan urusan wakaf belum dilaksanakan.
- Pembangunan ke atas tanah wakaf yang dilakukan tanpa kebenaran daripada MAIS.

Di antara tanah wakaf yang terlibat dengan pembangunan tanpa mengikut prosedur yang telah ditetapkan ialah Fatah Bin Adnan Lot 2171, GM 4702, Mukim Kapar, Ahmad Bin Abdullah Lot 5457, GM 3353 Mukim Kapar, Saridan Bin Ridan Lot 2169, GM 3499, Mukim Kapar, Yasir bin Hj Abd Rahman Lot 3775, GM 4015, Mukim Kapar dan Mohd Yusof @ Ujang bin Bador, PT 1727, HS(M) 12463 Mukim Sungai Buloh.

Walau bagaimanapun pihak MAIS telah melaksanakan beberapa tindakan bagi menyelesaikan perkara tersebut seperti mengadakan perbincangan dengan pihak masjid, meneliti semula segala perjanjian sewaan yang telah dibuat, memberi penerangan kepada penyewa-penyewa dan pihak masjid berkenaan konsep wakaf dan peranan MAIS sebagai pemegang amanah harta wakaf di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

9. Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPAS) telah mewujudkan rangkaian perkhidmatan perpustakaan di seluruh Selangor. Sehingga Jun 2007, PPAS mempunyai 90 buah pusat perkhidmatan.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan kesemua 90 buah pusat perkhidmatan tersebut berserta butiran seperti alamat, kemudahan yang sedia ada dan yang berkaitan.

b) Adakah perkhidmatan yang telah disediakan sejak 1983 (penubuhan perpustakaan desa pertama) sehingga kini berkesan melahirkan masyarakat membaca?

c) Bagaimana keberkesanan tersebut diukur. Berikan perangkaan dan butiran lanjut. Bagaimana membuat permohonan baru bagi kemudahan perpustakaan dan kriteria permohonan?

JAWAPAN :

a)

	PERPUSTAKAAN NEGERI	**KEMUDAHAN**
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor d/a Perpustakaan Raja Tun Uda Persiaran Perdagangan 40572 Shah Alam Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Bilik Internet & Multimedia Akses Internet WiFi Kemudahan Laluan OKU *Book Drop Box* Bilik Syarahan/ Kajian/ Perbincangan Perkhidmatan Nilai Tambah

	PERPUSTAKAAN DAERAH	
1.	Perpustakaan Sultan Abd Samad Jalan Morib 42700 Banting	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Universal Service Provision (USP) Perkhidmatan Nilai Tambah
2.	Perpustakaan Daerah Klang Jalan Tengku Kelana 41000 Klang	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Perkhidmatan Nilai Tambah
3.	Perpustakaan Syed Mashor 44000 Kuala Kubu Bharu	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Universal Service Provision (USP) Perkhidmatan Nilai Tambah
4.	Perp. Daerah Sabak Bernam Jalan Pejabat Daerah 45300 Sungai Besar	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
5.	Perpustakaan Daerah Gombak Persiaran Pegawai Bandar Baru Selayang 68100 Batu Caves	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Self Check Machine Perkhidmatan Nilai Tambah Bilik Internet & Multimedia
6.	Perpustakaan Daerah Hulu Langat Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Bilik Internet & Multimedia Perkhidmatan Nilai Tambah
7.	Perpustakaan Daerah Kuala Selangor Tingkat 2 & 3, Kompleks PKNS Kuala Selangor Jalan Perusahaan 1 45000 Kuala Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Bilik Internet & Multimedia Perkhidmatan Nilai Tambah

	PERPUSTAKAAN CAWANGAN	
1.	Perpustakaan Cawangan Kajang Bangunan Dato Nazir 43000 Kajang	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Perkhidmatan Nilai Tambah
2.	Perp. CawanganTanjong Karang Tingkat 2, Wisma PPAS 45500 Tanjong Karang	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Universal Service Provision (USP) Perkhidmatan Nilai Tambah
3.	Perpustakaan Cawangan Rawang No 2, Jalan RP 4/1 Bandar Rawang Perdana 48000 Rawang	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
4.	Perpustakaan Cawangan Pelabuhan Klang Jalan Pekeliling, Seksyen 7 Bandar Pelabuhan Klang 42000 Pelabuhan Klang	Bilik Internet & Multimedia Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah

	PERPUSTAKAAN PEKAN	
1.	Perp. Pekan Sungai Pelek 26B, Jalan Sungai Pelek Kampung Baru 43950 Sungai Pelek Sepang	Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
2.	Perpustakaan Pekan Sekinchan Jalan Dewan Sri Sekinchan 45400 Sekinchan	Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)

3.	Perp. Pekan Semenyih Jalan Besar 43400 Semenyih Kajang	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
4.	Perp. Pekan Batang Berjuntai No. 31A, Jalan Berjuntai 3, Pusat Perniagaan Batang Berjuntai 45600 Kuala Selangor	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
5.	Perpustakaan Dataran Sabak Bernam Jalan Syed Hashim, 45200 Sabak Bernam	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
6.	Perpustakaan Pekan Hulu Bernam Jalan Besar Hulu Bernam 35900 Tanjung Malim	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)

	PERPUSTAKAAN DESA Daerah Klang	
1.	Perp. Desa Meru Dewan Serbaguna Meru Pekan Meru 41050 Klang	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
2.	Perp. Desa Pulau Indah Kampung Teluk Nipah 42920 Pel. Klang	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
3.	Perp. Desa Bukit Kapar Taman Sri Cerakah Bukit Kapar Timur 42000 Kapar	Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah

	Daerah Kuala Langat	
4.	Perp. Desa Olak Lempit Kampung Olak Lempit 42700 Banting	Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
5.	Perp. Desa Sri Jugra Kampung Sri Jugra 52700 Banting	Universal Service Provision (USP)\ Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
6.	Perp. Desa Kg. Endah Kampung Endah 42700 Banting	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
7.	Perp. Desa Sijangkang Balai Serbaguna, Batu 1, Kg. Sejangkang 42500 Telok Panglima Garang Kuala Langat.	Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
8.	Perp. Desa Jenjarom Jalan Masjid, Kampung Jenjarom, 42600 Jenjarom, Selangor	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
9.	*Perp. Desa Sungai Kelambu* 42700 Banting	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah

10.	Perp. Desa Kg Ladang Batu Bangunan Penduduk Kg Ladang Batu 42800 Tanjung Sepat	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
11.	Perp. Desa Kampung Morib Balai Raya Kampung Morib 42700 Banting Selangor	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
12.	Perp. Desa Kampung Batu Laut Bangunan Penduduk Kg Batu Laut 42800 Tanjung Sepat Selangor	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
13.	Daerah Sepang	
	Perp. Desa Kg. Sg. Merab Kg. Sungai Merab Tengah 43000 Kajang	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
14.	Perp. Desa Jenderam Hilir Kg. Jenderam Hilir 43900 Sepang	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
15.	Perp. Desa Bukit Bangkong Kampung Bukit Bangkong 43900 Sepang	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)

16.	Perp. Desa Bagan Lalang Jalan Besar, Kg. Bagan Lalang 43900 Sungai Pelek, Sepang	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
17.	Perp. Desa Kg. Dato Ahmad Razali 22, Kampung Dato' Ahmad Razali, 43800 Dengkil,	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
	Daerah Hulu Langat	
18.	Perp. Desa Batu 14 H. Langat Pekan Batu 14, 43100 Hulu Langat	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
19.	Perpustakaan Desa Beranang Kompleks Penghulu Mukim Beranang, 43700 Beranang	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
20.	Perp. Desa Kg. Melayu Ampang, Dewan Datuk Tahir Karim, Kg. Melayu Ampang, 68000 Ampang, Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
21.	Perp. Desa Lembah Jaya, Masjid Kg. Lembah Jaya, Kg. Lembah Jaya, 68000 Ampang, Selangor	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah

22	Perp. Desa Kg. Pandan Dewan Dato' Haji Mad Aris Jalan H, Kg. Pandan Dalam, 55100 Kuala Lumpur	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
23.	Perp Desa Kampung Jawa Pusat Komuniti Kampung Jawa Batu 18, 43650 Hulu Langat Selangor	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
24.	Perp. Desa Desa Mahkota Balai Raya Desa Mahkota Kampung Sungai Kembong Hilir 43000 Kajang Selangor	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
25.	Perp. Desa Kemensah Sekolah KAFA Integrasi Kemensah Ulu Kelang 68000 Ampang, Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
26.	Perpustakaan Desa Cheras Baru d/a Masjid Nor Sa'adah Kg Cheras Baru 56100 Cheras Baru Cheras , Kuala Lumpur	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan
27.	Daerah Gombak	
	Perp. Desa Al-Syakirin Km. 9 Batu 5 ¾ Jalan Gombak 53100 K. Lumpur	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
28.	Perp. Desa Kuang Batu 18, Kuang 48050 Rawang	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)

29.	Daerah Petaling	
	Perp. Desa Kubu Gajah Kg. Kubu Gajah 47000 Sg. Buloh Petaling	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
30.	Perp. Desa Kg. Sg. Pelong Kg. Sg. Pelong 47200 Sg. Buloh Kepong	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
	Daerah Hulu Selangor	
31.	Perp. Desa Sg. Masin Kg. Sg. Masin 44000 Batang Kali Kuala Kubu Bahru	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
32.	Perp. Desa Sg. Selisik Kg. Masjid, Sg. Selisik 44020 Kuala Kubu Bahru	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
33.	Perp. Desa Kerling Kg. Pasir 44100 Kerling Hulu Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT)
34.	Perp. Desa Kalumpang Kg Titiwangsa, 44100 Kerling Hulu Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)

35.	Perp. Desa Sg. Choh Kompleks JKKK Sg. Choh, 48000 Rawang	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
36.	Perp. Desa Kg Serigala, Kampung Serigala Sungai Selisek 44020 Kuala Kubu Bahru	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
	Daerah Kuala Selangor	
37	Perp. Desa Ijok Kg. Batu 8, Ijok 45600 Batang Berjuntai Kuala Selangor 019-3650012	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
38.	Perp. Desa Sri Tiram Jaya Kg. Sri Tiram Jaya 45500 Tg. Karang	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
39.	Perp. Desa Parit Mahang Kg. Parit Mahang 45800 Jeram Kuala Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
40.	Perp. Desa Bukit Badong Kg. Bukit Badong 45600 Batang Berjuntai Kuala Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)

41.	Perp. Desa Jeram Batu 19, Jeram Kuala Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
42.	Perp. Desa Sg. Gulang-Gulang Kg. Sg. Gulang-Gulang 45500 Tg. Karang Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
43.	Perp. Desa Kg Assam Jawa Balai Raya Kg Assam Jawa 45500 Bukit Rotan Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
44.	Perpustakaan Desa Puncak Alam PT 1562, Fasa 1D, Bandar Baru Puncak Alam Mukim Ijok, 45600 Kuala Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
45.	Perpustakaan Desa Estet Tunku Abd Rahman Perumahan Ladang Tan Sri Manikavasagam Jalan Raja Musa 45600 Kuala Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
46.	Daerah Sabak Bernam	
	Perp. Desa Bagan Terap Sungai Panjang 45300 Sg. Besar	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
47.	Perp. Desa Bagan Nakhoda Omar Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar 45200 Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)

48.	Perp. Desa RTB Sungai Panjang Sungai Panjang 45300 Sg. Besar	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
49	Perp. Desa Pasir Panjang Ban 1 ½, Parit 10, Pasir Panjang 45400 Sekinchan	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
50.	Perp. Desa Batu 2, Sepintas Kg. Sepintas 45200 Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah *Universal Service Provision (USP)* Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
51.	Perp. Desa Sg. Air Tawar Kg. Sg. Air Tawar 45100 Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
52.	Perp. Desa Kg. Banting Kg. Banting 45200 Kuala Selangor	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
53.	Perp. Desa Tebuk Berihun Kg. Tebuk Berihun 45200, Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
54.	Perp. Desa Sg. Apong Kg. Sungai Apong 45200 Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)

55.	Perp. Desa Taman Muhibbah Taman Muhibbah 45200 Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
56.	Perp. Desa Batu 4 Sepintas Kg. Batu 4, Sepintas 45200 Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
57.	Perp. Desa Batu 38, S. Bernam Kg. Batu 38, 45200 Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
58.	Perp. Desa Simpang Lima Simpang Lima 45300 Sg. Besar	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Komuniti IT Negeri (PKIT) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
59.	Perp. Desa Tebuk Mufrad Jalan Tebuk Mufrad, 45100 Sungai Air Tawar, Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
60.	Perp. Parit Baru Jalan Tanah Lesen, 45100 Sungai Air Tawar, Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP) Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
61.	Perp. Desa Tebuk Pulai, Kampung Tebuk Pulai, 45200 Sabak Bernam,	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah

62	Perp. Desa Parit 14, Sg Panjang Kampung Parit 14, Jalan Sungai Panjang, 45200 Sabak Bernam	Universal Service Provision (USP) Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
63	Perp. Desa Parit 6 Kampung Parit 6 ½ Barat, 45300 Sungai Besar,	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
64	Perp. Desa Kg Parit 11 Kg Parit 11 Barat 45300 Sungai Besar	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK)
65	Perp. Desa Parit 7 Pejabat JKKK Parit 7 Baroh, Sungai Leman 45400 Sekinchan 012-2728217	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
66	Perp. Desa Taman Setia Jaya Dewan Orang Ramai Taman Setia Jaya 45300 Sungai Besar	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah Universal Service Provision (USP)
67	Perpustakaan Desa Parit 8 Parit 8, Jalan Sungai Panjang 45300 Sabak Bernam	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan Perkhidmatan Nilai Tambah
	PERPUSTAKAAN BERGERAK	
1	Perpustakaan Bergerak M1 (Kuala Kubu Baru)	Pinjaman, Pemulangan
2	Perpustakaan Bergerak M2 (Kajang)	Pinjaman, Pemulangan
3	Perpustakaan Bergerak M3 (Kuala Langat)	Pinjaman, Pemulangan, Rujukan

4	Perpustakaan Bergerak M9 (Sabak Bernam)	Pinjaman, Pemulangan
5	Perpustakaan Bergeram M10 (Klang)	Pinjaman, Pemulangan

b) Bermula dari penubuhan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, perkhidmatan yang diberikan telah memberikan kesan yang baik dan positif kepada seluruh masyarakat di Selangor sama ada di bandar dan luar bandar. Perlaksanaan pelbagai program sebagai galakan dan penyuburan budaya membaca telah melahirkan masyarakat yang berilmu, berpengetahuan dan bermaklumat.

Kepekaan terhadap pentingnya perkembangan budaya membaca telah mewujudkan satu pendekatan baru di mana pusat perkhidmatan perpustakaan perlu disuburkan dengan pelbagai aktiviti dan kempen galakan membaca secara berterusan. Peranan setiap pusat perkhidmatan kini perlu lebih jelas dan fokus kepada perkembangan budaya keilmuan di dalam masyarakat.

Dalam satu kajian bertajuk "Kajian Tabiat dan Minat Membaca di Negeri Selangor" yang dijalankan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor mendapati purata minat membaca masyarakat negeri Selangor adalah sebanyak **81.8 %**. Ini menunjukkan hanya sebilangan kecil penduduk negeri Selangor yang tidak membaca buku iaitu sebanyak **18.2%**.

Fakta ini disokong lagi dengan sambutan yang diberikan oleh masyarakat setempat kepada perkhidmatan yang disediakan oleh semua pusat perkhidmatan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Jumlah ahli berdaftar dan statistik peminjaman bahan juga semakin meningkat dari tahun ke tahun dan ini tidak termasuk jumlah pengunjung perpustakaan yang tidak berdaftar sebagai ahli perpustakaan. Namun demikian, PPAS harus memainkan peranan yang berterusan kerana pembudayaan minat membaca ini perlu terus disemai dan disuburkan di jiwa setiap generasi tidak kira di kelompok yang mana sekalipun.

c) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah mengkompilasikan data-data dari semua pusat perkhidmatan bagi mendapatkan indikator prestasi perkhidmatan dan pencapaian objektif jabatan dari semasa ke semasa. Data-data ini termasuklah data statistik yang dikemas kini secara konsisten mengikut bulan dan tahun. Sebagai contoh sekiranya dibuat perbandingan tahunan, pencapaian **jumlah keahlian** dan **pinjaman perpustakaan desa** serta pencapaian dalam peratusan berbanding jumlah sebenar adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Keahlian	Pencapaian	Jumlah Pinjaman	Pencapaian
2005	3,989	24.4 %	610,930	54.5 %
2006	7,555	33.4 %	687,025	55.9 %
2007	9,401	26.4 %	929,522	55 %

Bagi penambahbaikan perkhidmatan secara berterusan, kajian dibuat dari semasa ke semasa bagi mengenal pasti keperluan masyarakat. Antara kajian yang telah dijalankan ialah mengenai penggunaan perkhidmatan perpustakaan, tahap pembacaan di kalangan masyarakat negeri Selangor, tahap literasi maklumat, tahap pengetahuan IT dan lain-lain lagi.

Bagi penyediaan kemudahan perpustakaan desa, permohonan akan diterima dari wakil JKKK atau wakil pemilik tanah yang mencadangkan pembinaan perpustakaan di kawasan tersebut. Pihak PPAS akan membuat lawatan ke tapak yang dicadangkan untuk memastikan kawasan tersebut bersesuaian dan menepati kriteria tertentu seperti status tapak yang telah diwartakan atau digazet, komposisi penduduk dalam lingkungan 3,000 hingga 5,000 orang, berada dalam ruang yang fleksibel, persekitaran yang "*environmental friendly*", serta mudah dikunjungi oleh semua lapisan masyarakat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : TEMPAT IBADAT

10. Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar

a) Sila nyatakan statistik kuil, tokong dan masjid yang berdaftar dalam Negeri Selangor mengikut PBT.

b) Apakah piawaian yang digunakan bagi meluluskan permohonan tempat ibadat dalam sesuatu kawasan perumahan?

c) Apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan bahawa isu keagamaan (termasuk tempat ibadat) dapat dikendalikan dengan sebaiknya?

JAWAPAN :

a) Pada masa kini, kerajaan negeri tidak mempunyai statistik kuil, tokong dan masjid berdaftar mengikut PBT. Walau bagaimanapun, statistik kuil, tokong dan masjid berdaftar mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Jenis Rumah Ibadat				
	Masjid	Surau	Kuil	Tokong	Gereja
Sabak Bernam	47	221	8	31	
Kuala Selangor	50	172	94	38	
Hulu Selangor	23	155	25	13	
Petaling	67	272	238	58	
Gombak	33	180	93	26	
Hulu Langat	44	337	47	47	27
Kuala Langat	33	121	62	23	
Klang	40	230	208	143	
Sepang	22	67	35	6	
JUMLAH	**359**	**1755**	**810**	**385**	**27**

b) Piawaian yang digunakan bagi meluluskan tempat-tempat ibadat di kawasan perumahan adalah mengikut garis panduan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa seperti berikut:-

Garis Panduan Pembinaan Bangunan Keagamaan Bukan Islam Di Negeri Selangor

1. Setiap permohonan tanah kerajaan, tukar syarat tanah untuk pembinaan bangunan keagamaan bukan Islam perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Bangunan Keagamaan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan. Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada Pejabat-Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi teknikal yang lain.

2. Kebenaran merancang, binaan semula bangunan keagamaan bukan Islam atau tambahan bangunan keagamaan bukan Islam di kawasan PBT juga perlu mendapat kelulusan jawatankuasa ini. Pemaju diminta menyediakan tapak bangunan keagamaan bukan Islam bagi pembangunan melebihi 100 ekar.

3. Keluasan tanah untuk bangunan keagamaan bukan Islam adalah tidak melebihi 10,000 kaki persegi (bagi kawasan pembangunan baru – pelan susun atur).

4. Bangunan keagamaan bukan Islam tidak dibenarkan dibina di kawasan lapang atau yang telah diperuntukkan sebagai kawasan lapang.

5. Penentuan jenis bangunan keagamaan bukan Islam yang didirikan adalah berdasarkan kepada komposisi kaum yang terdapat di sesuatu kawasan tersebut.

6. Bangunan keagamaan bukan Islam yang didirikan tidak melebihi 2 tingkat atau ketinggian keseluruhan tidak melebihi 36 kaki. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada garis panduan yang diguna pakai oleh PBT masing-masing.

7. Pembinaan bangunan keagamaan bukan Islam tersebut tidak akan menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam terutama kepada lalu lintas.

Piawaian Pembinaan Masjid Dan Surau Di Negeri Selangor

i) Pembinaan masjid : 1.2 – 2.5 hektar kawasan diperuntukkan bagi setiap 5000 penduduk / 1000 jemaah.

ii) Pembinaan surau : 0.2 hektar kawasan diperuntukkan bagi setiap 200 orang jemaah atau 800 penduduk beragama Islam.

Selain itu, setiap pembinaan rumah ibadat juga perlu mematuhi peraturan-peraturan berikut:-

i) Manual Garis Panduan & Perancangan Negeri Selangor oleh JPBD Selangor
ii) Garis panduan Tempat Ibadat Bukan Islam oleh JPBD Semenanjung Malaysia

c) Kerajaan negeri sentiasa mengamalkan amalan perundingan dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan tempat-tempat keagamaan. Sebarang pertikaian berhubung dengan bangunan-bangunan keagamaan bukan Islam akan dirujuk dan dibincangkan dalam Jawatankuasa Bangunan Keagamaan Bukan Islam bagi diputuskan keputusannya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN

11. Mengenai kelulusan pembangunan EXCO MTES Bil. 3/2000 bertarikh 26 Januari 2000 secara usaha sama antara MPAJ dengan Tan & Tan Development Berhad dirujuk:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Adakah terma-terma dalam Joint Venture Agreement dipatuhi sepenuhnya dan dilaksanakan seperti mana dalam perjanjian?

b) Berapakah kos dan keuntungan sebenar projek berbanding dengan kos dan keuntungan seperti yang terkandung dalam perjanjian awal?

c) Berapakah keuntungan yang telah diserahkan kepada MPAJ berdasarkan kepada keuntungan sebenar berbanding dengan keuntungan yang diunjurkan dalam perjanjian?

JAWAPAN :

a) Terma-terma dalam Joint Venture Agreement telah dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pemaju.

b) Berdasarkan Perjanjian Usaha sama yang telah ditandatangani di antara MPAJ dengan Tetuan Tan & Tan Development Berhad pada 11 April 2000, Appendix 3 "feasibility study" telah menunjukkan jumlah anggaran kos pembinaan dan pembangunan yang ditanggung oleh pemaju adalah RM175,300,000.00. Anggaran Pulangan Kasar yang diperoleh adalah RM18,000,000.00.

Pihak pemaju memaklumkan bahawa kos pembinaan dan pembangunan sebenar yang ditanggung oleh pemaju sehingga 31.12.07 ialah sebanyak RM415,878,000.00 dan Jumlah Keuntungan Sebenar yang diperoleh adalah sebanyak RM39,374,000.00.

Walau bagaimanapun pihak pemaju menganggarkan kos pembangunan tersebut akan meningkat kepada RM464,466,000.00 dan anggaran keuntungan pemaju sebanyak RM43,133,000.00 kerana terdapat 1 blok pangsapuri yang masih belum siap dibangunkan ditapak.

c) Berdasarkan perjanjian usaha sama yang telah ditandatangani keuntungan yang diperoleh oleh MPAJ adalah secara "in-kind" iaitu 43 unit Rumah Kos Rendah.

Faedah lain seperti bayaran diskaun sebanyak RM7,000.00 seunit, bayaran kos pindah dan bayaran sewaan bulan bagi tempoh pembangunan projek telah diterima oleh pihak setinggan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE

TAJUK : PERHENTIAN BAS SUNGAI BESAR

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan di mana tapak sebenar perhentian bas Sungai Besar yang baru.

b) Adakah tapak perhentian bas Sungai Besar yang lama milik kerajaan negeri dan kepada siapakah tapak tanah tersebut diserahkan serta berapakah bayaran premium untuk setiap meter persegi?

b) Sila huraikan apakah projek yang diluluskan oleh kerajaan di atas tapak perhentian bas tersebut. Berikan butir-butir.

JAWAPAN :

a) Pihak Majlis dalam proses untuk mendapatkan tapak perhentian bas baru di sekitar kawasan Sungai Besar melalui UPEN, bagi menggantikan tapak perhentian bas lama sebelum tapak tersebut dikosongkan.

b) Tanah tapak perhentian bas Sungai Besar lama diserahkan kepada sebuah pertubuhan yang melibatkan lot PT 1657 (berkeluasan 2.5 ekar) dan kedua-dua lot (PT 1883 dan PT 1882) bersebelahan melalui surat PTDSB Bil (7) dlm PTSB 1 D/19/2004 bertarikh 17 September 2004.

Bayaran premium sebanyak RM23,929.00 bagi keseluruhan tapak lot PT 1657 yang dikenakan telah dibayar Pejabat Tanah pada 17 September 2004.

c) Pertubuhan berkenaan telah mengemukakan permohonan kebenaran merancang pada 18 April 2008 untuk pembangunan 32 unit kedai pejabat 2 tingkat di atas ketiga-tiga lot tanah tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK: KONTROVERSI DANA RM 9.9 JUTA

13. Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Selangor (Balkis) telah mengeluarkan RM9.9juta dana sumbangan awam dan syarikat anak Kerajaan Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan dan rancangan Kerajaan Negeri untuk mempertahankan atau memperoleh semula dana tersebut demi kepentingan awam?

b) Bilakah dan akta apakah akan digunakan dalam memperoleh semula dana tersebut seterusnya mengheret pelaku pecah amanah i ni ke muka pengadilan?

c) Siapakah penyumbang dana ini dan senaraikan jumlah sumbangan secara terperinci

JAWAPAN :

a) & b) :

Kerajaan Negeri sudah pun menulis kepada Pendaftar Pertubuhan bagi menyuarakan bantahan terhadap pengkhianatan dana awam tersebut. Buat masa ini kami menunggu respons dari pihak Pendaftar Pertubuhan dan akan meneliti ruang undang-undang yang ada

c) Setakat ini yang telah dikenalpasti ialah RM268,862 dari KDEB pada 2007 dan RM 890,379 dari PKNS pada 2006-2007.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABD AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : PENGUBAHSUAIAN RUMAH KEDIAMAN

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Bagaimanakah kedudukan rumah-rumah kediaman yang telah mendapat kelulusan untuk membuat pengubahsuaian seperti menambah tingkat bagi rumah teres setingkat menjadikan dua tingkat, namun apabila siap CF gagal diperoleh. Bagaimanakah cara penyelesaiannya?

b) mengapa terdapat perbezaan kepada cukai pintu rumah-rumah yang telah diubahsuai dengan rumah-rumah asal tanpa pengubahsuaian? Apakah formula yang diguna pakai bagi menentukan cukai tersebut?

JAWAPAN :

a) Rumah kediaman yang telah mendapat kelulusan untuk pengubahsuaian dan mematuhi seperti pelan yang diluluskan akan diberi CF. Namun yang tidak mematuhi pelan yang diluluskan tidak akan dikeluarkan CF. Cara penyelesaiannya pemohon boleh mengemukakan *As Built Plan* kepada pihak PBT untuk kelulusan. Pihak PBT boleh menimbangkan permohonan berdasarkan syarat-syarat minimum yang ditetapkan. Pihak pemohon boleh dikenakan penalti kerana melencong semasa pembinaan sebagaimana dalam Sek. 70 (13)(b) Akta Jalan Parit dan Bangunan (Akta 133). Penalti atau denda boleh dikenakan tidak lebih dari Lima puluh Ribu Ringgit (RM50,000.00) dan juga boleh dikenakan denda tambahan sebanyak Seribu Ringgit (RM1,000.00) bagi tiap-tiap hari kesalahan diteruskan. Walau bagaimanapun, penalti yang dikenakan boleh dirayu kepada PBT berkenaan.

b) Perbezaan kepada cukai pintu rumah-rumah yang telah diubahsuai dengan rumah-rumah asal tanpa pengubahsuaian adalah seperti yang termaktub di dalam Seksyen 2Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) -Nilai Tahunan adalah termaktub

" Anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperoleh dari setahun ke setahun dari pegangan yang berkenaan jika disewakan, dengan tuan tanah membayar belanja bagi pembaikan, insurans, penyelenggaraan atau pemeliharaan dan segala kadar dan cukai awam ".

Terdapat perbezaan kepada cukai pintu bagi rumah-rumah yang telah diubahsuai dengan rumah-rumah asal tanpa pengubahsuaian adalah disebabkan terdapatnya perbezaan / pertambahan keluasan bagi harta / rumah tersebut. Formula Asas yang digunakan oleh Jabatan bagi pengiraan cukai taksiran adalah seperti berikut :

Keluasan Lantai Bersih @ Kadar sewa skp = Sewa Bulanan Sewa Bulanan @ 12 bulan = NILAI TAHUNAN

Oleh itu CUKAI TAKSIRAN = NILAI TAHUNAN x 8.8%

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PENYAMBUNGAN TEMPOH PAJAKAN BAGI HAKMILIK

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Terdapat aduan diterima dari penduduk kampung baru cina di seluruh Selangor mengenai permohonan penyambungan pajakan bagi hak milik yang telah luput dan proses tersebut masih belum selesai sehingga memakan masa bertahun. Sila nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Pejabat tanah/Daerah terhadap masalah tersebut?

b) Berapa jumlah permohonan yang telah dikemukakan, yang sedang diproses dan yang telah diselesaikan?

c) Berapakah jumlah premium yang dikenakan bagi satu kaki persegi tanah?

JAWAPAN :

a) Kelambatan memproses permohonan penyambungan pajakan bagi hak milik yang telah luput adalah disebabkan oleh masalah-masalah berikut :-

i) Terdapat rayuan premium
ii) Tuan tanah asal telah meninggal dunia
iii) Pertindihan lot
iv) Anjakan lot
v) Perubahan lot

b) Maklumat seperti di lampiran

c) Jumlah premium yang dikenakan bagi tanah di Kampung Baru Cina adalah seperti terkandung di dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil 4/99 seperti mana di lampiran.

LAMPIRAN

SENARAI KAMPUNG-KAMPUNG BARU CINA DI NEGERI SELANGOR

Daerah	Nama Kampung	Mukim	Jumlah Lot	Keluasan Ekar	Bil. Permohonan Lanjut Tempoh Pajakan Yang Diterima	Bil. Permohonan Yang Sedang Diproses	Bil. Permohonan Yang Telah Diselesaikan
Kuala Langat	1.1 Kg. Sg. Jarum (Cina)	Telok Panglima/ Tg. Dua Belas Batu	1,635	1,144	691	384	307
	1.2 Kg. Tg. Sepat (Cina)		880	259.6	183	71	112
Ulu Selangor	2.1 Kg. Pasir Putih Kalumpang (Cina)	Kalumpang	-	-	-	-	-
	2.2 Kg. Air Panas Kerling (Cina)	Kerling	187	17.27	185	10	175
	2.3 Kg. Asam Kumbang, Kuala Kubu Baru (Cina)	Ampang Pecah	396	51	396	6	390
	2.4 Kg. Bukit Candeng Batang Kali (Cina)	Batang Kali	164	9.6	158	12	146
	2.5 Kg. Bharu Serendah (Cina)	Serendah	157	37.312	150	5	145
	2.6 Kg. Bharu Chuang (Cina)	Bandar Rasa/ Batang Kali	406	45.02	380	45	335
Kuala Selangor	3.1 Kg. Baru Ulu Tiram Buruk (Cina)	Ujong Permatang	425	30.48	41	0	41 (Bayaran Premium)
	3.2 Kg. Baru Ijok (Cina)	Ijok	338	40.5	324	20	224 telah keluar hakmilik. 80 dalam tindakan
	3.3 Kg. Baru Bestari Jaya (Cina)	Batang Berjuntai	278	25.5	278	-	278
Sabak Bernam	4.1 Site A Sekincan	Pasir Panjang	182	44.66	70	6	64

	4.2 Site B Sekincan	Pasir Panjang	455	78.48	257	43	209
	4.3 Site C Sekincan	Pasir Panjang	345	58.66	168	49	119
Ulu Langat	5.1 Kg. Baru Ampang (Cina)	Ampang	1,128	72	1,128	475	853
	5.2 Kg. Baru Balakong Cheras (Cina)	Cheras	241	66	241	158	85
	5.3 Kg. Baru Batu 9 Cheras (Cina)	Cheras	113	62	113	71	42
	5.4 Kg. Baru Batu 11 Cheras (Cina)	Cheras	201	37	177	46	131
	5.5 Kg. Baru Sungai Chua Kajang (Cina)	Kajang	748	120	546	15	531
	5.6 Kg. Baru Semenyih (Cina)	Semenyih	542	220	542	242	300
	5.7 Kg. Baru Broga (Cina)	Beranang	-	-	-	-	-
	5.8 Kg. Baru Batu 14 (Cina)	Ulu Langat	60	31	39	9	30
	5.9 Kg. Baru Bangi (Cina)	-	-	-	-	-	-
		JUMLAH	**8,881**	**2,450.082**	**6,067**	**1,667**	**4,597**

Bil.( )dlm.PTG.SEL.32 Pt.3

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

BILANGAN 4/1999

==========

CADANGAN BAYARAN PREMIUM TANAH
BAGI KAMPUNG-KAMPUNG BARU CINA
DI NEGERI SELANGOR

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 15/9/1999 telah menimbang dan bersetuju meluluskan cadangan premium bagi Kampung-Kampung Baru Cina di bawah konsep serah balik dan berimilik semula tanah bagi tujuan melanjutkan tempoh pajakan seperti berikut :

1.1 **Bagi Tempoh Pajakan 60 Tahun**

Kediaman – RM 0.50 sen skp

Perniagaan) (3/4 x 1/100 x nilaian tanah semasa & Industri) x 60 tahun) x 50%

1.2 **Bagi Tempoh Pajakan 99 Tahun**

Kediaman - Dalam kawasan Majlis Perbandaran – RM 2.50 skp

Dalam kawasan – RM 2.00 skp Majlis Daerah

Luar kawasan – RM 1.00 skp Majlis Daerah

Perniagaan) (3/4 x 1/100 x nilaian tanah semasa & Industri) x 99 tahun) x 50%

1.3 Kadar bayaran premium tanah ini adalah juga dipanjangkan kepada semua penduduk asal yang mendiami Kampung-Kampung Baru dalam tahun 1940an yang masih belum mendapat hakmilik kekal.

1.4 **Bagi Tanah Pertanian**

Dikekalkan mengikut kadar dalam Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 1966.

1.5 Syarat-syarat 2(d) hingga 2(g) kepada Pekeliling PTG.SEL.Bil.4/97 adalah juga dikekalkan.

2. Dengan keluarnya Pekeliling ini serta kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 15/9/1999 maka kadar premium yang diluluskan melalui para 2(c) Pek.PTG.Bil.4/97 adalah dibatalkan.

3. Tarikh kuatkuasa Pekeliling ini adalah tarikh kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor iaitu pada 15/9/1999.

T.T

(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN DATO' SHARIFF)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 17 November 1999.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)

TAJUK : PERPUSTAKAAN UNTUK MASYARAKAT SETEMPAT

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapakah perpustakaan yang ada di Negeri Selangor?

b) Kemudahan apakah yang disediakan di dalam perpustakaan?

c) Berapakah purata jumlah buku bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil yang tersimpan di setiap perpustakaan.

JAWAPAN :

a) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor kini mempunyai 90 buah pusat perkhidmatan perpustakaan yang meliputi seluruh daerah di negeri Selangor. Antaranya:

Bil.	Perpustakaan PPAS	Jumlah
1.	Perpustakaan Negeri	1
2.	Perpustakaan Daerah	7
3.	Perpustakaan Cawangan	4
4.	Perpustakaan Pekan	6
5.	Perpustakaan Desa	67
6.	Perpustakaan Bergerak	5
	Keseluruhan	**90**

Manakala 173 buah perpustakaan yang lain di bawah pelbagai agensi juga terdapat di dalam negeri Selangor. Antaranya:

Bil.	Perpustakaan	Jumlah
1.	Perpustakaan PBT	2
2.	Perpustakaan Akademik IPTA	3
3.	Perpustakaan Akademik IPTS	82
4.	Perpustakaan Khusus Guna sama	48
5.	Perpustakaan Khusus Luar Gunasama (Swasta)	36
6.	Perpustakaan Khusus Luar Guna sama (Pertubuhan)	2
	Keseluruhan	**173**

b) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor menyediakan kemudahan-kemudahan yang sesuai dengan keselesaan pengguna perpustakaan

dan juga berdasarkan garis panduan di dalam Dasar Negara Bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat.
Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti :

i) **Kemudahan Bahan Perpustakaan**

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor merupakan pusat sumber maklumat yang utama dan sebagai pembekal perkhidmatan maklumat kepada sektor awam dan swasta. Bahan yang disediakan ke seluruh rangkaian perpustakaan di seluruh Selangor. Kemudahan bahan perpustakaan menjadikan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor berperanan sebagai pusat maklumat dan pusat budaya masyarakat.
Warga Selangor bukan sahaja dapat mengakses maklumat dalam bentuk bercetak dan media elektronik, malah mereka boleh berkumpul untuk tujuan pendidikan dan budaya, program, dan penyertaan dalam aktiviti- aktiviti yang dianjurkan.

ii) **Kemudahan Perkhidmatan**

a) **Perkhidmatan Keahlian Perpustakaan secara percuma.**
Perkhidmatan keahlian secara percuma adalah terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang bermastautin di negeri Selangor.
Proses keahlian kini boleh diperolehi dalam tempoh sekurang-kurang 1 hari bekerja.
Tempoh aktif keahlian perpustakaan adalah dalam masa 2 tahun.

b) **Perkhidmatan Peminjaman dan Pemulangan Buku**
Perkhidmatan berkenaan sediakan kepada ahli perpustakaan dan pengguna boleh meminjam buku sebanyak **3 buah** buku bagi tempoh **3 minggu**.
Perlanjutan tempoh pinjaman boleh dilakukan di kaunter pemulangan dan juga secara panggilan telefon. Tempoh perlanjutan pinjaman adalah selama **3 minggu.**

c) **Perkhidmatan Internet dan Multimedia**
Perkhidmatan Internet dan Multimedia telah dimulakan di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam pada tahun 1999. Ia bertujuan merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat negeri Selangor. Perkhidmatan yang disediakan ialah mengakses Internet dan penggunaan CD-ROM. Perkhidmatan ini juga telah diperluas ke perpustakaan - perpustakaan daerah, cawangan, pekan dan desa.
Bagi perkhidmatan ini pengguna dikenakan caj iaitu:

Penggunaan internet :
Dewasa - 1 jam RM 2.00
Kanak-kanak - 1 jam RM 1.00

d) **Perkhidmatan Portal-Portal PPAS**
Perkhidmatan ini adalah pembangunan PPAS kepada pengguna dalam mendukung era ICT di Selangor. Melalui laman web PPAS, pengguna boleh mengakses portal yang khusus untuk pelbagai kategori pengguna. Antaranya:

i) **Portal Jejak IT**
Portal yang khusus untuk golongan pelajar bagi menguasai ICT. Menyediakan lebih 1,500 bahan dalam format *e-book* yang meliputi pembelajaran seperti Microsoft Office, HTML, Networking dan pelbagai lagi. Bahan dalam format dwi-bahasa.

ii) **Portal Ekommaju**
Portal khusus kepada golongan peniaga IKS yang berkonsepkan e-dagang yang memberikan khidmat promosi barangan IKS serta memasarkan di dalam portal.

iii) **Portal e-Belia**
Portal yang membantu para belia khususnya di Selangor berkongsi pendapat, ilmu dan maklumat serta percambahan idea selaras dengan peredaran masa.

e) **Khidmat Penasihat Pembaca (*Reader Advisor*)**
Merupakan perkhidmatan yang membantu pengguna dalam mencari maklumat, mengesyorkan bahan yang sesuai kepada pembaca serta membantu menyediakan bahan-bahan yang diperlukan oleh pelajar, penyelidik dan sebagainya.

f) **Koleksi Selangor**
Koleksi Selangor adalah koleksi yang koleksi bahan-bahan mengenai negeri Selangor di dalam pelbagai format seperti bahan digital, bercetak, manuskrip, risalah, peta dan gambar. Semua bahan-bahan ini boleh diperoleh di Bahagian Maklumat dan Penyelidikan serta khusus untuk rujukan dan penyelidikan pengguna. Bagi bahan di dalam format digital ia boleh diakses melalui terminal ' **Portal Iwin** (Koleksi Selangor)'.

g) **Lain-lain Kemudahan dan Perkhidmatan**
Perkhidmatan lain yang disediakan adalah seperti:
- Perkhidmatan Fotokopi
- Perkhidmatan 'Wireless Broadband'.
- Perkhidmatan Maklumat Semasa (CIS)
- Aktiviti Gerakan Membaca dan Galak guna perpustakaan.

h) **Waktu Perkhidmatan Perpustakaan**

WAKTU PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA, SHAH ALAM

ISNIN	:	10.00 Pagi - 7.00 Petang
SELASA – JUMAAT	:	9.30 Pagi - 7.00 Petang
SABTU & AHAD	:	9.00 Pagi - 5.00 Petang

WAKTU PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN DAERAH, CAWANGAN, PEKAN

ISNIN – JUMAAT	:	9.00 Pagi - 6.00 Petang
SABTU *	:	8.30 Pagi - 5.30 Petang

WAKTU PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DESA

ISNIN – KHAMIS	:	9.00 Pagi - 6.00 Petang
		(Tutup 1.00 Petang - 2.00 Petang)
JUMAAT	:	9.00 Pagi - 6.00 Petang
		(Tutup 12.15 Tengah hari - 2.45 Petang)
SABTU *	:	8.30 Pagi - 5.30 Petang
		(Tutup 1.00 Petang - 2.00 Petang)

iii) Kemudahan Maklumat dan Penyelidikan

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor berperanan dalam memberikan maklumat kepada masyarakat dengan pelbagai kaedah bagi memenuhi kemudahan berkenaan. Antaranya perkongsian sumber dengan perpustakaan – perpustakaan atau pusat maklumat lain. Melalui konsep ini, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor berupaya untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna dengan memanfaatkan kepelbagaian sumber maklumat yang ada di perpustakaan-perpustakaan lain.

c) Koleksi bahan di Perbadanan Perpustakaan telah menjangkau **3 juta naskhah** yang meliputi seluruh pusat perkhidmatan di Selangor. Jumlah bahan berkenaan merangkumi bahan bercetak dan tidak bercetak. Sehingga kini , pecahan koleksi mengikut bahasa adalah sebanyak:

a) Bahasa Melayu – 70%

b) Bahasa Inggeris – 20%
c) Bahasa Lain – 10%

Pembangunan koleksi ini perlu merangkumi koleksi asas dan koleksi tambahan yang bersesuaian dengan komuniti serta persekitaran pusat perkhidmatan berkenaan. Namun demikian, penyediaan koleksi merangkumi bahasa-bahasa lain selain Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris hanyalah merangkumi bahan tidak bercetak (Bahan Pandang Dengar) sahaja. Ini kerana prosedur pembelian buku PPAS adalah tertakluk kepada Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor yang memperuntukkan pembelian bahan buku diutamakan untuk Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai menyahut seruan kerajaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(DUN SIJANGKANG)

TAJUK : YAYASAN SELANGOR

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah aset-aset Yayasan Selangor sehingga kini?

b) Berapa banyak peruntukan yang diberikan dalam penajaan pendidikan pelajar anak Selangor?

c) Apakah langkah yang diambil bagi memastikan anak yang menerima penajaan ini akan mendapat tempat dan terus berjaya dalam pendidikan?

JAWAPAN :

a) **A. Bangunan Pejabat Yayasan Selangor**

1. Bangunan Yayasan Selangor di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur (12 Tingkat)
2. Bangunan Yayasan Selangor di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur (18 Tingkat)
3. Menara Yayasan Selangor di Jalan Timur, Petaling Jaya (18 Tingkat)

B. Lot-Lot Rumah Kediaman

1. 25 Unit Kondominium, Universiti Tower, Jalan Universiti Petaling Jaya
2. 14 Unit Apartment, Kayu Ara, Damansara Petaling Jaya
3. 24 Unit Apartment dan 3 Unit Semi D, Perangsang Impian, Templer Park.
4. 10 Unit Semi D, Taman Melawati Jaya, Kuala Selangor.

A. Lot-Lot Kedai

1. 3 Lot 4 Tingkat, Rumah Kedai, Ampang Point, Ampang.
2. 2 Lot 3 Tingkat, Rumah Kedai, Bandar Semenyih.
3. 1 Lot 4 Tingkat, Rumah Kedai, Jalan Seksyen Klang.
4. 2 Lot Kedai. Taman Melawati Jaya, Kuala Selangor.
5. 4 Lot 3 Tingkat, Rumah Kedai, Kayu Ara, Damansara Petaling Jaya
6. 10 Lot 3 Tingkat, Rumah Kedai, Kelana Jaya, Petaling Jaya
7. 7 Unit, lot perniagaan, Pasar Moden, Rawang.

Sehingga RM 8,000 setahun

b) Peruntukan yang diberikan dalam penajaan pendidikan pelajar-pelajar anak selangor.

1. Jumlah peruntukan tahunan RM 5 Juta.
2. Jumlah pembiayaan bagi tajaan pelajar-pelajar terhad kepada RM 25,000.00.
3. Jumlah tajaan berdasarkan kepada program kursus;

BIL.	PERINGKAT	JUMLAH
1.	Sekolah Menengah	RM 300.00 setahun (Biasiswa Kecil) RM 600.00 setahun (Biasiswa Khas) RM 400.00 setahun (Dermasiswa)
2.	Persijilan	Sehingga RM 5,000.00 setahun
3.	Diploma	Sehingga RM 7,000 setahun
4.	Ijazah	

c) Langkah-langkah bagi memastikan anak yang menerima penajaan ini akan mendapat tempat dan terus berjaya dalam pendidikan.

1. Pemberian tajaan pinjaman pelajaran (IPTA/IPTS) adalah tertakluk kepada penerimaan kemasukan ke program-program pendidikan di IPTA atau IPTS.

2. Jumlah tajaan adalah berdasarkan kepada jenis kursus dan pusat pengajian tinggi yang didaftar.

3. Kelayakan pemberian tajaan kepada mereka yang dilahirkan di Selangor atau salah seorang daripada ibu bapanya di lahirkan di Selangor sebelum tahun 1971.

4. Pemantauan pelajar dan pembayaran tajaan akan dikeluarkan setiap semester berdasarkan kepada kelulusan peperiksaan semester.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SG. PANJANG)

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PENGURANGAN CUKAI)

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Bilakah kerajaan negeri akan turunkan cukai rumah 20% dan cukai premis perniagaan 10%?

b) Apakah usaha alternatif yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengganti kehilangan pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menampung kekangan kewangan PBT?

JAWAPAN :

a) Buat masa ini, cadangan untuk menurunkan kadar cukai taksiran rumah sebanyak 20% dan cukai taksiran premis perniagaan sebanyak 10% masih dalam kajian Kerajaan Negeri memandangkan keadaan ekonomi Selangor ketika ini masih belum mencapai tahap memuaskan bagi membolehkan janji-janji itu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tetap berusaha untuk memastikan agar janji-janji dapat ditunaikan secara berperingkat.

b) Usaha alternatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menggantikan kehilangan pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan berikutan cadangan pengurangan kadar cukai taksiran adalah dengan meningkatkan kutipan Hasil Bukan Cukai yang terdiri daripada lesen-lesen perniagaan, sewaan dan faedah. Pihak Berkuasa Tempatan juga diminta agar dapat mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk memastikan kutipan denda, kompaun dan waran dapat ditingkatkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. MOHD SHAMSUDIN BIN HJ. LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : AGAMA

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Sila berikan penjelasan adakah Kerajaan Negeri Selangor boleh melantik sesiapa sahaja yang tidak ditauliahkan oleh DYMM Sultan Selangor untuk menyampaikan khutbah Jumaat di masjid-masjid di Negeri Selangor?

b) Sila senaraikan nama-nama penceramah yang ditauliahkan oleh DYMM Sultan Selangor untuk menyampaikan ceramah agama di masjid dan di surau di Negeri Selangor?

c) Sila jelaskan peraturan-peraturan yang diguna pakai oleh Jabatan Agama Islam Selangor bagi mentauliahkan penceramah-penceramah agama di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor tidak boleh melantik individu yang tidak ditauliahkan oleh DYMM Sultan Selangor untuk menyampaikan khutbah Jumaat di masjid-masjid di Negeri Selangor.

b) Sehingga bulan April 2008, seramai 1,132 orang telah diberikan tauliah berceramah di masjid dan surau di seluruh Negeri Selangor. Senarai nama penceramah tersebut boleh diperoleh dari laman web JAIS di www.jais.gov.my.

c) Pentauliahan penceramah agama di Negeri Selangor adalah berasaskan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor 2003 dan Kaedah-kaedah Tauliah (Negeri Selangor) 2001.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)

TAJUK : KES DENGGI

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor:-

a) Kes denggi semakin meningkat di Selangor. Apakah taburan kes mengikut daerah dan kerajaan tempatan?

b) Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasinya?

JAWAPAN :

a) Mengikut statistik yang di kumpul oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor sehingga 30 April 2008, taburan kes demam denggi mengikut daerah dan kerajaan tempatan adalah seperti berikut :-

PBT	Bilangan Kes		Jumlah
	Demam Denggi	Demam Denggi Berdarah	
MBSA	1,026	35	**1,061**
MBPJ	416	22	**438**
MPSJ	562	74	**636**
MPS	481	27	**508**
MPK	790	29	**819**
MPKj	681	19	**700**
MPAJ	193	38	**231**
JUMLAH PBT	**4,149**	**244**	**4393**
Hulu Langat	74	4	**78**
Klang	209	8	**217**
Kuala Langat	78	14	**92**

Kuala Selangor	128	0	**128**
Hulu Selangor	209	2	**211**
Sepang	74	9	**83**
Sabak Bernam	99	2	**101**
JUMLAH PKD	**871**	**39**	**910**
JUMLAH KESELURUHAN	**5,020**	**283**	**5,303**

b) Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil untuk mengatasinya adalah :

Jangka pendek

i) Mengadakan **gerak gempur "Ops bersih"** selama 2 bulan bermula pada 10 Mei ini di lokaliti-lokaliti wabak iaitu :

- Petaling (Shah Alam , Subang Jaya, Petaling Jaya)
- Klang (Bandar Sultan Sulaiman, Pandamaran, Taman Sentosa, Bkt. Tinggi, Kg. Jawa, Padang Jawa, Jalan Meru)
- Hulu Langat (Bandar Baru Bangi, Bandar Kesuma, Semenyih,
- Gombak (Bandar Tasik Puteri, Taman Seri Gombak, Batu Cave)
- Kuala Selangor (Batang Berjuntai)

Dalam operasi ini akan dijalankan :

- Pemeriksaan rumah ke rumah untuk nyamuk aedes, pemberian ubat jentik-jentik dan semburan asap.
- Pemeriksaan tapak binaan, projek terbengkalai, kilang besi buruk dan lain-lain.
- Hebahan awam melalui media massa, pemasangan bunting, poster dan pengumuman bergerak.
- Pameran dan ceramah mengenai pencegahan dan kawalan denggi.

ii) Menggerakkan penduduk untuk mengadakan gotong-royong di kawasan atau lokaliti wabak dan bukan wabak, khasnya penglibatan proaktif dari ketua masyarakat/Adun kawasan untuk menjayakan aktiviti ini.

Jangka panjang

i) Mewujudkan "Skuad Denggi" di semua lokaliti-lokaliti berwabak di negeri Selangor yang terdiri daripada ahli jawatankuasa penduduk dan diketuai oleh Adun kawasan masing-masing sebagai penasihat bagi menjalankan aktiviti "**mencari dan memusnah**" tempat-tempat pembiakan nyamuk di dalam dan luar kawasan rumah masing-masing.

Perancangan penubuhan skuad ini akan diadakan pada bulan Jun 2008.

ii) Menambah peruntukan bagi program kawalan penyakit bawaan vektor oleh PBT

- Pengujudan dan pengisian jawatan mengikut norma setiap 100,000 penduduk mempunyai 1 Penolong Pegawai kesihatan Persekitaran (PPKP), 16 Pembantu Kesihatan Awam (PKA) dan 16 Pekerja Rendah Awam (PRA).
- Penambahan peruntukan bagi pembelian peralatan dan bahan kimia yang diperlukan untuk kawalan vektor.
- Pengujudan dan pengisian jawatan kumpulan pengurusan dan profesional (Pegawai Kesihatan, Pegawai Sains (Ahli Kaji Serangga).

iii) Mendidik masyarakat mengenai cara hidup sihat cegah denggi

- Murid-murid sekolah (Melalui Program Bersepadu Sekolah Sihat)
- Masyarakat Am (Hebahan melalui Media Masa, Majalah, Buletin)
- Anggota Kerajaan (Melalui Pekeliling, Bengkel, Seminar)
- Anggota Institusi Swasta (Melalui Ketua Institusi, Bengkel, Seminar)
- Lain-lain (Melalui Pertubuhan-pertubuhan dan lain-lain)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN HERBA DARI NEGERI SELANGOR

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan dan mempromosikan industri herba Negeri Selangor di luar negara?

b) Berapakah jumlah perdagangan yang dikenal pasti di dalam industri herba ke luar di Negeri Selangor bagi 3 tahun yang lepas.

c) Bagaimanakah kerajaan akan membantu pengeluar-pengeluar produk herba tempatan?

JAWAPAN :

a) PKPS membuat promosi melalui penyertaan di dalam pameran dan ekspo perdagangan, aktiviti pengiklanan di media cetak, radio dan televisyen, pembukaan kiosk produk herba di pasaraya-pasaraya, menempatkan produk-produk herba di toko-toko jamu, warung-warung serta kedai-kedai di seluruh negara.

b) Sehingga kini PKPS masih belum membuat sebarang perdagangan bagi produk herba ke luar negara kerana ingin memberi fokus pada pasaran domestik. Bagaimanapun, produk herba Tongkat Ali akan mula dipasarkan di negara Korea Selatan pada pertengahan tahun 2008 hasil kerjasama antara anak syarikat PKPS dan sebuah konsortium daripada Korea Selatan.

c) Kerajaan Negeri membantu pengeluar-pengeluar produk herba tempatan dengan :-

i) Memberi khidmat nasihat dari segi pembangunan produk dan pembungkusan bagi memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh pasaran dunia.

ii) Menyediakan kilang pemprosesan dan pembungkusan produk herba bertaraf Amalan Perkilangan Baik (GMP) yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Turut juga menyediakan mesin-mesin pemprosesan dan peralatan pembungkusan yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai.

iii) Membantu memasarkan produk-produk herba melalui kedai-kedai farmasi, kiosk, toko jamu dan warung-warung di seluruh negara.

Jawapan Jabatan Pertanian :

c) Pihak Jabatan Pertanian ada memberi bantuan dan intensif kepada pengusaha herba dengan bantuan input dan infrastruktur pertanian sebanyak RM5000 per hektar keluasan tanaman. Pihak Jabatan juga membantu dari segi pemprosesan hasil herba dengan bantuan di bawah program industri asas tani.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)

TAJUK : BEKALAN AIR PERCUMA

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor:-

a) Bilakah 20 meter padu bekalan air akan diberi percuma dan adakah Kerajaan Negeri Selangor perlu membayar kepada Syarikat SYABAS sebagai ganti rugi ?

JAWAPAN :

a) Dasar pemberian $20m^3$ bekalan air terawat secara percuma kepada penduduk Negeri Selangor sedang di peringkat pelaksanaan. Kajian impak dari segi ekonomi, perundangan dan sosial sedang disediakan oleh pihak berkuasa negeri bagi memastikan dasar ini memberi manfaat yang besar kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor. Jangkaan pelaksanaan dasar ini adalah bermula pada bulan Jun 2008. Pelaksanaan dasar ini akan memberi kelebihan kepada pengguna domestik terutama yang berpendapat rendah. Dianggarkan sejumlah 1,291,045 pengguna domestik menerima manfaat ini iaitu 61.1% daripada jumlah pengguna di Selangor. Dari segi bayaran ganti rugi, satu kaedah yang lebih ekonomik sedang disediakan bagi memastikan pihak SYABAS dan pengguna mendapat manfaat dari dasar tersebut tanpa tanggungan kerugian oleh mana-mana pihak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : MANIFESTO MENURUNKAN CUKAI PINTU

23. Adakah cukai pintu akan diturunkan sebagaimana yang tertera dalam manifesto kerajaan pakatan rakyat di mana cukai pintu rumah kediaman dikurangkan sebanyak 20% sementara cukai premis komersial diturunkan sebanyak 10%. Saya khuatir sekiranya ia tidak dilaksanakan dalam tempoh terdekat sebelum bulan Jun iaitu bulan mula tempoh kedua *assement fee* dikira. Saya lihat ia adalah satu penipuan kepada rakyat sekiranya kerajaan negeri tidak memberi arahan sewajarnya kepada PBT dalam tempoh terdekat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Adakah arahan atau surat pekeliling akan dikeluarkan supaya meminta premis jangan membuat pembayaran cukai pintu untuk sementara sebelum cukai pintu baru diumumkan?

b) Tolong memberi penjelasan dan menyatakan pendirian kerajaan negeri

JAWAPAN :

a) Buat masa ini, cadangan untuk menurunkan kadar cukai taksiran rumah sebanyak 20% dan cukai taksiran premis perniagaan sebanyak 10% seperti yang tertera dalam manifesto Pakatan Rakyat masih dalam kajian pihak Kerajaan Negeri memandangkan keadaan ekonomi Selangor ketika ini masih belum mencapai tahap memuaskan bagi membolehkan janji-janji itu dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tetap berusaha dan memikirkan kaedah terbaik untuk melaksanakan janji kepada rakyat itu dan hanya akan diketahui ketika membuat belanjawan negeri untuk tahun 2009. Selain itu, rakyat negeri Selangor juga akan dibantu dengan pelbagai insentif kebajikan yang lain bagi meringankan beban seperti pemberian 20ml padu air percuma yang akan dilaksanakan mulai Jun tahun ini serta pemberian diskaun 70% ke atas denda lewat cukai taksiran tahun sebelum 2007 dan 100% pengecualian denda lewat bagi cukai taksiran tahun 2008 yang dibayar dalam tempoh 14 April sehingga 30 Jun 2008.

b) Setakat ini, surat pekeliling yang memberi arahan agar penghutang-penghutang tunggakan cukai diberikan diskaun di atas denda lewat sebanyak 100% bagi tunggakan cukai tahun 2008 dan 70% diskaun denda lewat bagi tunggakan sebelum 31 Disember 2007 telah diedarkan kepada PBT. Diskaun bagi denda lewat ini bagaimanapun berkuat kuasa daripada 14 April 2008 sehingga 30 Jun 2008 sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM (SEKINCHAN)

TAJUK : PELABURAN

24. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;

a) Sila senaraikan jumlah pelaburan luar dan domestik yang diperolehi oleh Negeri Selangor dari Jan hingga Dis tahun 2007 ? Sila berikan butir-butir menerusi pecahan daerah.

b) Bagaimanakah prestasi Negeri Selangor dalam menarik lebih banyak pelabur secara bandingan di antara tahun 2005,2006 dan 2007 ?

c) Sila senaraikan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh semua Negeri yang lain dalam tahun 2007 ?

JAWAPAN :

a) Bagi tempoh tahun 2007, sebanyak **318 projek perkilangan** telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM11,181,450,369**. Dari jumlah ini sebanyak **RM 6,989,739,432 adalah daripada pelaburan tempatan** dan sebanyak **RM 4,191,710,937 dari pelaburan asing**. Sebanyak **25,443 peluang pekerjaan** telah diwujudkan. Butiran pecahan mengikut daerah seperti dilampirkan 1.

b) Secara bandingan, prestasi pelaburan pada tahun 2007 mencatatkan pertumbuhan menggalakkan di mana tahun 2007 jumlah tertinggi berbanding tahun 2005 dan 2006. Sebanyak 318 projek perkilangan telah diluluskan pada tahun 2007 dengan jumlah pelaburan bernilai RM11,181,450,369. Maklumat terperinci seperti jadual berikut.

Projek Perkilangan Yang Diluluskan di Selangor Bagi Tahun 2005 Hingga 2007

Tahun	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2005	338	22,567	4,684,746,834	3,817,131,915	8,501,878,749
2006	312	24,831	3,054,241,068	2,274,343,250	5,328,584,318
2007	318	25,443	6,989,739,432	4,191,710,937	11,181,450,369
Jumlah	**968**	**72,841**	**14,728,727,334**	**10,283,186,102**	**25,011,913,436**

c) Jumlah pelaburan yang diterima oleh semua negeri dalam tahun 2007 adalah seperti jadual berikut;

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Mengikut Pecahan Negeri Bagi Tahun 2007

Negeri	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
W. P. Kuala Lumpur	12	537	52,761,459	39,594,450	92,355,909
W. P. Labuan	0	0	0	0	0
Selangor	**318**	25,443	**6,989,739,432**	**4,191,710,937**	**11,181,450,369**
Pulau Pinang	134	8,833	1,625,246,462	3,143,414,785	4,768,661,247
Perak	59	8,353	651,687,036	1,382,919,999	2,034,607,035
Johor	188	25,772	2,495,412,449	6,747,426,115	9,242,838,564
Negeri Sembilan	40	7,982	493,616,883	2,181,946,337	2,675,563,220
Melaka	38	5,292	1,618,503,951	2,219,208,654	3,837,712,605
Kedah	46	5,288	7,856,661,494	6,133,555,679	13,990,217,173
Pahang	28	1,467	406,893,791	1,156,870,397	1,563,764,188
Kelantan	9	1,429	52,576,800	30,090,000	82,666,800
Terengganu	11	1,933	2,772,157,162	3,391,072,131	6,163,229,293
Perlis	2	178	7,110,000	0	7,110,000
Sabah	41	2,820	1,080,883,461	2,176,661,327	3,257,544,788
Sarawak	23	2,346	403,047,608	631,418,240	1,034,465,848
Jumlah	**949**	**97,673**	**26,506,297,988**	**33,425,889,051**	**59,932,187,039**

Sumber : Malaysian Industrial Development Authority (MIDA)

Lampiran 1

Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di Selangor Mengikut Pecahan Daerah Bagi Tahun 2007

Daerah	Bil. Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling	76	4,371	652,768,080	399,794,750	1,052,562,830
Klang	73	6,057	1,374,054,479	636,849,266	2,010,903,745
Kuala Selangor	10	551	56,028,154	0	56,028,154
Hulu Langat	37	1,858	189,279,423	160,163,842	349,443,265
Gombak	19	1,275	208,546,819	51,829,088	260,375,907
Kuala Langat	15	3,927	2,990,611,534	1,326,700,785	4,317,312,319
Hulu Selangor	6	908	396,668,230	6,496,833	403,165,063
Sepang	2	169	119,344,050	53,750,000	173,094,050
Sabak Bernam	1	71	10,791,897	0	10,791,897
Lain-Lain Kawasan	79	6,256	991,646,767	1,556,126,373	2,547,773,140
Total	318	25,443	6,989,739,433	4,191,710,937	11,181,450,370

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : GEJALA SOSIAL DAN JENAYAH

25. Selangor adalah merupakan negeri yang tertinggi di Selangor dengan masalah sosial dan jenayah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah faktor-faktor yang menjadikan Selangor subur dengan gejala sosial dan jenayah?

b) Berikan statistik terkini mengenai gejala sosial dan jenayah di Selangor?

c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi membasmi gejala sosial dan jenayah di Selangor?

JAWAPAN :

a) Faktor-faktor yang menjadikan Selangor subur dengan gejala sosial dan jenayah.

<u>Gejala Sosial.</u>

Faktor yang menyumbang:-

i. Kemajuan teknologi IT di mana banyak remaja-remaja yang terdedah meniru aksi dan gaya hidup yang negatif yang ditunjukkan di Internet, permainan video dan lain-lain seperti melakukan vandalisme, pergaduhan, berpelesiran pornografi dan lain-lain.

ii. Perkembangan Media massa seperti VCD, wayang gambar, akhbar, majallah, komik yang memaparkan berita-berita berunsur negatif. Ini mendedahkan remaja untuk meniru aksi tersebut mungkin sekadar untuk mencuba dan memberikan kepuasan. Contohnya aksi pergaduhan, gangsterism, mencuri, dadah dan pergaulan bebas.

iii. Ibu bapa yang mengabaikan tanggungjawab mendidik, dan gagal mengawal aktiviti anak-anak kerana kesibukan bekerja menyebabkan anak-anak mudah terpengaruh dengan aktiviti negatif seperti mat rempit, pergaulan bebas, vandalisme dan dadah.

iv. Kurang dan tiada didikan agama.

<u>Jenayah.</u>

Faktor yang menyumbang.

i. Pertambahan penduduk dan peningkatan imigrasi seperti dari Indonesia, India, Bangladesh, China, Nepal, Thailand dan lain-lain. Perlakuan

jenayah sering berlaku sama ada mereka terlibat melakukan jenayah atau dijadikan mangsa jenayah.

ii. Masyarakat yang tidak peka dan terlupa kerana memberi peluang kepada penjenayah melakukan jenayah seperti memakai barang kemas yang banyak semasa melalui kawasan sunyi, tidak mengambil tindakan yang sewajarnya semasa meninggalkan rumah, tidak mengunci kenderaan khususnya motosikal semasa meninggalkan sama ada di tempat letak kenderaan, di bawah flat dan di kawasan sunyi, selalu bersendirian untuk mengeluarkan wang banyak dari bank.

iii. Bilangan penagih dadah yang meningkat. Ini menyumbang kepada peningkatan jenayah kerana mereka akan melakukan jenayah untuk mendapatkan bekalan harian mereka.

iv. Pembangunan yang pesat dan pembukaan kawasan-kawasan baru seperti perumahan, perniagaan, kilang, kompleks membeli belah turut menyumbang dan member peluang kepada penjenayah melakukan jenayah.

v. Kadar pengangguran yang tinggi dan tiada peluang pekerjaan sama ada dari penduduk tempatan dan pendatang asing yang datang ke Selangor.

b) Statistik terkini mengenai gejala sosial dan jenayah di Selangor.

(Seperti Lampiran A dan B)

c) Langkah-langkah yang diambil bagi membasmi gejala social dan jenayah di Selangor.

Membasmi Gejala Sosial.

i. Mengadakan kaunseling, ceramah di sekolah-sekolah yang dikenal pasti bermasalah secara berterusan.

ii. Mengadakan kempen di sekolah

iii. Mengujudkan Pegawai Seranta Sekolah yang terdiri daripada pegawai-pegawai polis di mana Pegawai Polis di setiap daerah di lantik sebagai bapa angkat kepada setiap sekolah. Ia bertujuan untuk membantu pihak sekolah untuk member khidmat nasihat kepada guru-guru bagi mengawal disiplin dan member kaunseling kepada pelajar yang bermasalah.

iv. Mengujudkan dan menghidupkan kembali aktiviti Rukun Tetangga, Skim Kejiranan di kawasan perumahan kerana ia dapat mengurangkan kejadian ragut, pecah rumah pada waktu malam, lumba haram, lepak di waktu malam, perjumpaan tidak sihat remaja di taman-taman permainan.

v. Dicadangkan mengujudkan mekanisma yang sesuai bagi menyedarkan ibu bapa dan penjaga supaya memberikan perhatian dan mendidik anak-anak.

vi. Mengkaji semula dan mengetatkan peraturan-peraturan dan disiplin sekolah.

Membasmi Aktiviti Jenayah

i. Mengadakan kempen pencegahan jenayah di sekolah-sekolah, pusat membeli-belah dan di kawasan yang menjadi tumpuan.

ii. Bekerjasama dengan NGO seperti MCPF, Lion Group, Kelab Harmoni dll dalam memberikan kempen kesedaran pencegahan jenayah di kalangan di kalangan murid-murid dan orang awam di tempat-tempat tumpuan orang ramai.

iii. Rakan cop – Penglibatan orang awam didalam memberikan maklumat kejadian jenayah.

iv. Meningkatkan kehadiran polis (*Omni Present*) di tempat-tempat yang disyaki " *crime prone Area* " seperti di taman permainan, *shopping complex* dan tempat letak kereta.

v. Mempamerkan "*sign board*" di kawasan-kawasan perumahan yang ada skim kejiranan (*neighbourhood watch*) bagi memberikan ketakutan kepada penjenayah melakukan jenayah di kawasan berkenaan.

vi. Melancarkan operasi khusus secara berterusan seperti operasi Lumba Haram, Operasi Membanteras Kecurian Motosikal/Kenderaan, Operasi Penagih dadah. Operasi VCD haram, Operasi PATI, Operasi Kes-Kes Ragut, Operasi Membanteras Peniaga Haram Barang Lusuh.

vii. Menangkap dan mendakwa penjenayah yang telah melakukan jenayah.

viii. Melakukan rondaan sama ada bermotosikal, MPV atau bit dengan lebih kerap di kawasan-kawasan yang sering berlaku jenayah.

ix. Menyediakan Balai Polis Bergerak di kawasan-kawasan yang dikenal pasti.

x. Mewujudkan Balai-balai Baru di kawasan-kawasan perumahan yang telah dikenal pasti.

xi. Merancang untuk mengecilkan sempadan polis kerana ianya lebih efisien untuk menjaga kawasan yang kecil.

xii. Menambah bilangan pegawai dan anggota polis.

JENAYAH INDEKS BAGI TEMPOH JAN-APRIL 2008
KONTINJEN SELANGOR

LAMPIRAN A

DAERAH	P/j	S/JAYA	GOMB	KLG	AMP	KAJANG	S/ALAM	K/SEL	K/LGT	SEP	H/SEL	S/BER	JUM
J.KEGANASAN													
BUNUH	7	4	10	16	3	5	5	1	4	0	3	0	58
ROGOL	18	13	26	28	20	23	17	7	9	9	16	9	195
CABUL	13	14	13	15	22	26	16	2	7	3	4	4	139
S'BKW.S'API	4	2	0	7	0	0	1	1	0	2	0	0	17
S.BKW.T.'API	570	423	426	352	288	344	214	36	32	40	39	9	2773
S'BSENJATAPI	5	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	8
S'TANPA S'API	66	41	201	36	76	74	22	3	3	8	2	1	533
PEMERASAN	41	20	31	15	13	10	11	2	2	8	1	1	155
UGUTAN	109	123	76	75	71	84	48	17	10	16	12	3	644
MERUSUH	68	25	28	41	15	54	14	4	9	5	3	3	269
SEK.324-6 KK	61	66	57	87	53	62	38	21	37	14	14	4	514
JUMLAH	962	731	868	675	561	682	386	94	113	105	94	34	5305
JEN.HARTA BENDA													
CURI	501	477	468	314	465	211	362	90	100	107	70	43	3208
LORI/VAN	116	132	122	202	64	69	53	26	16	16	20	3	839
M/KAR	311	296	185	287	241	167	144	14	13	14	9	5	1686
M/SIKAL	1102	758	859	836	680	761	632	118	127	114	155	102	6244
RAGUT	119	102	92	93	218	2	51	18	18	12	3	7	735
SEK.454 KK	291	287	173	125	104	99	127	37	0	17	1	2	1263
SEK.457 KK	279	316	310	329	290	135	129	66	69	32	62	44	2061
JUMLAH	2719	2368	2209	2186	2062	1444	1498	369	343	312	320	206	16036
JUM.BESAR	3681	3099	3077	2861	2623	2126	1884	463	456	417	414	240	21341

JENAYAH INDEKS BAGI TEMPOH JAN-DIS 2007
KONTINJEN SELANGOR

LAMPIRAN B

DAERAH	P/JAYA	S/JAYA	AMP	GOMB	KLANG	KAJ	S/ALAM	K/LGT	H/SEL	SEP	K/SEL	S/BER	JUM
J.KEGANASAN													
BUNUH	24	16	7	15	34	24	10	5	3	4	2	3	147
ROGOL	79	56	54	81	83	91	31	29	42	15	25	23	609
CABUL	73	46	74	60	36	60	58	21	15	17	12	9	481
S'BKW.S'API	17	0	0	0	10	0	1	1	0	0	0	0	29
S.BKW.T.'API	658	428	185	384	526	386	234	42	55	58	64	13	3033
S'BSENJATAPI	50	1	0	0	27	1	0	1	2	1	0	0	83
S'TANPA S'API	1208	630	893	760	610	845	430	106	100	96	123	17	5818
PEMERASAN	107	49	43	80	53	41	30	9	3	13	6	2	436
UGUTAN	279	333	288	246	242	306	184	96	83	36	55	38	2186
MERUSUH	165	73	42	78	99	130	18	20	19	21	10	5	680
SEK.324-6 KK	205	173	208	141	247	177	105	119	58	64	84	21	1602
JUMLAH	2865	1805	1794	1845	1967	2061	1101	449	380	325	381	131	15104
JEN.HARTA BENDA													
CURI	1754	1430	1612	1498	908	568	1053	301	283	373	241	110	10131
LORI/VAN	423	407	205	325	355	194	128	20	32	51	14	3	2157
M/KAR	963	888	580	442	610	488	261	43	24	52	12	5	4368
M/SIKAL	3195	2372	1941	2561	2291	2572	2076	492	465	369	345	283	18962
RAGUT	447	381	926	377	190	229	124	67	24	19	43	28	2855
SEK.454 KK	479	659	510	524	325	271	258	53	54	49	93	30	3305
SEK.457 KK	855	828	965	815	606	260	324	219	209	119	204	89	5493
JUMLAH	8116	6965	6739	6542	5285	4582	4224	1195	1091	1032	952	548	47271
JUM.BESAR	10981	8770	8533	8387	7252	6643	5325	1644	1471	1357	1333	679	62375

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PENGLIBATAN SURUHANJAYA BANGUNAN

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah keberkesanan penglibatan Suruhanjaya Bangunan mengikut PBT dalam mengatasi masalah penduduk di kawasan perumahan bertingkat dan berikan butir-butir?

b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Suruhanjaya Bangunan mengikut PBT untuk memastikan JMB berfungsi dengan baik?

JAWAPAN :

a) Sebelum pelaksanaan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663], di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan Akta Hak milik Strata [Akta 318], pemaju bertanggungjawab ke atas penyenggaraan dan pengurusan harta bersama sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Perbadanan Pengurusan diadakan. Walau bagaimanapun, dalam tempoh waktu tersebut, banyak berlaku isu-isu penyenggaraan dan pengurusan harta bersama yang dihadapi pembeli dan pemaju seperti kelemahan pengurusan dan penyenggaraan harta bersama yang dilaksanakan pemaju atau ejen pengurusan yang dilantik pemaju sehingga menyebabkan timbulnya pertikaian antara pembeli dan pemaju yang memberi impak kepada tunggakan bayaran perkhidmatan yang tinggi dan kualiti perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan harta bersama yang dilaksanakan pemaju atau ejen pengurusan yang dilantik pemaju.

Dengan berkuat kuasanya Akta 663 pada 12 April 2007 dan pindaan Akta 318 pada tahun 2007, satu entiti baru telah diwujudkan dikenali sebagai Pesuruhjaya Bangunan (COB). Sehubungan dengan itu, masalah semua pembeli bagi kawasan pemajuan strata (meliputi pembangunan bertingkat) secara tidak langsung dapat diatasi melalui penglibatan COB berdasarkan kuasa dan tanggungjawab COB yang terdapat dalam peruntukan Akta 663 dan Akta 318. Di bawah kedua-dua Akta tersebut, dijelaskan tugas-tugas COB dalam mengatasi masalah pembeli atau pemilik petak di kawasan pembangunan berstrata yang mana lebih menekankan kepada mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama yang dilaksanakan pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (PP).

Selain itu, untuk membolehkan pembeli mengambil bahagian dalam pengurusan dan penyenggaraan harta bersama, COB hendaklah memastikan JMB ditubuhkan melalui Mesyuarat Pertama atau PP ditubuhkan melalui Mesyuarat Agong Tahunan Pertama. Dengan pelantikan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) yang mengandungi tidak kurang dari 5 orang dan tidak lebih dari

12 orang dan pemaju, maka pembeli boleh membuat keputusan siapa yang harus menyenggara bangunan dan harta bersama di kawasan pemajuannya termasuk menentukan kadar caruman dan kadar insurans yang perlu dikenakan. Manakala, dengan pelantikan ahli majlis di bawah PP yang terdiri daripada minimum 3 hingga maksimum 14 orang pemilik petak, keputusan ke atas penyenggaraan bangunan dan harta bersama ditentukan sepenuhnya oleh pemilik petak.

COB juga hendaklah memastikan pemaju untuk mengemukakan Akaun Penyenggaraan Bangunan (APB) atau Kumpulan Wang Pengurusan (KWP) yang telah diaudit juruaudit profesional bagi diperiksa oleh pembeli-pembeli / pemilik petak yang merupakan satu amalan yang telus (*transparent*) bagi kedua-dua belah pihak.

Bagi skim yang tidak dapat menubuhkan JMB atau PP atau terdapat aduan mengenai kelemahan dan ketidakberkesanan pengurusan dan penyenggaraan harta bersama bagi sesuatu kawasan pemajuan yang dilaksanakan pemaju, JMB atau PP, COB boleh menyelesaikan isu berkenaan dengan melantik ejen pengurusan bagi mengambil alih pengurusan dan penyenggaraan harta bersama ke atas skim tersebut.

Manakala, dalam mengatasi isu tunggakan bayaran perkhidmatan atau caj penyenggaraan yang tinggi oleh pembeli pada masa kini, peruntukan di bawah Akta 663 telah diadakan bagi membolehkan COB mengeluarkan dan melaksanakan waran penahanan ke atas harta alih pembeli yang mempunyai tunggakan bayaran perkhidmatan atau caj penyenggaraan atas permohonan oleh pemaju atau JMB.

b) COB mengambil beberapa langkah dan pendekatan untuk memastikan JMB berfungsi dengan baik seperti berikut:

i- Memberi penerangan dan pendedahan kepada pembeli-pembeli kawasan pemajuan strata (meliputi pembangunan bertingkat) mengenai Akta 663 serta kepentingan penubuhan JMB ke arah penyenggaraan dan pengurusan harta bersama yang berkualiti.

ii- Menghadiri dan turut serta sebagai pemerhati dan penasihat semasa Mesyuarat Pertama JMB agar Mesyuarat Pertama JMB dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

iii- Menyemak minit mesyuarat, kaedah dalaman (*house rules*) dan lain-lain dokumen yang dikemukakan JMB dan memberi ulasan sebagai penambahbaikan pengurusan dan penyenggaraan harta bersama yang dikendalikan JMB.

iv- Bertindak sebagai mediator dalam menyelesaikan aduan-aduan berkaitan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama di antara pembeli dan JMB.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA YB. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM (KOTA DAMANSARA)

TAJUK : BANTUAN KEBAJIKAN IBUTUNGGAL

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berikan s*tatistic* terkini bilangan ibu tunggal yang terdapat di Selangor ?

b) Apakah masalah sosial yang dihadapi oleh Ibu Tunggal , sila senaraikan ?

c) Sila senaraikan jenis bantuan kewangan , penjagaan anak dan peluang pekerjaan yang kini sedang ditawarkan kepada mereka ?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri melalui Institut Perkembangan Minda (INMIND) telah melakukan bancian khusus untuk mengenal pasti jumlah Ibu Tunggal di Negeri Selangor, bermula pada November 2006 hingga Ogos 2007. Laporan lengkap menunjukkan seramai **5710** orang telah dibanci. Berikut disenaraikan hasil bancian yang telah dilakukan;

Daerah	**Jumlah**
Gombak	1073
Petaling	608
Hulu Langat	987
Kuala Langat	862
Klang	642
Sepang	200
Kuala Selangor	271
Sabak Bernam	244
Hulu Selangor	823
Jumlah	**5710**

Pengumpulan data Ibu Tunggal negeri Selangor masih berjalan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Pejabat Daerah akan menghantar borang Ibu Tunggal yang telah lengkap diisi ke Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk di kemas kini, ini bertujuan bagi membolehkan perancangan aktiviti dibuat dari masa ke semasa. Proses pengumpulan data ibu tunggal akan berterusan dengan meningkatkan mekanisma tambahan yang telah dikenal pasti, bagi memastikan data ibu tunggal yang diperoleh adalah efisien dan merangkumi semua perkara. Laporan tersebut akan digunakan sebagai rujukan oleh semua agensi yang terlibat di Negeri Selangor bagi membolehkan perancangan yang bersesuaian yang melibatkan golongan sasaran ini terus dibuat dari masa ke semasa. Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) pula sedang dalam usaha meningkatkan mutu simpanan data tersebut dengan membangunkan sistem yg boleh digunakan oleh semua agensi selepas ini. Sistem sepenuhnya akan membolehkan pengguna mendapat maklumat di hujung jari. Sistem tersebut akan di sebarkan kepada semua agensi kerajaan selewat-lewatnya pada bulan Ogos nanti. Selain dari itu laporan ini akan

digunakan sebagai rujukan oleh semua agensi yang terlibat di Negeri Selangor bagi membolehkan perancangan yang bersesuaian yang melibatkan golongan sasaran ini terus dibuat dari masa ke semasa.

b) Masalah sosial di kalangan ibu tunggal adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang dikenal pasti, antaranya adalah;

i. Masalah kecukupan sumber kewangan

ii. Masalah menangani cabaran untuk memberi pendidikan kepada anak-anak dari peringkat tadika hingga universiti

iii. Masalah penjagaan anak-anak apabila mereka keluar bekerja

iv. Masalah tanggungan ahli keluarga yang lain seperti ibu bapa dan mertua

v. Masalah tempat tinggal yang selamat

vi. Masalah pendidikan agama dan moral anak-anak

vii. Masalah jati diri

Faktor-faktor tersebut merupakan antara sebab gejala sosial berlaku di kalangan ibu tunggal di negeri Selangor. Walaupun tidak dinafikan golongan ini juga ada yang terlibat dengan jenayah atau gejala sosial yang lain, tetapi jumlah tersebut tidaklah besar.

ii) Kerajaan negeri memainkan peranan dalam menjayakan program-program yang melibatkan Ibu Tunggal melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Zakat Selangor (LZS), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) , Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) , Jabatan Pertanian Negeri Selangor dan Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius tentang permasalahan ibu tunggal dengan menyediakan pelbagai bantuan yang bersesuaian kepada golongan ibu tunggal, melalui agensi kerajaan yang dapat membantu, seperti :

i) Jabatan Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWS)

ii) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

iii) Lembaga Penduduk Perancang Keluarga Negeri (LPPKN)

Selain dari itu, sekiranya ibu tunggal tersebut tergolong dalam golongan rakyat termiskin atau miskin maka bantuan bulanan dan persekolahan anak akan diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sementara itu mereka yang mempunyai kemahiran dalam perniagaan pula akan dibantu dengan pemberian peralatan, sewaan gerai dan pinjaman dana.

Di samping itu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui dana Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberi bantuan berbentuk ,

i Bantuan Sewaan (Perumahan Keluarga Miskin)

ii Pengurangan Beban Tanggungan Keluarga (kewangan)

iii Penjanaan Pendapatan Keluarga

iv Pendidikan dan Latihan (dikelolakan oleh KPKT dengan Kolej Komuniti)

Untuk makluman YB Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau keperluan-keperluan mereka melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Jawatankuasa Penduduk dan Rukun Tetangga dari masa ke semasa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BETULIS DARIPADA
TUAN LAU WENG SAN (KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN BUKIT BERUNTUNG

28. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

a) Apakah sebab utama kegagalan projek perumahan Bukit Beruntung?

b) Apakah rancangan-rancangan terbaru kerajaan untuk memulihkan projek perumahan yang gagal ini demi menyelesaikan kebuntuan yang dialami oleh ribuan pembeli-pembeli rumah di Bukit Beruntung?

JAWAPAN :

a) Perumahan Di Bukit Beruntung mengalami kegagalan disebabkan oleh kurangnya kemudahan asas :-

i) Pihak pemaju tidak menyerahkan sistem bekalan air keseluruhan kepada pihak Syabas dan pemaju bekalkan air kepada pengguna menggunakan kaedah pukal.

ii) Kemudahan bank hanya satu bank sahaja berada si kawasan berhampiran iaitu Bank Public Bank.

iii) Pejabat pos mini paling hampir berada di Taman Bunga Raya.

iv) Pengangkutan awam yang kurang dan lemah.

v) Tiada kemudahan dewan orang ramai.

vi) Kemudahan dan kelengkapan sekolah yang tidak mencukupi dan kurang.

vii) Banyak projek terbengkalai di kawasan sekitarnya.

viii) Tiada tarikan orang awam untuk menduduki kawasan tersebut seperti tiadanya institusi pengajian tinggi atau kemahiran.

Aduan bangunan yang retak tidak diperbaiki oleh pihak pemaju atas alasan liabiliti telah tamat tempoh menyebabkan pemilik rumah enggan berpindah ke Bukit Beruntung.

b) Bagi memulihkan projek-projek perumahan di Bukit Beruntung, Kerajaan Negeri sedang dan akan menjalankan perkara-perkara berikut :-

i) Pihak pemaju dalam tindakan dengan pihak Syabas untuk mendapatkan meter air individu dan dianggarkan mendapat meter pada bulan Ogos (maklumat dari pemaju).

ii) Pembinaan dewan oleh Majlis telah diluluskan pembiayaannya.

iii) Pembinaan sekolah rendah di Bukit Beruntung oleh Kementerian Pendidikan dan pembinaan sedang dalam pelaksanaan.

iv) Pembinaan sekolah agama oleh Jabatan Agama Islam (JAIS) dan dalam proses pembinaan.

v) Bagi projek terbengkalai dalam tindakan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor untuk memulihkannya dan Majlis Daerah menghubungi pihak pemaju dan Liquidator bagi mencari penyelesaian.

Lampiran
6 pgs.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. Ir. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapakah unit Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang telah dibina di kawasan DUN Bukit Melawati sehingga penghujung tahun 2007?

b) Daripada jumlah ini berapakah yang masih kosong atau yang belum dijual lagi?

c) Berikan nama dan alamat semua industri yang beroperasi sekarang?

JAWAPAN :

a) Unit Industri Kecil dan Sederhana

BIL.	KATEGORI	JUMLAH (UNIT)
1.	Bangunan Bengkel Teres 1 tingkat	10
2.	Bangunan Kilang Berkembar 2 tingkat	6
3.	Bangunan Kilang Berderet 1 tingkat	24
4.	Kedai Teres 2 tingkat	32
5.	Kedai Teres 1 tingkat	32
	JUMLAH	**93**

b) Jumlah bangunan yang masih kosong atau belum di jual dan yang disewa :

b) Jumlah bangunan yang masih kosong atau belum di jual dan yang disewa :

Bil.	KATEGORI	JUMLAH (UNIT	
		JUAL	SEWA
1.	Bangunan Bengkel Teres 1 tingkat	3	7
2.	Bangunan Kilang Berkembar 2 tingkat	3	3
3.	Bangunan Kilang Berderet 1 tingkat	9	15
4.	Kedai Teres 2 tingkat	21	-
5.	Kedai Teres 1 tingkat	32	-
	JUMLAH	**68**	**25**

c) Nama dan alamat industri yang beroperasi dan di lesenkan adalah seperti di lampiran.

LAMPIRAN

SENARAI KILANG DALAM KAWASAN MAJLIS TAHUN 2008

BESTARI JAYA

BIL	NAMA/ALAMAT	JENIS LESEN
1	WANG CHIN CHONG LOT PT 4728,JALAN RAJA MUSA, MUKIM BATANG BERJUNTAI 45600 BISTARI JAYA	KILANG BATU BATA
2	YONG LIP NGOH LOT 250 KM 28, JALAN KUALA SELANGOR, 45600 BISTARI JAYA	KILANG MEMBUAT BARANG PLASTIK
3	TAN CHEE MING NO.51,JLN BESAR, 45600 BESTARI JAYA	KILANG KEK/ROTI
4	AMIR HJ.BAHARI TENNAMARAN PALM OIL MILL, 45600 BESTARI JAYA	KILANG (MINYAK SAWIT)
5	BRIGHTWAY HOLDINGS SDN BHD LOT 187, KG SUNGAI DARAH 45600 BESTARI JAYA	KILANG (SARONG TANGAN GETAH)
6	WAN HANAFI BIN WAN YAACOB LOT 960,JALAN KILANG JAYA SETIA 45600 BESTARI JAYA	KILANG MEMBUAT BARANG
7	AYOB BIN ABDUL KARIM LOT 1964, BATU 46 KAMPONG SEPAKAT 45600 BESTARI JAYA	KILANG PERABOT DARI KULIT(KILANG KASUT)
8	LIM HON WENG NO 37 TAMAN SRI BERJUNTAI 45600 BESTARI JAYA	KILANG BESI / KEJURUTERAAN BESI

TANJUNG KARANG

BIL	NAMA/ALAMAT	JENIS LESEN
9	NG LEK LOT 1573,ULU TIRAM BURUK, 45500 TANJONG KARANG	KILANG BESI
10	CHENG CHIAK KAW LOT 4909, JLN SG. GULANG-GULANG BARU, BT 5, 45500 TANJONG KARANG	KILANG PERABOT
11	NG SENG CHUAN NO.D 143, JALAN BESAR 45500 TANJONG KARANG	KILANG (BUAT DARI KAYU)
12	KWI AI YEEN LOT 474, JALAN SATU, TAMAN DESA JAYA, 45500 TANJONG KARANG	KEJURUTERAAN BESI/KILANG BESI
13	KWI AI YEEN LOT 474,JALAN SATU, 45500 TANJONG KARANG	KILANG BESI
14	ROHMAT BIN JUWAHIR LOT 3403 JALAN SUNGAI GULANG-GULANG 45500 TANJUNG KARANG	KILANG BUAT BHN BINAAN

IJOK

BIL	NAMA/ALAMAT	JENIS LESEN
15	CHONG SWEE NGOR LOT 424,JLN KEPONG, KG BATU 8 IJOK 45620 IJOK	KILANG BUAT BHN BINAAN
16	LIM THIAN BENG LOT 966, SIMPANG TIGA IJOK 45620 IJOK	KILANG (DARI KAYU)
17	MOHD SALLEH BIN RAHMAT LOT 42, SIMPANG TIGA IJOK, 45620 IJOK	KILANG PERABOT
18	CHIN WUI YIN LOT 428,SMPG TIGA IJOK, 45620 IJOK	KILANG BASIKAL
19	NOORDEEN HUSSAIN LOT 42,SIMPANG 3 IJOK, 45600 BATANG BERJUNTAI	KILANG PERABOT
20	KOK CHEN KEONG LOT 922, BATU 29, MUKIM IJOK 45620 IJOK	KILANG MEMBUAT PLSTER SYILING
21	LIN TZU KENG LOT 901,902 BATU 29, JALAN KEPONG IJOK 45620 IJOK	KILANG PERABOT
22	OO KUAN TONG HSM 3799, PT 5765, 45620 IJOK	KILANG BARANGAN PLASTIK RECYCLE
23	OO KWANG TUNG PT 4299,JALAN KEPONG BATU 8 IJOK 45620 IJOK	KILANG PLASTIK
24	LIM AH KEONG LOT 1573,JALAN RUKUN SIMPANG 3 IJOK 45620 IJOK	KILANG PLASTIK
25	LIM CHEN TONG JALAN K.SELANGOR IJOK BATU 22 IJOK 45620 IJOK	KILANG BESI / KEJURUTERAAN BESI

KUALA SELANGOR

BIL	NAMA/ALAMAT	JENIS LESEN
26	SAMSUDDIN BIN HAJI TALIB KANTIN SANKYO,BATU 2, , JLN KLANG 45000 KUALA SELANGOR	KANTIN KILANG
27	DZULKIFLI ITHNIN NO.22,JLN PERUSAHAAN 1B, 23 LRG PERUSAHAAN KAWASAN PERINDUSTRIAN	KILANG PERABOT
28	TUAN HAJI OMAR HJ. HASBULLAH BT 2,JLN BERNAM, 45000 KUALA SELANGOR	KILANG PADI
29	SIM SOON KUAN LOT 8,KWSN PERUSAHAAN, 45000 KUALA SELANGOR	KILANG LAMPU (KERJA ELEKTRICAL)
30	SANKYO PRECSION(M)SDN.BHD LOT 2598,MUKIM API-API, 45000 KUALA SELANGOR	KILANG KEJURUTERAAN
31	MOHAMED BIN YAACOB NO 65, BATU 2 1/2, KAMPUNG TELUK PIAH 45000 KUALA SELANGOR	KILANG PLASTIK
32	KONG HOI QEAN (SETIA JUTA QUARY IND.S MUKIM API-API, KAMPUNG API-API 45000 KUALA SELANGOR	KILANG BUAT BAHAN BINAAN

SUNGAI SEMBILANG

BIL	NAMA / ALAMAT	JENIS LESEN
33	TAN JOCK HONG LOT 1267, P.O BOX 244, 42200 KAPAR	KILANG BUAT KOTAK
34	HENG BAK TAN LOT 2400, BT 17,JLN SG SEMBILANG, 45800 JERAM	KILANG (GETAH)
35	TAN JOCK HONG LOT 1267 PO BOX 244 42200 KAPAR	KILANG BUAT KOTAK
36	SALLEH BIN SARING LOT 1896, JALAN DATO HUSIN BATU 17 SUNGAI SEMBILANG 45800 SUNGAI SEMBILANG	KILANG PERABOT

JERAM

BIL	NAMA/ALAMAT	JENIS LESEN
37	NGAN SWE NGO JLN DATUK HUSSIN,BT 17, 45800 JERAM	KILANG PERABOT
38	YAP SWEE SAN BATU 1 3/4, JALAN SIMPANG 3 PEKAN JERAM 45800 JERAM	KILANG PERABOT
39	GAN BOON TIAN JALAN SG. SEMBILANG SIMPANG 4, JALAN KERETAPI LAMA, BATU 17, 45800 JERAM	KILANG PERABOT

BUKIT ROTAN

BIL	NAMA/ALAMAT	JENIS LESEN
40	PKPS AQUA FEEDS SDN. BHD KOMPLEKS AGRO INDUSTRIES PKPS, PASIR TUNTONG 45700 BUKIT ROTAN	KILANG MAKANAN IKAN/TERNAKAN

PUNCAK ALAM

BIL	NAMA/ALAMAT	JENIS LESEN
41	PECK KIM TECK NO. 2, JALAN TIAJ 2/6, TAMAN INDUSTRI JAYA 42300 PUNCAK ALAM	KILANG (MEMBUAT BARANG DARI LOGAM ALUMUNIUM, TEMBAGA,TIMAH DAN LAIN-LAIN
42	GOH MIA KWONG NO. 2, JALAN TIAJ 2/6 TAMAN INDUSTRI ALAM JAYA 42300 PUNCAK ALAM	KILANG MEMBUAT BARANG PLASTIK

SAUJANA UTAMA

BIL	NAMA/ALAMAT	JENIS LESEN
43	DALISELIWANGI BIN ABDUL GHANI NO. 7, JALAN DAHLIA 1, TAMAN SAUJANA UTAMA 47000 SAUJANA UTAMA	KEJURUTERAAN BESI/KILANG BESI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HJ. ABD. RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PENGAMBILALIHAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA JAIS OLEH KEMENTERIAN

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah faktor dan justifikasi yang menyebabkan JAIS dan Kerajaan Negeri Selangor terdahulu bersetuju untuk menyerahkan pentadbiran Sekolah Menengah Agama di bawah kendalian JAIS kepada Kementerian Pelajaran Malaysia?

b) Apakah perbandingan prestasi pentadbiran sekolah, guru-guru dan keputusan peperiksaan pelajar-pelajar sebelum dan selepas pengambilalihan tersebut berlaku?

c) Apakah bentuk perjanjian yang telah dibuat dalam proses pengambilalihan ini? Adakah ia termasuk aset-aset milik kerajaan negeri atau pentadbiran sahaja? Mohon disenaraikan jumlah aset dan kos-kos yang terlibat?

JAWAPAN :

a) Justifiksi yang menyebabkan JAIS dan kerajaan negeri terdahulu bersetuju menyerahkan pentadbiran sekolah menengah agama kepada Kementerian Pelajaran Malaysia adalah:

i) Tanggungjawab pendidikan adalah tanggungjawab Kementeriam Pendidikan.

ii) Belanja mengurus dan pembangunan pendidikan yang terus meningkat. Kerajaan terdahulu bercadang mengalih tumpuan ke pendidikan asas agama di Sekolah Rendah Agama dan pra sekolah.

iii) Mendapat tawaran bantuan dari Kementerian Pendidikan.

iv) Memberi peluang yang lebih cerah kepada guru-guru mendapat latihan, dilantik ke jawatan tetap dan peluang-peluang kenaikan pangkat yang lebih luas.

v) Memastikan kemudahan belajar yang lebih kondusif setaraf dengan sekolah di Kementerian Pendidikan.

vi) Memastikan sekolah mendapat peruntukan yang mencukupi untuk semua aktiviti kurikulum dan kokurikulum.

b) Belum ada perbezaan prestasi peperiksaan yang jelas yang dapat ditunjukkan kerana operasi penuh sekolah menengah di bawah kementerian baru bermula pada tahun 2007 yang lepas.

d) Tidak ada perjanjian yang telah dibuat dalam proses pengambilan SAN ini. Apa yang ada adalah memorandum persefahaman (MOU) antara kerajaan negeri yang diwakili oleh YAB Menteri Besar Selangor dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri serta Kementerian Pendidikan Malaysia yang diwakili oleh YB Menteri Pelajaran dan Ketua Setiausaha Kementrian Pelajaran. Memorandum ini melibatkan pentadbiran dan pengurusan sahaja tidak termasuk aset aset milik kerajaan negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : DASAR SETINGGAN (PENEROKA BANDAR)

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah jumlah setinggan (peneroka bandar) yang terkini dalam Selangor mengikut PBT dan senaraikan butir-butirnya (lokasi, jumlah setinggan)?

b) Berapakah jumlah kos yang telah diperuntukkan untuk penempatan setinggan lima tahun yang lepas mengikut PBT dan senaraikan butir-butirnya. (lokasi, jumlah setinggan, jumlah nilai)

c) Apakah dasar setinggan (peneroka bandar) kerajaan negeri Selangor terutamanya dalam soal pampasan serta penempatan setinggan?

JAWAPAN :

a) Mengikut laporan bancian yang dibuat oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor sejak tahun 1998 hingga 2002 terdapat seramai 1,197 (2.5%) keluarga setinggan daripada 47,482 keluarga masih berada di atas tapak dan belum dipindahkan ke penempatan baru. Senarai nama penempatan setinggan yang masih belum dirobohkan mengikut PBT adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama PBT	Nama Penempatan Setinggan	Bil. Setinggan (Keluarga)	Isu
1.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Taman Melati (Kawasan lapang)	24	Padanan RKR sedang dikenal pasti oleh MPS
		Setinggan atas tapak Canggih Semesta Sdn. Bhd.	50	Padanan RKR Sunway Batu Caves. Setinggan masih dalam membuat pinjaman bank
		Kg. Sri Makmur	95	-
		Kg. Sri Temenggung	30	Kes Mahkamah – Tarikh bicara pada 09.06.2008
		Kg. Selayang	50	Padanan RKR

		Pandang		Selayang Bahagia. Setinggan masih dalam membuat pinjaman bank
		Setinggan Batu 8-12, Gombak	646	Penempatan semula orang asli
		Jumlah	895	
2.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Kg. Fajar A dan B (Rizab sungai)	79	Kes Mahkamah – Tarikh bicara pada 14.08.08
		Jumlah	79	
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	Jalan Papan, Pandamaran, Klang	135	Kes Mahkamah – Tarikh bicara pada 24.07.2008
		Kg Seri Kenangan, Jalan Dato' Md. Sidin	24	Kes Mahkamah – Tarikh bicara pada 7.07.2008 (2 keluarga)
		Tepi Sg. Klang, Jalan Tampin/Tanah Yayasan Selangor	64	Padanan RKR Sri Rebana, Klang
		Jumlah	223	
		Jumlah Keseluruhan	1,197	

b) Tiada peruntukan khusus yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sepanjang lima tahun pelaksanaan program Selangor Setinggan Sifar. Bagi tanah milik persendirian yang mempunyai setinggan Kerajaan Negeri akan meminta mereka mencari jalan penyelesaian sama ada menyelesaikan setinggan secara insitu dengan membangunkan rumah kos rendah di atas tanah milik mereka atau dipadankan ke projek lain dengan menanggung subsidi RKR sebanyak RM 7,000.00 untuk ditawarkan rumah pada harga RM 35,000.00 seunit di samping menanggung sewa bulanan sehingga projek tersebut siap sepenuhnya. Bagi tanah Kerajaan, rumah kos

rendah akan dibangunkan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah setinggan di atas tanah tersebut.

c) Program setinggan sifar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri terdahulu akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri sekarang, namun ia akan dilakukan secara lebih berhemah dengan mengambil kira pandangan semua pihak termasuk setinggan yang akan dipindahkan. Operasi perobohan juga telah dihentikan buat sementara waktu bagi membolehkan Kerajaan Negeri sekarang mengadakan perbincangan dan mengenal pasti masalah setinggan-setinggan berkenaan sebelum diputuskan sama ada perobohan akan dijalankan atau dikekalkan di atas tapak.

Penetapan bayaran pampasan kepada setinggan yang telah dipindahkan masih belum diputuskan oleh Kerajaan Negeri dan ia memerlukan kajian lanjut dan pandangan semua pihak iaitu pemilik tanah dan setinggan sama ada yang masih di atas tapak atau telah berpindah ke penempatan baru. Dasar Kerajaan Negeri masih mengekalkan harga rumah kos rendah untuk setinggan pada RM35,000.00 seunit di mana perbezaan harga RM7,000.00 akan ditanggung oleh pemilik tanah atau pemaju.

Dasar Kerajaan Negeri masih mengekalkan mana-mana penempatan setinggan baru akan dirobohkan manakala penempatan setinggan sedia ada atau membawa kes ke mahkamah akan dipertimbangkan mengikut keperluan semasa selepas perbincangan semua pihak terlibat diadakan oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENCAHAYAAN KAWASAN PADA WAKTU MALAM

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila kemukakan butiran jumlah perbelanjaan pencahayaan waktu malam di seluruh negeri Selangor mengikut pecahan daerah dan berapakah perbelanjaan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)?

b) Apakah garis panduan dan peraturan bagi pencahayaan taman-taman permainan pada waktu malam di kawasan-kawasan taman perumahan?

c) Adakah terdapat rekod aduan yang mengaitkan peningkatan jenayah berkadar dengan kawasan-kawasan gelap yang mempunyai kurang pencahayaan pada waktu malam?

JAWAPAN :

a) Untuk tahun 2007, jumlah perbelanjaan MPAJ bagi pencahayaan adalah sebanyak RM 979.816.80 untuk bayaran bil elektrik dan butiran terperinci adalah seperti di bawah :

i)	DUN Cempaka	:RM 276,064.17
ii)	DUN Hulu Kelang	:RM 156,298.89
iii)	DUN Lembah Jaya	:RM161,070.81
iv)	DUN Bukit Antarabangsa	:RM197,981.31
v)	DUN Teratai	:RM188,401.02
	Jumlah	**:RM979,816.80**

Sebanyak RM 1,647,831.90 telah dibelanjakan untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan sepanjang tahun 2007.

b) Di MPAJ lampu gelanggang permainan dibuka dari jam 8 mlm-2 pg manakala lampu taman permainan akan dibuka pada 7 mlm-7 pg.

Dilampirkan maklumat tambahan bagi tempoh pemasangan lampu di taman-taman permainan.

Lampu di Taman Permainan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)

BIL	LOKASI	JENIS	MASA
1	Taman Permainan Kuala Ampang	Float Light	7 mlm – 7 pg
2	Taman Permainan AU 2/16	Konkrit	7 mlm – 7 pg
3	Taman Permainan AU 4/5	Konkrit	7 mlm – 7 pg
4	Taman Permainan AU 4/17C	Konkrit	7 mlm – 7 pg
5	Taman Permainan AU 4/8	Konkrit	7 mlm – 7 pg
6	Track Jogging AU 2/16	Konkrit	7 mlm – 7 pg
7	Taman Permainan AU 5	Konkrit	7 mlm – 7 pg
8	Taman Permainan Jalan J, Melawati	Konkrit	7 mlm – 7 pg
9	Taman Permainan Jalan Bunga Cempaka 5A	Spotlight	7 mlm – 12 mlm
10	Taman Permainan Tmn Sri Raya, Tsk Tambahan	Konkrit	7 mlm – 7 pg
11	Taman Permainan Bukit Permai	Galvanise	7 mlm – 7 pg
12	Padang Perbandaran	Spotlight	Bergantung kepada penggunaan

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE

TAJUK: GERAN TANAH KEKAL UNTUK KAMPUNG BARU

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

a) Bilakah kerajaan negeri akan meluluskan geran tanah kekal untuk penduduk-penduduk kampung?

b) Sila nyatakan berapa kadar bayaran premium ke atas hak milik tanah bagi setiap kaki persegi.

c) Bolehkah premium tersebut dibayar secara

JAWAPAN :

a) Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk memberi hak milik kekal atau hak milik sementara. Walau bagaimanapun dasar Kerajaan Negeri hanya meluluskan hak milik secara pajakan.

b) Kadar premium adalah seperti di Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 4/99 sepertimana di lampiran.

c) Pihak Berkuasa Negeri memberi kemudahan bayaran premium secara ansuran. Walau bagaimanapun ia tidak meliputi mereka yang mendapat kemudahan bayaran premium tanah bagi Kampung Baru Cina di Negeri Selangor kerana mereka telah mendapat keistimewaan kadar premium yang rendah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK: SETINGGAN SIFAR

34. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Sejajar dengan sasaran kerajaan terdahulu mencapai "Setinggan Sifar", sejauh manakah perkembangan proses pemindahan setinggan ini?

b) Sehingga hari ini berapa banyak lagikah penempatan setinggan yang masih dalam proses pemindahan dan bagaimanakah cara perlaksanaannya?

c) Apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menjamin hak-hak asasi golongan berpendapatan rendah agar mereka tidak tertindas akibat kempen itu?

JAWAPAN :

a) Sehingga 12 Mei 2008 seramai **46,285 (97.5%)** keluarga setinggan daripada **47,482** keluarga setinggan yang telah dibanci pada tahun 1998 dan 2002 oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah pun berjaya dipindahkan sama ada ke projek RKR atau ke penempatan sementara seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan *Council Homes*. Baki seramai 283 keluarga atau 0.6% masih berada di atas tapak kerana urusan pinjaman bank yang belum selesai atau projek RKR yang dipadankan kepada mereka yang dijangka siap pada penghujung tahun 2008. Selebihnya 268 keluarga atau 0.6% telah membawa kes ke mahkamah yang mana akan membantutkan pencapaian setinggan sifar kerana tindakan ke atas mereka hanya boleh dibuat selepas keputusan mahkamah diperolehi dan ini adalah di luar kawalan Kerajaan Negeri terdahulu untuk mengambil sebarang tindakan. Berikut adalah pencapaian program setinggan sifar bagi setiap PBT di Negeri Selangor :-

Jadual 1 : Kedudukan Penyelesaian Selangor Setinggan Sifar Setiap PBT Sehingga 12 Mei 2008

Bil.	Nama PBT	Jumlah Keluarga Setinggan	Bil. Setinggan telah dipindahkan Sehingga 12 Mei 2008	Baki setinggan akan diselesaikan dalam bulan Mei– Disember 2008	Bil. Setinggan dipindahkan pada Tahun 2008/2009 (kes-kes khas)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
1.	MPS	6,436	5,541 (86.1%)	219 (3.4%)	676 (10.5%)
2.	MPK	6,144	5,921 (96.4%)	64 (1.0%)	159 (2.6%)
3.	MPAJ	7,540	7,461 (99.0%)	-	79 (1.0%)
4.	MBSA	3,376	3,376 (100.0%)	-	-
5.	MBPJ	16,818	16,818 (100.0%)	-	-
6.	MPKj	2,222	2,222 (100.0%)	-	-
7.	MPSJ	3,645	3,645 (100.0%)	-	-
8.	MPSp	57	57 (100%)	-	-
9.	MDKS	559	559 (100.0%)	-	-
10.	MDSB	418	418 (100%)	-	-
11.	MDHS	152	152 (100%)	-	-
12.	MDKL	115	115 (100%)	-	-
	Jumlah	**47,482**	**46,285 (97.5%)**	**283** (0.6%)	**914** (1.9%)

b) Mengikut laporan bancian yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masih terdapat seramai **1,197 (2.5%)** keluarga setinggan daripada 10 buah penempatan setinggan masih berada di atas tapak. Senarai nama penempatan setinggan yang masih belum dirobohkan mengikut PBT adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama PBT	Nama Penempatan Setinggan	Bil. Setinggan (Keluarga)	Isu
1.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Taman Melati (Kawasan lapang)	24	Padanan RKR sedang dikenal pasti oleh MPS
		Setinggan atas tapak Canggih Semesta Sdn. Bhd.	50	Padanan RKR Sunway Batu Caves. Setinggan masih dalam membuat pinjaman bank
		Kg. Sri Makmur	95	-
		Kg. Sri Temenggung	30	Kes Mahkamah – Tarikh bicara pada **09.06.2008**
		Kg. Selayang Pandang	50	Padanan RKR Selayang Bahagia. Setinggan masih dalam membuat pinjaman bank
		Setinggan Batu 8-12, Gombak	646	Penempatan orang asli
		Jumlah	895	
2.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Kg. Fajar A dan B (Rizab sungai)	79	Kes Mahkamah – Tarikh bicara pada **14.08.08**
		Jumlah	79	
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	Jalan Papan, Pandamaran, Klang	135	Kes Mahkamah – Tarikh bicara pada **24.07.2008**
		Kg Seri Kenangan, Jalan Dato' Md. Sidin	24	Kes Mahkamah – Tarikh bicara pada **7.07.2008 (2 keluarga)**
		Tepi Sg. Klang, Jalan Tampin/Tanah Yayasan Selangor	64	
		Jumlah	223	
		Jumlah keseluruhan	**1,197**	

Perbincangan telah pun diadakan antara Kerajaan Negeri dengan wakil-wakil setinggan yang membawa kes ke mahkamah untuk menarik semula kes-kes mahkamah tersebut. Jawatankuasa setinggan berkenaan telah pun bersetuju untuk menarik kes tersebut daripada mahkamah. Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan agar semua operasi perobohan dihentikan buat sementara waktu bagi membolehkan Kerajaan Negeri mengadakan perbincangan seterusnya mengenal pasti masalah setinggan-setinggan berkenaan sebelum diputuskan sama ada perobohan akan dijalankan atau dikekalkan di atas tapak.

c) Langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan tiada setinggan yang tertindas dalam program Setinggan Sifar ialah bersetuju mengadakan perbincangan semula dengan setinggan-setinggan yang telah berpindah dan masih berada di atas tapak untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji untuk mengadakan skim pemilikan rumah secara sewa beli di mana setinggan tidak dibebankan di peringkat awal pembelian rumah kos rendah yang perlu mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak bank. Bagi mereka yang masih tidak berkelayakan untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai kos pembelian rumah kos rendah mereka akan ditempatkan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan nama-nama mereka akan dikemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk dimasukkan dalam kategori kemiskinan bandar yang layak menerima bantuan sewa.

Lamp. A & B
(2 pgs)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : KILANG HARAM (TIDAK BERLESEN) DI SELURUH SELANGOR

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan secara terperinci kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti mempunyai banyak kilang-kilang haram

b) Pihak kerajaan Negeri telah mengadakan program bagi pemilik-pemilik kilang yang tidak berlesen supaya mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen. Sila kemukakan jumlah permohonan yang diterima dan yang telah diluluskan.

c) Terdapat banyak aduan diterima dari pemilik-pemilik kilang tersebut bahawa jumlah premium yang dikenakan adalah terlalu tinggi. Sila nyatakan secara terperinci mengenai kriteria yang diambil serta asa kiraan yang digunakan dan langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan proses permohonan?

JAWAPAN :

a) Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti mempunyai banyak kilang haram mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut :-

DAERAH /PBT	BIL. KILANG	JUMLAH
Petaling MBSA MBPJ MPSJ	 508 345 383	1236
Klang MPK MBSA	 426 130	556
Gombak MPS MPAJ	 37 0	37
Hulu Langat MPKj MPAJ	 516 142	658
Kuala Langat MDKL	 209	209

Sepang MPSp	44	44
Hulu Selangor MDHS	14	14
Kuala Selangor MDKS	35	35
Sabak Bernam MDSB	16	16
JUMLAH	**2,805**	**2,805**

b) Jumlah permohonan yang diterima dan yang telah diluluskan adalah seperti di **Lampiran A.**

b) Asas kiraan premium yang di gunakan adalah seperti di **Lampiran B**. Antara langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan proses permohonan adalah dengan penurunan kuasa kepada Pentadbir Tanah bagi membuat keputusan ke atas permohonan tukar syarat bagi kilang-kilang tanpa kebenaran yang terletak dalam zon industri dan perwujudan Jawatankuasa Khas Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran (JKKTK) Negeri Selangor bagi memberi perakuan ke atas permohonan yang terletak di luar zon.

LAMPIRAN A

LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG-KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR
(SEHINGGA 31 MAC 2008)

DAERAH	BIL. KILANG [a]	PERMIT KHAS SEMENTARA [b]	LESEN SEMENTARA [c]	TUKAR SYARAT [d]	ENGGAN TERIMA TAWARAN [e]	JUMLAH SELESAI [b+d]	% SELESAI
PETALING	1236	3	364	254	52	257	20.80
KLANG	556	147	206	54	7	201	36.15
GOMBAK	37	-	33	7	-	7	18.92
HULU LANGAT	658	57	397	59	-	116	17.63
KUALA LANGAT	209	79	74	75	30	154	73.69
SEPANG	44	7	21	22	*14	43	97.72
HULU SELANGOR	14	7	14	7	-	14	100.00
KUALA SELANGOR	35	24	35	4	7	28	80.00
SABAK BERNAM	16	7	42	-	-	7	43.75
JUMLAH	**2,805**	**331**	**1,186**	**482**	**110**	**827**	**29.50**

* Tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 125-129 KTN (pelanggaran syarat tanah) telah dilaksanakan.

LAMPIRAN B

PENGIRAAN PENGURANGAN BAGI PREMIUM YANG DIKENAKAN

Bil.	Nama Pemilik / Mukim & Daerah	Premium Yang Dikenakan	Premium Yang Dikenakan Selepas Diberi Pengurangan		
			Dalam tempoh 3 bulan	Dalam tempoh 6 bulan	Dalam tempoh 9 bulan
1.	Novel Furniture Sdn Bhd. Mukim Sungai Buluh, Oaerah Petaling.	**(25% x nilaian tanah semasa x keluasan)** (25% x RM 95.00 smp x 7726 mp) **= RM 183,492.50**	**Premium yang dikenakan - (25% x nilaian tanah semasa x keluasan) x 50%** RM 183,492.50 - (25% x RM 95.00 smp x 7726 mp) x 50% **= RM 91,746.25**	**Premium yang dikenakan - (25% x nilaian tanah semasa x keluasan) x30%** RM 183,492.50 - (25% x RM 95.00 smp x 7726 mp) x 30% **= RM 128,444.75**	**Premium yang dikenakan - (25% x nilaian tanah semasa x keluasan) x 10%** RM 183,492.50 - (25% x RM 95.00 smp x 7726 mp) x 10% **= RM 165,143.25**
2.	Ng Leh Peng & Yee Ching Tick, Mukim Sungai Buloh, Oaerah Petaling.	**(25% x nilaian tanah semasa x keluasan)** (25% x RM 1450,000.00 x 0.7815) **= RM 283,294.00**	**Premium yang dikenakan - (25% x nilaian tanah semasa x keluasan) X 50%** RM *283,294.00* - (25% x RM 1450,000.00 x 0.7815) x 50% **= RM 141,647.00**	**Premium yang dikenakan - (25% x nilaian tanah semasa x keluasan) x30%** RM 283,294.00 - (25% x RM 1450,000.00 x 0.7815) x 30% **= RM 198,305.80**	**Premium yang dikenakan - (25% x nilaian tanah semasa x keluasan) x 10%** RM 283,294.00 - (25% x RM 1450,000.00 x 0.7815) x 10% **= RM 254,964.60**
3.	Ng. Chin Thiam, Ng Thiam Hoe dan Lee Gik Suan, Mukim Sungai Buloh, Oaerah Petaling.	**(25% x nilaian tanah semasa x keluasan)** (25% x RM 110.00 smp x 1,770.50 mp) **= RM 48,688.75**	**Premium yang dikenakan - (25% x nilaian tanah semasa x keluasan) x 50%** RM 48,688.75 - (25% x RM 110.00 smp x 1,770.50 mp) x 50% **= RM 24,344.38**	**Premium yang dikenakan - (25% x nilaian tanah semasa x keluasan) x30%** RM 48,688.75 - (25% x RM 110.00 smp x 1,770.50 mp) x 30% **= RM 34,082.12**	**Premium yang dikenakan - (25% x nilaian tanah semasa x keluasan) x 10%** RM 48,688.75 - (25% x RM 110.00 smp x 1,770.50 mp) x 10% **= RM 43,819.88**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)

TAJUK : HAK MILIK TANAH / GERAN TANAH DAN *STRATA TITLE*

36. Isu hak milik tanah telah berlarutan sekian lama. Ramai dari penghuni telah menunggu bertahun-tahun lamanya untuk memohon hak milik tanah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah dasar baru yang akan di amalkan untuk mengatasi masalah ini?

b) Ada berapa kawasan perumahan di kawasan DUN Teratai yang telah siap dibina lebih dari satu tahun tetapi masih tidak mendapat hak milik tanah dan strata title?

c) Secara purata, berapa lama untuk sesuatu hak milik tanah diluluskan?

JAWAPAN :

a) Tiada dasar baru yang dibuat tetapi terdapat langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil secara berkesan untuk mengatasi masalah ini bagi memastikan hak milik strata dapat dikeluarkan. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

   i) Pelaksanaan Sistem Permohonan Hak milik Strata dalam memproses permohonan pecah bahagi bangunan sehingga pendaftaran Hak milik Strata seterusnya dikeluarkan kepada Pemilik Tanah Asal / Pemaju.

   ii) Merealisasikan konsep *'One-stop Centre'* di mana semua urusan permohonan Hak milik Strata sama ada tanah milik Pendaftar atau Pentadbir Tanah di proses di Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

   iii) Mempergiatkan penguatkuasaan terhadap Pemilik Tanah Asal / Pemaju yang enggan mengemukakan permohonan Hak milik Strata dengan tindakan pendakwaan mengikut seksyen 8(5) Akta Hak milik Strata 1985.

b) Pejabat Tanah dan Galian Selangor tiada mempunyai data bilangan kawasan perumahan di kawasan DUN Teratai yang telah siap dibina lebih dari satu tahun tetapi masih tidak mendapat Hak milik Strata. Ini adalah kerana Sijil Layak Menduduki (CF) dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Namun begitu, kedudukan data pembangunan strata bagi Daerah Ulu Langat yang telah mengemukakan permohonan pecah bahagi bangunan sehingga 2 Mei 2008 adalah seperti berikut:-

   i) jumlah permohonan yang dikemukakan – 1561 skim (66140 petak)

ii) jumlah permohonan yang telah diluluskan – 1141 skim (44731 petak)

iii) jumlah permohonan yang telah didaftarkan – 1244 skim (54904 petak)

c) Menurut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa melupuskan tanah secara pemberimilikan bagi semua tanah kerajaan di Negeri Selangor kecuali bagi tanah-tanah berikut:-

a) tanah milik;
b) tanah rizab; dan
c) tanah lombong.

Berdasarkan piagam semasa, tempoh pemprosesan permohonan pemberimilikan tanah di PTG Selangor adalah 21 hari. Kertas permohonan yang diterima dari PTD akan diproses dalam tempoh 21 hari sebelum di angkat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk dipertimbangkan.

Hakmilik tanah akan dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik dalam tempoh 2 bulan selepas pemohon yang diluluskan pemberimilikan tanah menjelaskan bayaran seperti ternyata di Borang 5A (Notis Bahawa Hasil Tanah Harus Dibayar).

Bagi pembangunan strata di atas tanah milik, pemilik tanah perlu mengemukakan permohonan pecah bahagi bangunan yang lengkap kepada Bahagian Hakmilik Strata, PTG Selangor. Berdasarkan piagam semasa, tempoh pemprosesan bagi mengeluarkan hakmilik strata bagi permohonan yang lengkap adalah 6 bulan (180 hari).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(DUN SIJANGKANG)

TAJUK : KERACUNAN MAKANAN

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Nyatakan statistik keracunan makanan yang berlaku di sekolah di negeri Selangor sehingga kini?

b) Apakah tindakan yang diambil bagi memastikan kes-kes keracunan makanan tidak berulang?

c) Apakah pendidikan kesihatan dan kursus-kursus tertentu diberikan kepada pengusaha makanan/kantin?

JAWAPAN :

a) Sehingga kini sebanyak 18 buah sekolah yang terlibat dengan keracunan makanan di negeri Selangor hingga kini iaitu

1. Sekolah Sri Pintar Seksyen 7,Shah Alam-Sekolah Swasta
2. Sekolah Kebangsaan Semenyih, Hulu Langat
3. Sekolah Kebangsaan Assam Jawa,Kuala Selangor
4. SMK Sungai Besar. Sabak Bernam
5. Sek Agama Rakyat,Kampung Nakhoda Gombak-JAIS
6. SK Teluk Gong
7. SK Teluk Panglima garang,Kuala Langat
8. SJK(T) Tun Sambathan,Subang jaya
9. SK Taman Selayang 2,Gombak
10. SK Desa Putra,Sepang
11. SK Kebun Baru,Kuala Langat
12. SK Methodist,Sepang
13. SK Bandar baru Bangi,Hulu Langat
14. Sek Sri Pintar,Seksyen 7,Shah Alam
15. SK Jalan kebun,Klang
16. SK Tanjung Sepat,Kuala Langat
17. Sekolah Agama Bestari,Subang Jaya
18. SK Bandar Teknologi,Hulu Langat

b) Antara tindakan yang dijalankan untuk memastikan kes tidak berulang ialah

1. Melaksanakan Program KENDIRI iaitu pengusaha menilai sendiri tahap Kebersihan dan keselamatan makanan. (program bersama antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kementerian Kesihatan Malaysia)

2. Pihak sekolah juga memantapkan pemantauan terhadap kantin sekolah

3. Cadangan penambahan dalam Perjanjian Kantin yang membolehkan pengusaha ditamatkan kontrak sekiranya berlaku keracunan makanan

c) Antara kursus yang telah diberikan oleh pengusaha adalah seperti berikut:

1. Seminar peningkatan kebangsaan untuk pengusaha kantin telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun lalu

2. Pengusaha mewajibkan menghadiri Kursus Asas Pengendali Makanan Dan memperoleh sijil yang tempoh sah lakunya untuk tiga tahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SG. PANJANG)

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PEMBUANGAN SAMPAH)

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah usaha yang telah dibuat oleh kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi masalah pusat pembuangan sampah secara tradisional di Sungai Sedu?

b) Apakah rancangan terperinci jangka panjang bagi menyelesaikan masalah pelupusan sampah yang meruncing di Selangor?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN
(SERI SERDANG)

TAJUK : JENAYAH

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapakah kadar jenayah di negeri Selangor sehingga kini mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan ?

b) Dimanakah kadar jenayah yang paling tinggi dicatatkan di dalam negeri Selangor ?

c) Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran di negeri Selangor untuk mengurangkan kadar jenayah dalam kawasan kejiranan taman perumahan ?

JAWAPAN :

a) Kadar jenayah di Negeri Selangor sehingga kini mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Jumlah Kadar Jenayah di Negeri Selangor bagi Tempoh
Jan – April 2008

BIL	J/KESALAHAN J/KEKERASAN	2007 KES	2008 KES	JUM +N/-T	PERATUS %
1	BUNUH	41	58	17	41.46%
2	ROGOL	224	195	-29	-12.95%
3	CABUL KEHORMATAN	173	139	-34	-19.65%
4	SMN B'KWN S'API	4	17	13	325.00%
5	SMN B'KWN T/API	324	2773	2449	755.86%
6	SMN B'SENJATAPI	41	8	-33	-80.49%
7	SMN TANPA S'API	2191	533	-1658	-75.67%
8	PEMERASAN	143	155	12	8.39%
9	UGUTAN JENAYAH	675	644	-31	-4.59%
10	MERUSUH	217	269	52	23.96%
11	CEDERA (324-6 KK)	455	514	59	12.97%
JUM.KEKERASAN		4488	5305	817	18.20%
JENAYAH HARTABENDA					
1	CURI	3073	3208	135	4.39%
2	C/M/VAN/LORI	765	839	74	9.67%
3	C/MOTOKAR	1265	1686	421	33.28%
4	C/MOTOSIKAL	6317	6244	-73	-1.16%
5	CURI RAGUT	885	735	-150	-16.95%
6	PRC SIANG	951	1263	312	32.81%
7	PRC MALAM	1493	2061	568	38.04%
JUM.HARTABENDA		14749	16036	1287	8.73%
JUMLAH BESAR		19237	21341	2104	10.94%

b) Kadar jenayah yang paling tinggi di catatkan di dalam Negeri Selangor.

Kadar Jenayah Mengikut Daerah
Bagi Tempoh Jan-April 2008

DAERAH	JUMLAH KES JENAYAH
PETALING JAYA	3861 KES
SUBANG JAYA	3099 KES
GOMBAK	3077 KES
KELANG	2861 KES
AMPANG JAYA	2623 KES
KAJANG	2126 KES
SHAH ALAM	1884 KES
KUALA SELANGOR	463 KES
KUALA LANGAT	456 KES
SEPANG	417 KES
HULU SELANGOR	414 KES
SABAK BERNAM	240 KES
JUMLAH	21341 KES

c) Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh majlis-majlis perbandaran di negeri Selangor untuk mengurangkan kadar jenayah dalam kawasan kejiranan adalah dengan melaksanakan Program Agenda 21 Selangor, LA 21 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), MURNInet dan Program Bandar Selamat. Program-program ini dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Mampan Selangor di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Terdapat langkah-langkah keselamatan di bawah Pelan Tindakan Bandar Selamat iaitu:

i) Program Rondaan Cegah Ragut;

i) Garis panduan 23 Langkah Bandar Selamat

iii) Program Keselamatan Bersama Penduduk, Agensi Kerajaan dan Swasta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. MOHD SHAMSUDIN BIN HJ. LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RUMAH URUT DAN PUSAT HIBURAN)

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Sila nyatakan jumlah rumah urut dan pusat hiburan berlesen yang terdapat di Negeri Selangor mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan?

b) Apakah dasar Kerajaan Negeri Selangor untuk meluluskan permohonan lesen-lesen rumah urut dan pusat hiburan yang baru dalam suatu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan?

c) Apakah tindakan undang-undang yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor terhadap pengusaha rumah urut dan pusat hiburan yang tidak berlesen yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan?

JAWAPAN :

a) Berikut adalah jumlah rumah urut dan pusat hiburan berlesen yang terdapat di Negeri Selangor mengikut PBT.

Bil	PBT	Bilangan Rumah Urut Berlesen	Bilangan Pusat Hiburan Berlesen
1.	MBSA	26	20
2.	MBPJ	114	187
3.	MPK	47	79
4.	MPAJ	30	31
5.	MPS	58	80
6.	MPSJ	20	101
7.	MPKj	26	39
8.	MPSp	4	11
10.	MDHS	3	9
12.	MDSB	8	18
11.	MDKS	Tiada	3
9.	MDKL	Tiada	3
JUMLAH		**336**	**582**

b) Pada masa kini, kerajaan negeri masih meneruskan dasar-dasar yang diguna pakai oleh kerajaan sebelum ini berhubung pemberian lesen perniagaan rumah urut dan pusat-pusat hiburan yang baru di negeri Selangor. Perkembangan perniagaan rumah urut dan pusat-pusat hiburan adalah dipantau oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pemberian lesen adalah tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2007 dan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1995 (Pindaan 2001). Premis yang melanggar syarat-syarat pemberian lesen akan dikenakan tindakan undang-undang.

c) Tindakan undang-undang yang diambil oleh kerajaan negeri dan PBT terhadap pengusaha rumah urut dan pusat hiburan yang tidak berlesen ialah:-

i) Tindakan mengeluarkan notis untuk menghentikan aktiviti perniagaan;

ii) Kompaun dan penutupan premis perniagaan yang menjalankan aktiviti tanpa lesen;

iii) Sitaan barang-barang di premis berkenaan dan;

iv) Mendakwa pemilik premis di mahkamah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)

TAJUK : MASALAH SOSIOEKONOMI

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor:-

a) Ladang-ladang semakin berkurangan. Pembangunan ladang-ladang terutamanya ladang kelapa sawit menjadi kawasan perumahan menimbulkan masalah sosioekonomi. Apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasinya ?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sedar bahawa pembangunan ladang kelapa sawit menimbulkan dan meningkatkan kadar masalah sosioekonomi di ladang-ladang. Justeru, kerajaan Negeri mengambil beberapa pendekatan agar masalah ini dapat dikurangkan. Sehubungan itu beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah diambil bagi mengatasi masalah ini.

Langkah jangka pendek :-

i) Mengadakan dialog dan perjumpaan bersama pengurus dan pemilik ladang.

ii) Turun ke ladang-ladang yang mempunyai masalah dan mengadakan perbincangan bersama pemilik ladang

iii) Memastikan semua pemilik ladang menyediakan kemudahan asas yang lengkap di semua ladang.

Langkah jangka panjang :-

i) Mewujudkan satu undang-undang baru yang menetapkan pemilik ladang supaya menyediakan tempat tinggal untuk pekerja ladang seperti yang termaktub dalam buku biru (*Blue Book*)

ii) Menubuhkan asrama bagi anak-anak pekerja ladang khususnya bagi ladang di kawasan luar bandar.

iii) Memastikan setiap ladang mempunyai sekolah yang lengkap dengan keperluan yang sepatutnya.

iv) Memastikan setiap ladang yang ingin dibangunkan mematuhi ketetapan dan peraturan yang telah ditetapkan iaitu dengan mengutamakan kebajikan dan kepentingan pekerja dipelihara sebelum sebarang projek diluluskan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PERKEMBANGAN PERDAGANGAN DI NEGERI SELANGOR

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Sila nyatakan jumlah perdagangan Negeri Selangor di luar negara bagi tahun 2007. Sila nyatakan butiran.

b) Sila nyatakan 10 negara terbesar yang menjadi rakan dagang Negeri Selangor.

c) Sila nyatakan strategi kerajaan untuk meningkatkan jumlah perdagangan di Negeri Selangor bagi tahun 2008 Apakah jumlah kos perbelanjaan yang terpaksa digunakan untuk meningkatkan dan mempromosikan perdagangan di Negeri Selangor bagi tahun 2008?

JAWAPAN :

a) Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2007 bernilai sebanyak RM1.11 trilion, meningkat 3.7% daripada tahun 2006 yang hanya mencatatkan sebanyak RM1.07 trilion. Nilai eksport meningkat 2.7% kepada RM605.1 bilion pada tahun 2007 berbanding RM589 bilion pada tahun 2006. Nilai import pula meningkat 4.9% kepada RM504.6 bilion pada tahun 2007 berbanding RM480.8 bilion pada tahun 2006.

Butiran ini adalah jumlah perdagangan bagi Malaysia dan tiada pecahan butiran mengikut negeri-negeri.

b) Antara 10 negara terbesar yang menjadi rakan dagangan adalah seperti berikut;-

Bil.	Negara	2007 (RM Billion)
1.	United States Of America	149.21
2.	Singapore	146.46
3.	Japan	120.78
4.	People's Republic Of China	117.94
5.	Thailand	56.99
6.	Republic Of Korea	47.97
7.	Taiwan	45.17
8.	Hong Kong	42.65
9.	Indonesia	39.13
10.	Germany	38.25
11.	Others	305.42
	Jumlah Dagangan	**1109.97**

Sumber : Matrade

Butiran ini adalah jumlah perdagangan bagi Malaysia dan tiada pecahan butiran mengikut negeri-negeri.

c) Beberapa strategi yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut;-

i) Mempromosikan kawasan-kawasan tertentu seperti Pulau Indah sebagai kawasan aktiviti perdagangan atau *trading hub*.

ii) Program yang berorientasikan "*Business networking*" atau program temu suai perniagaan akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa.

iii) Menganjurkan misi lawatan penggalakan pelaburan dan perdagangan ke luar negara yang berpotensi.

iv) Penyertaan syarikat-syarikat dari Selangor dalam pameran-pameran yang dianjurkan di dalam dan luar negara.

Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad menganggarkan sebanyak **RM 1,764,200** kos perbelanjaan bagi meningkatkan dan mempromosikan perdagangan di Negeri Selangor bagi tahun 2008. Walau bagaimanapun, kos ini termasuk juga kos bagi penganjuran program-program promosi penggalakan pelaburan dan perindustrian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK : KEBAJIKAN HAL EHWAL WANITA, TEKNOLOGI DAN INOVASI

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor :-

a) Sejauh mana pelan-pelan kebajikan dan pelaksanaan manifesto kerajaan terhadap golongan ibu-ibu tunggal, anak-anak yatim, kanak-kanak di nursery, penuntut-penuntut universiti dan lain-lain golongan seperti mana yang telah dijanjikan semasa pilihan raya?

b) Sejauh mana dan status terkini terhadap bancian untuk mengenal pasti jumlah keseluruhan golongan sasar dan apakah agensi yang terlibat dalam pelaksanaan kebajikan ini?

c) Sejauh mana pihak kerajaan dapat memastikan tiada terdapat satu pun daripada janji-janji yang ditaburkan kepada rakyat tidak tertunai ataupun ditunaikan secara bersyarat di mana ia berbeza dengan apa yang dijanjikan kepada rakyat?

d) Bagaimanakah cukai tanah bagi kawasan tanah terbiar bagi kawasan Dewan Undangan Kuang ditafsirkan oleh Kerajaan Negeri di mana cukainya membebankan rakyat?

e) Apakah pandangan dan tindakan kerajaan terhadap individu/warga negeri yang mengingkari titah DYMM Sultan Selangor di mana DYMM Sultan bertitah bahawa hanya individu yang bertauliah dibenarkan untuk membaca khutbah dan memberi ceramah agama kepada rakyat. Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap individu yang mengingkari?

JAWAPAN :

a)

b)

c)

Nota : Jawatankuasa Mengkaji Soalan yang bermesyuarat pada 05 Mei 2008 telah menolak soalan d & e.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)

TAJUK : PBT (CUKAI TAKSIRAN)

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor:-

a) Bilakah cukai taksiran akan diturunkan sebagaimana di sebut-sebut oleh Kerajaan Negeri Selangor iaitu 20% untuk rumah kediaman dan 10% untuk bangunan komersial?

JAWAPAN :

a) Buat masa ini, cadangan untuk menurunkan kadar cukai taksiran rumah sebanyak 20% dan cukai taksiran premis perniagaan sebanyak 10% masih dalam kajian Kerajaan Negeri memandangkan keadaan ekonomi Selangor ketika ini masih belum mencapai tahap memuaskan bagi membolehkan janji-janji itu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tetap berusaha untuk memastikan agar janji-janji dapat ditunaikan secara berperingkat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : SOSIAL DAN KEBAJIKAN RAKYAT

45. Saya ingin merasakan ghairah bahawa manifesto Kerajaan untuk memberikan RM1,000.00 kepada anak Selangor yang memasuki IPTA dan IPTS. Adakah ini masih akan dikotai atau sewajar taktik tipu rakyat sedangkan keputusan SPTM telah diumumkan dan anak-anak ini kini dalam proses memasuki universiti.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapakah permohonan telah diterima? Dan jumlah bayaran yang telah dibuat? Ataupun masih belum dilaksanakan?

c) Bagaimana pula dengan bantuan RM75.00 untuk anak yang dihantar ke nurseri dan bantuan RM50.00 untuk mereka yang menerima pendidikan pra-sekolah.

d) Caruman takaful sebanyak RM2,500.00 untuk warga emas, OKU dan anak yatim. Bilakah ia akan mula diedarkan?

JAWAPAN :

a), b) & c) :

Kerajaan Negeri telah mengadakan Jawatankuasa Manifesto Kerajaan melibatkan agensi-agensi kerajaan bagi mengkaji pelaksanaan manifesto, termasuk dengan bantuan RM75.00 untuk anak yang dihantar ke nurseri, RM50.00 sebulan untuk pendidikan pra-sekolah,RM2,500.00 untuk warga emas, OKU serta anak yatim. Pelaksanaan bergantung kepada syor Jawatankuasa ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM (SEKINCHAN)

TAJUK : TOKONG- TOKONG YANG BERDAFTAR DI NEGERI SELANGOR

46. Bertanya kepada Y.A. B Dato' Menteri Besar ;

a) Sila nyatakan jumlah bilangan tokong-tokong cina yang sudah berdaftar di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah ?

b) Setakat ini, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu tokong-tokong cina yang berdaftar untuk mendapat T.O.L atau hak milik geran tanah ?

JAWAPAN :

a) Berikut adalah bilangan tokong-tokong cina yang telah berdaftar mengikut pecahan daerah:-

Bil	Daerah	Bilangan Tokong Berdaftar
1.	Gombak	26
2.	Hulu Langat	47
3.	Hulu Selangor	13
4.	Klang	143
5.	Kuala Langat	23
6.	Kuala Selangor	38
7.	Petaling	58
8.	Sabak Bernam	31
9.	Sepang	6
JUMLAH		**385**

b) Kerajaan negeri pada dasarnya tiada halangan untuk memberikan hak milik geran atau T.O.L kepada tokong-tokong Cina yang berdaftar dengan syarat tokong-tokong tersebut berada di kawasan yang dizonkan atau dirizabkan untuk tapak rumah ibadat bukan Islam serta bersesuaian dengan pelan perancangan susun atur PBT.

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : KEKURANGAN INFRASTRUKTUR DI PERHENTIAN KOMUTER UKM

47. Stesen komuter Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan jalan masuk penting ke UKM dan Bandar Baru Bangi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Mengapakah kawasan sekitaran stesen komuter ini tidak diselenggarakan dengan baik?

b) Bilakah pihak MPKj-TNB mahu memasang tiang lampu tambahan sebagaimana dipohon oleh ADUN Bangi?

c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi menjamin keselamatan pelajar-pelajar yang menggunakan stesen komuter di sini?

JAWAPAN :

a) Majlis Perbandaran Kajang telah membuat penyelenggaraan yang minimum mengikut keperluan meskipun kawasan ini di bawah Jabatan Kerja Raya dan dimaklumkan juga pihak Jabatan Kerja Raya sedang membuat kerja-kerja menaik taraf longkang.

b) Di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya dan perkara ini telah dipanjangkan kepada jabatan tersebut.

c) Dari segi keselamatan adalah terletak pada pihak Polis, walau bagaimanapun pihak Majlis mencadangkan Kerajaan Negeri membuat pemasangan CCTV bagi mengatasi kejadian jenayah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : KES KERACUNAN DI SEKOLAH

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

Kontraktor makanan dalam kes keracunan di sekolah dibenarkan beroperasi semula oleh Kementerian Pendidikan

a) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil mengikut PBT untuk memastikan bahawa kes keracunan seperti ini tidak berulang dan kontraktor seperti ini tidak dibenarkan untuk beroperasi?

JAWAPAN :

a) Cadangan penambahan dalam Perjanjian Kantin yang membolehkan pengusaha ditamatkan kontrak sekiranya berlaku keracunan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA YB. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM (KOTA DAMANSARA)

TAJUK : RUMAH PANJANG KAMPUNG BUNGARAYA

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Seramai lebih 90 keluarga menduduki Rumah Panjang Kg.Bungaraya merana sejak tahun 1993 kerana projek perumahan Dahlia di Seksyen U5 yang dijanjikan kepada mereka oleh pemaju Unique Creations, terbengkalai . Apakah langkah pihak Kerajaan Negeri yang telah diambil untuk memulihkan projek perumahan yang terbengkalai ini ?

b) Senarai butiran projek perumahan kos rendah alternatif berhampiran yang boleh ditawarkan kepada penduduk ini ?

c) Sehingga penduduk ini ditempatkan ke perumahan alternatif yang baru , bagaimana pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama Syabas boleh mengurangkan hutang tertunggak bil air dan terus menyalurkan air kepada rumah panjang dengan kadar diskaun yang istimewa demi mengurangkan beban mereka ?

JAWAPAN :

a) Mengikut perancangan dan padanan awal yang dibuat oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) penghuni Rumah Panjang Bunga Raya akan dipindahkan ke projek rumah kos rendah Pangsapuri Dahlia di Seksyen U5, Shah Alam yang dibangunkan oleh Tetuan Unique Creations Sdn. Bhd. Namun, seramai 90 keluarga penghuni rumah panjang Bunga Raya masih berada di penempatan tersebut disebabkan projek Pangsapuri Dahlia tersebut telah terbengkalai kerana pemaju tidak mempunyai kewangan yang kukuh untuk meneruskan pembangunan rumah kos rendah. Penduduk juga telah menandatangani Perjanjian Jual Beli dan sebahagiannya telah membuat pinjaman bank untuk tujuan pembelian rumah tersebut.

   Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor (LPHS) telah memohon kerjasama daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk mengambil alih projek Pangsapuri Dahlia. SPNB bersetuju untuk memulihkan projek tersebut namun masih menunggu kelulusan dan peruntukan kewangan daripada Kementerian Kewangan.

b) Alternatif projek rumah kos rendah yang terhampir boleh ditawarkan kepada penghuni rumah panjang Bunga Raya ialah di Pangsapuri Suria yang dibangunkan oleh Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd. di Seksyen U4, Shah Alam. Walau bagaimanapun, penghuni rumah panjang Bunga Raya yang bersetuju untuk dipindahkan ke projek Pangsapuri Suria, perlulah membuat pembatalan Perjanjian Jual Beli terdahulu dan Perjanjian Pinjaman dengan pihak bank yang berkenaan. Oleh itu, terdapat kos-kos tambahan yang perlu ditanggung oleh penghuni rumah panjang Bunga Raya dan ini pasti membebankan penghuni-penghuni tersebut jika mereka memilih untuk bertukar ke Pangsapuri Suria.

c) Kaedah penyelesaian hutang tertunggak bil air boleh dibincangkan oleh pengguna bersama-sama dengan SYABAS berdasarkan kemampuan kewangan masing-masing. Pertimbangan sosial merupakan salah satu ciri kepuasan pelanggan yang disediakan oleh SYABAS terutama yang melibatkan penyaluran bekalan air secara berterusan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BETULIS DARIPADA
TUAN LAU WENG SAN (KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KEGUNAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KAWASAN

50. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

a) Senaraikan kegunaan peruntukan pembangunan kawasan untuk DUN Kampung Tunku yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Petaling untuk tahun 2008 sebelum Mac 2008.

b) Senaraikan kegunaan peruntukan ini untuk DUN Kampung Tunku dari tahun 2004 hingga 2007.

JAWAPAN :

a & b :

Jawapan adalah seperti di lampiran A hingga E.

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
20.11.2007	GALAXY ENTERPRISE	Kerja-kerja membaikpulih longkang sump dan entrance slab di Jln 21/35, PJ	5,000.00	253/2007 JT-N	20.02.2008	OG0994	880640
20.11.2007	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Kerja-kerja membaikpulih longkang, sump di kawasan banjir Jalan SS1/11A, Petaling Jaya.	5,000.00	252/2007 JT-N	20.02.2008	OG0995	880647
20.11.2007	BALI BINA ENTERPRISE	Kerja-kerja membaikpulih lubang dan longkang di Jalan 21/21, Petaling Jaya.	5,000.00	250/2007 JT-N	20.02.2008	OG0996	880641
20.11.2007	HAMSAN CONSTRUCTION	Kerja-kerja membaikpulih tanah runtuh dan longkang di Jalan 21/19, PJ.	5,000.00	251/2007 JT-N	20.02.2008	OG0997	880642
20.11.2007	HAMSAN CONSTRUCTION	Kerja-kerja membaikpulih konkrit slab, sumpgrating, membersih sampah sarap dan kerja berkaitan di kawasan banjir Jalan SS9A, Petaling Jaya.	5,000.00	249/2007 JT-N	20.02.2008	OG0998	880643
20.11.2007	MULIA MANAGEMENT SERVICES	Kerja-kerja membaikpulih longkang di sepanjang Jalan SS3/35, PJ	5,000.00	254/2007 JT-N	20.02.2008	OG0999	880645
20.11.2007	MULIA MANAGEMENT SERVICES	Kerja-kerja membaikpulih dan membina papan tanda di Persekitaran SS9A Sg. Way, Petaling Jaya.	5,000.00	255/2007 JT-N	20.02.2008	OG1000	880646
31.01.2008	ERA TERBILANG ENTERPRISE	Menganjurkan Program Perayaan Rumah Berhala Anjuran Masyarakat Cina Kampung Tunku.	10,000.00	AD 012122	28.02.2008	OG1097	
26.02.2008	BAIK URUS ENTERPRISE	Program Lawatan Mesra DUN Kampung Tunku.	10,000.00	AD 012116	28.02.2008	OG1100	

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
18.02.2008	TARGET NIAGA ENTERPRISE	Membiayai Program Bagi Mesra Bersama Persatuan Wanita PJU.	10,000.00	AD 012110	28.02.2008	OG1101	
28.02.2008	ERA TERBILANG ENTERPRISE	Kempen Menghormati Warga Mas Kawasan Kampung Tunku.	10,000.00	AD 012118	29.02.2008	OG1121	
28.02.2008	BAIK URUS ENTERPRISE	Program Membiayai Makan Ramah Mesra Bersama Penduduk-penduduk DUN Kampung Tunku.	10,000.00	AD 012125	29.02.2008	OG1132	
28.02.2008	BAIK URUS ENTERPRISE	Membekal dan Membiayai Program Bagi Penduduk Taman Megah Mengadakan Majlis Mesra Rakyat.	10,000.00	AD 012126	29.02.2008	OG1134	
28.02.2008	KEMAJUAN MAJU ENTERPRISE	Membekal dan Membiayai Program Bagi Persatuan Kaum Cina Menganjurkan Majlis Mesra Rakyat.	10,000.00	AD 012120	29.02.2008	OG1136	
26.02.2008	PERNIAGAAN SERI MAKMUR	Membekal dan Membiayai Program Bagi Penduduk-penduduk Taman Paramount Mengadakan Majlis Mesra Rakyat.	10,000.00	AD 012114	29.02.2008	OG1139	
03.03.2008	KEJAR RESOURCES	Membiayai Program Bagi Jentera Pemuda Bermotor Peringkat DUN Kampung Tunku.	10,000.00	AE 012113	04.03.2008	OG1181	
03.03.2008	DAGANG CERIA ENTERPRISE	Program Kemasyarakatan "Mesra Rakyat" pada Bulan Februari 2008 Seri Setia.	10,000.00	AE 012115	04.03.2008	OG1183	
03.03.2008	KEJAR RESOURCES	Membiayai Program Bagi Persatuan Pemuda PJU Untuk Menjalankan Aktiviti Tahunan.	10,000.00	AE 012112	10.03.2008	OG1205	
03.03.2008	SELARAS USAHA ENTERPRISE	Membiayai Program "Inggeris On Wheels" Bagi Persatuan Wanita PJU.	10,000.00	AE 012111	10.03.2008	OG1210	880674

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
03.03.2008	KEMAJUAN MAJU ENTERPRISE	Membiayai Program Bagi Majlis Ramah Mesra Dengan Pemimpin-pemimpin DUN Kampung Tunku.	10,000.00	AE 012119	10.03.2008	OG1211	
	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Kerja-kerja membaikpulih tanah runtuh, membaiki pipe culvert di jalan SS 9/20, Petaling Jaya	5,000.00	117/2007 JTKN	18.7.2007	OG1328	756618
			35,000.00				

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Keja-kerja membaikpulih longkang sumbat, membekal konkrit slab di Jalan SS 9A/6, Petaling Jaya	5,000.00	118/2007 JTKN	18.7.2007	OG1329	756619
	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Kerja-kerja membaiki tanah runtuh membaiki longkang di Simpang Jalan SS 9/8 dan SS 9A/20, Petaling Jaya	5,000.00	132/2007 JTKN	18.7.2007	OG1330	756621
	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Kerja-kerja membina lampu dan tanglong di persekitaran SS3/33 Sg Way, Petaling Jaya, Selangor	5,000.00	127/2007 JTKN	18.7.2007	OG1331	756609
	DE GALAXY ENTERPRISE	Kerja-kerja membina papan tanda, Jalan Pulau di simpang Jalan 21/22 dan 21/46, Petaling jaya, Selangor	5,000.00	133/2007 JTKN	18.7.2007	OG1332	756610
	DE GALAXY ENTERPRISE	Kerja-kerja membina papan tanda di persekitaran Seri setia Petaling Jaya	5,000.00	123/2007 JTKN	18.7.2007	OG1333	756611
	DE GALAXY ENTERPRISE	Ketrja-kerja membersih sampah sarap membina tembok di jalan Simpang SS 9A/12 Sungai Way Petaling Jaya	5,000.00	122/2007 JTKN	18.7.2007	OG1334	756612
27.2.2007	YAYASAN MURNI	Majlis sumbangan Nusantara untuk didermakan kepada mangsa-mangsa bencana banjir yang berlaku di Johor	2,500.00		17.3.2008	OG1317	880779/ 25.3.2008
13.9.2007	BALI BINA ENTERPRISE	Program aktiviti mesra rakyat dan sesi dialog bersama Kemas dan rakyat PJU	10,000.00	AD 190779	19.9.2007	OG1910	756674
			42,500.00				

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
12.7.2007	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Program aktiviti mesra rakyat bagi kawasan zon Kampung Tunku di tasik Taman Alam PJ	10,000.00	AD 190769	19.9.2007	OG1911	756675
15.7.2007	BALI BINA ENTERPRISE	Program aktiviti mesra bagi kawasan zon Kampung Tunku bagi Human Chain The Lake, PJ	10,000.00	AD 190776	19.9.2007	OG1912	756676
10.7.2007	BALI BINA ENTERPRISE	Program aktiviti mesra dan sesi dialog bersama Persatuan Dharma House Society, PJ	2,500.00	AD 190772	19.9.2007	OG1913	756677
10.7.2007	BALI BINA ENTERPRISE	Program mesra rakyat turun padang bersama rakyat dan sesi dialog bersama Persatuan Kong Chew, Malaysia	2,500.00	AD 190773	19.9.2007	OG1914	756678
20.7.2007	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Program aktiviti sosial bagi Persatuan Penduduk SS 3 bersama Adun Kg Tunku	2,500.00	AD 190777	19.9.2007	OG1915	756679
12.7.2007	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Program aktiviti mesra rakyat bagi kawasan zon kg Tunku untuk Perayaan Kemmerdekaan PJ	10,000.00	AD 190775	19.9.2007	OG1916	756680
12.7.2007	KAMAROLZAMAN ENTERPRISE	Program mturun padang bersama Persatuan Tempatan Kg Tunku untuk Pertandingan Bola Keranjang bagi Dun Kg Tunku	10,000.00	AD 190770	19.9.2007	OG1917	756681
3.9.2007	DAGANG CERIA ENTERPRISE	Sumbangan untuk Majlis mesra bersama pemuda UMNO PJU	5,000.00	AD 190696	4.9.2007	OG1750	756658
			52,500.00				

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
	DAGANG CERIA ENTERPRISE	Sumbangan untuk Majlis Mesra Bersama Wanita UMNO PJU	5,000.00	AD 190698	4.9.2007	OG1749	756659
	PERNIAGAAN KHIDMAT CEKAP	Membiayai program bagi wanita UMNO PJU mengadakan majlis mesra rakyat	5,000.00	AD 190697	4.9.2007	OG1748	756660
	PERNIAGAAN KHIDMAT CEKAP	Membiayai program bagi Pemuda UMNO PJU mengadakan Majlis Mesra Rakyat	5,000.00	AD 190695	4.9.2007	OG1747	756661
	KAWASAN RUKUN TETANGGA SS 3	Membiayai program bagi Jawatankuasa Rukun Tetangga SS3 mengadakan aktiviti-aktiviti tahunan	2,000.00		4.9.2007	OG1768	756662
	TABUNG PEMBANGUNAN SJK © DAMANSARA	Sumbangan kepada SJK © Damansara untuk menjalankan program jualan makanan amal bagi mengutip wang untuk membina bilik darjah sekolah	2,000.00		4.9.2007	OG1770	756663
20.7.2007	KAMAROLZAMAN ENTERPRISE	Program aktiviti sosial dan ziarah bersama Rotary Club, PJU	10,000.00	AD 190780	19.9.2007	OG1918	756682
12.7.2007	KAMAROLZAMAN ENTERPRISE	Program aktiviti sosial rakyat dan sesi dialog bersama Persatuan Kwong Siew Malaysia	5,000.00	AD 190774	19.9.2007	OG1919	756683
19.7.2007	MULIA MANAGEMENT SERVICE	Program aktiviti mesra rakyat dan makan malam bersama penduduk Sg. Way dan Persatuan Autism Learning Centre, PJ	5,000.00	AD 190771	19.9.2007	OG1920	756685
			39,000.00				

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
19.7.2007	MULIA MANAGEMENT SERVICE	Program Belia dan Soaial untuk DUN Kg Tunku bersama penduduk P. Jaya	5,000.00	AD 190778	19.9.2007	OG1921	756685
20.8.2007	KAMAROLZAMAN ENTERPRISE	Program perayaan Kemerdekaan di keseluruh PJ Kg. Tunku	10,000.00	AD 190944	22.10.2007	OG2180	880604
21.8.2007	BALI BINA ENTERPRISE	Program belia untuk mendaki Bukit Gasing bagi Pertandingan PJ 2007	10,000.00	AD 190947	22.10.2007	OG2181	880605
23.8.2007	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Cadangan belia dan sosial untuk Pertandingan Futsal bagi Kelab Sukan Komuniti Kg. Tunku, PJ	10,000.00	AD 190946	22.10.2007	OG2182	880606
25.8.2007	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Program ceramah dan sesi dialog bersama rakyat bagi anjuran bersama mind mapping di Dewan serbaguna SS3, PJ	5,000.00	AD 190942	22.10.2007	OG2183	880607
13.8.2007	DAGANG CERIA ENTERPRISE	Membiayai program bagi ketua masyarakat Petaling Jaya Utama Division untuk menjalankan aktiviti	5,000.00	AD 190786	19.9.2007	OG1922	756670
5.7.2007	DAGANG CERIA ENTERPRISE	Membiayai program untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bagi Persatuan Wanita PJU	5,000.00	AD 190700	19.9.2007	OG1923	756671
5.7.2007	PERNIAGAAN KHIDMAT CEKAP	Sumbangan untuk Majlis mesra bersama wanita PJU	5,000.00	AD 190699	19.9.2007	OG1924	756672
			55,000.00				

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
13.8.2007	PERNIAGAAN KHIDMAT CEKAP	Membiayai program bagi Persatuan Warga Mas PJU mengadakan majlis mesra rakyat	5,000.00	AD 190785	19.9.2007	OG1925	756673
14.8.2007	PERNIAGAAN KHIDMAT CEKAP	Membekal alat kelengkapan untuk kegunaan DUN Kg Tunku	2,500.00	AD 190782	19.9.2007	OG1927	756664
	PERNIAGAAN SERI MAKMUR	Membekal alat kelengkapan untuk kegunan DUN Kg Tunku	2,500.00	AD 190783	19.9.2007	OG1928	756665
14.8.2007	PERNIAGAAN SERI MAKMUR	Membiayai program bagi Sg. Way Khuan Loke Dragon & Lion Dance Association untuk menjalankan aktiviti tahunan	3,000.00	AD 190788	19.9.2007	OG1929	756666
13.8.2007	BAIK URUS ENTERPRISE	Membiayai majlis mesra bersama Persatuan Wanita Sg Way	5,000.00	AD 190784	19.9.2007	OG1930	756667
14.8.2007	KEMAJUAN MAJU ENTERPRISE	Membekal dan membiayai program bagi Jawatankuasa penduduk DUN Kg Tunku mengadakan sambutan ke-50 Hari Kemerdekaan	5,000.00	AD 190781	19.9.2007	OG1931	756668
13.8.2007	ERA TERBILANG ENTERPRISE	Membiayai program bagi ketua masyarakat Melayu Taman sea SS 23 mengadakan majlis mesra rakyat	5,000.00	AD 190787	19.9.2007	OG1932	756669
	ERA TERBILANG ENTERPRISE	Membiayai sebahagian kos untuk Perayaan Poh Toh bagi Pertubuhan Penganut Dewa Xian Ling Gong	2,000.00	AD 190929	22.10.2007	OG2196	756686
			30,000.00				

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
21.8.2007	ERA TERBILANG ENTERPRISE	Membiayai sebahagian kos untuk perayaan Poh Toh bagi Persatuan Poh toh Sea Park	2,500.00	AD 190928	22.10.2007	OG2197	756687
21.8.2007	PERNIAGAAN SERI MAKMUR	Membiayai sebahagian kos untuk Persatuan Poh Toh SS 2	2,000.00	AD 190934	22.10.2007	OG2186.	756688
	PERNIAGAAN SERI MAKMUR	Membiayai sebahagian kos perayaan Poh Toh bagi Persatuan Poh Toh Old Town	2,500.00	AD 190935	22.10.2007	OG2187	756689
21.8.2007	BAIK URUS ENTERPRISE	Membiayai sebahagian kos untuk Perayaan Poh Toh bagi Persatuan Poh Toh Sek 14	2,000.00	AD 190930	22.10.2007	OG2189	756690
	BAIK URUS ENTERPRISE	Membiayai sebahagian kos untuk Perayaan Poh Toh bagi Persatuan Poh Toh Kg Cempaka	2,000.00	AD 190933	22.10.2007	OG2190	756691
21.8.2007	KEMAJUAN MAJU ENTERPRISE	Membiayai sebahagian kos untuk Perayaan Poh Toh bagi persatuan Poh Toh Taman Megah	2,000.00	AD 190926	22.10.2007	OG2191	756692
21.8.2007	KEMAJUAN MAJU ENTERPRISE	Membiayai sebahagian kos untuk Perayaan Poh Toh bagi Persatuan Poh Toh seksyen 17	2,000.00	AD 190931	22.10.2007	OG2192	756693
21.8.2007	KEMAJUAN MAJU ENTERPRISE	Membiayai sebahagian kos untuk Perayaan Poh Toh bagi Persatuan Poh toh Taman paramount	2,500.00	AD 190927	22.10.2007	OG2193	756694
			17,500.00				

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
21.8.2007	ERA TERBILANG ENTERPRISE	Membiayai sebahagian kos untuk Perayaan Poh Toh bagi persatuan Poh Toh Kg Baru Damansara	2,000.00	AD 190932	22.10.2007	OG2195	756695
23.8.2007	MULIA MANAGEMENT SERVICE	Cadangan mesra rakyat bersama penduduk SS 3 untuk lawatan di Kuala Selangor	2,500.00	AD 190943	22.10.2007	OG2172	756696
23.8.2007	MULIA MANAGEMENT SERVICE	Program derma tunai untuk warga emas dan anak yatim bagi program Ullam Kollai Potuthae, PJ	2,500.00	AD 190945	22.10.2007	OG2173	756697
23.8.2007	MULIA MANAGEMENT SERVICE	Cadangan Perayaan Kemerdekaan bersama JKKK Seri Setia, PJ	2,500.00	AD 190938	22.10.2007	OG2174	756698
23.8.2007	DE GALAXY ENTERPRISE	Program sesi dialog dan Hari Ibubapa di Seksyen 22, PJ	2,500.00	AD 190941	22.10.2007	OG2175	756699
23.8.2007	DE GALAXY ENTERPRISE	Program Kemerdekaan Bazaar 2007 bagi Taman Aman Len Seng PJ	2,500.00	AD 190940	22.10.2007	OG2176	756700
26.8.2007	HAMSAN CONSTRUCTION	Program turun padang bersama rakyat Paramount Garden sempena Perayaan Makan Malam, PJ	2,500.00	AD 190936	22.10.2007	OG2177	880601
26.8.2007	HAMSAN CONSTRUCTION	Program turun padang bersama penduduk Sg. Way sempena Perayaan Tokong Cina SS9A, PJ	5,000.00	AD 190937	22.10.2007	OG2178	880602
			22,000.00				

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
25.8.2007	KAMAROLZAMAN ENTERPRISE	Program larian merdeka 2007 bagi Persatuan Penduduk Taman Aman, PJ	5,000.00	AD 190939	22.10.2007	OG2179	880603
	MULIA MANAGEMENT SERVICE	Kerja-kerja membina lampu dan tanglong di persekitaran SS 9A/1 Sg Way	5,000.00	126/2007 JTKN	17.7.2007	OG1303	756622
	MULIA MANAGEMENT SERVICE	Kerja-kerja membaiki tanah runtuh membina road kerb di simpang Jalan SS 1/15 dan SS 3/29 PJ	5,000.00	134/2007 JTKN	17.7.2007	OG1304	756623
	MULIA MANAGEMENT SERVICE	Kerja-kerja membaiki longkang dan memecah slab, membersih sampah di Jalan SS 9A/11, Petaling Jaya	5,000.00	125/2007 JTKN	17.7.2007	OG1305	756624
	BALI BINA ENTERPRISE	Kerja-kerja membina road kerb, membersih sampah di Jalan SS 9A/13, Petaling Jaya	5,000.00	121/2007 JTKN	17.7.2007	OG1306	756625
	BALI BINA ENTERPRISE	Kerja-kerja membaikpulih entrance slab, membaiki longkang runtuh di Jalan SS 3/66, Petaling Jaya	5,000.00	120/2007 JTKN	17.7.2007	OG1307	756626
	BALI BINA ENTERPRISE	Kerja-kerja membina pintu roller shuttle, membaiki pintu di pusat perkhidmatan DUN Kg. Tunku, Petaling Jaya	5,000.00	129/2007 JTKN	17.7.2007	OG1308	756627
26.08.07	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Kerja-kerja membaikpulih jalan tepi road kerb dan sump di jalan utama, Sungai Way, Petaling Jaya	5,000.00	276/2007 JTKN	05.12.2007	OG2398	880608
			40,000.00				

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
26.08.07	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Kerja-kerja membaikpulih kalis air dan lain-lainkerja berkaitan di bangunan Pusat Perkhidmatan JKKK Seri Setia, Petaling Jaya	5,000.00	271/2007 JTKN	05.12.2007	OG2399	880609
26.08.07	BALI BINA ENTERPRISE	Kerja-kerja membaikpulih siling dan lampu di Pusat Perkhidmatan JKKK Seri Setia, Petaling Jaya	5,000.00	272/2007 JTKN	05.12.2007	OG2400	880610
26.08.07	KAMAROLZAMAN ENTERPRISE	Kerja-kerja membina papan tanda di Jalan Masuk SS 3 Petaling Jaya	5,000.00	273/2007 JTKN	05.12.2007	OG2401	880611
26.08.07	MULIA MANAGEMENT SERVICES	Kerja-kerja membaikpulih longkang dan tembok di kawasan SS 3/29 dan SS 3/31 Petaling Jaya	5,000.00	274/2007 JTKN	05.12.2007	OG2402	880612
26.08.07	DE GALAXY ENTERPRISE	Kerja-kerja membina Hand rail dan tangga di jalan masuk jalan majlis SS 3/1, Petaling Jaya	5,000.00	277/2007 JTKN	05.12.2007	OG2403	880613
26.08.07	KAMAROLZAMAN ENTERPRISE	Kerja-kerja membaikpulih Primex dan Road Kerb di persimpangan Jalan SS 3/39 dan SS 1/18, Petaling Jaya	5,000.00	278/2007 JTKN	05.12.2007	OG2404	880614
26.08.07	HAMSAN CONSTRUCTION	Kerja-kerja membina Jalan Premix di tepi Jalan SS 3/29, Petaling Jaya	5,000.00	275/2007 JTKN	05.12.2007	OG2405	880615
16.7.2007	SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR	Sumbangan kepada Kelab Kebajikan dan Sukan Dewan Undangan Negeri Selangor menjalankan aktiviti-aktiviti Kelab Tahun 2007	2,000.00		17.7.2007	OG1298	756644
			37,000.00				

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK/ PEMBEKAL (CEK)	PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.L.O (INDEN)	TARIKH BAUCER	NO. BAUCER	NO. CEK & TARIKH
16.7.2007	JAWATANKUASA RUKUN TETANGGA SEKSYEN 22	Sumbangan kepada Rukun Tetangga seksyen 22 untuk menjalankan Program Hari Ibu Bapa tahun 2007	2,000.00		17.7.2007	OG1299	756645
16.7.2007	SATHYA SAI BABA CENTRE OF SS3	Sumbangan kepada Sri Sathya Sai Baba Centre Of SS3 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tahun 2007	2,500.00		17.7.2007	OG1300	756646
16.7.2007	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	Sumbangan kepada Kuil Maha Mariamman untuk menjalankan Program "Amma's Day Galore 2007	2,000.00		17.7.2007	OG1301	756647
16.7.2007	PERSATUAN BARAH SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN	Sumbangan kepada Persatuan Barah Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tahun 2007	2,000.00		17.7.2007	OG1302	756648
26.6.2007	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Program Mesra rakyat turun padang bersama rakyat bagi DUN Kampung Tunku, Petaling Jaya	5,000.00	AD 190431	17.7.2007	OG1335	756649
26.6.2007	ZEZE CONSTRUCTION & TRADING	Sumbangan kecil kemasyarakatan saguhati kepada rakyat miskin di Taman Sri Aman, PJ	2,500.00	AD 190427	17.7.2007	OG1336	756650
19.7.2007	PEGAWAI DAERAH PETALING	Sumbangan untuk sambutan perayaan Hari Kemerdekaan ke 50 Peringkat Daerah	20,000.00		19.7.2007	OG1311	
29.8.2007	YB DATO' WONG SAI HO	Program belia dan sosial untuk PJ Challenge 2007	10,000.00			OG1690	
			46,000.00				

JUMLAH : **491,000.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. Ir. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : PENTERNAKAN

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

Telah menjadi pengetahuan umum bahawa terdapat program-program kerajaan termasuk bantuan dan pembiayaan kewangan untuk aktiviti-aktiviti penternakan lembu, kambing, ayam dan ikan. Persoalannya adalah:

a) Berapa banyak program-program sebegini yang telah diperkenalkan untuk tujuan berdikari di kalangan penduduk miskin di DUN Bukit Melawati? Berikan butiran yang berkaitan.

b) Berikan juga senarai agensi-agensi, jenis-jenis pembiayaan dan bantuan yang disediakan.

JAWAPAN :

a) Program bantuan ternakan telah dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Bantuan yang telah disalurkan kepada penduduk di DUN Bukit Melawati adalah seperti berikut:-

Nama Penerima	Jenis Bantuan	Bilangan	Nilai Bantuan (RM)
TAHUN 2005			
Shanmuganathan al PVC Pilai	Lembu Tenusu	5 ekor	25,000.00
Abdullah Ismail	Kolam kumbahan		10,000.00
TAHUN 2006			
Amir Hamzah	Lembu Pedaging	10 ekor	20,000.00
Kamzah Abdullah	Mesin Chopper	1 unit	6,000.00
TAHUN 2008			
Mohamad Jamil Mahidin	Lembu Fidlot	15 ekor	30,00.00
JUMLAH			**91,000.00**

Selain bantuan dalam bentuk ternakan dan peralatan menternak Jabatan juga memberi perkhidmatan secara berterusan melalui Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Selangor. Antara perkhidmatan veterinar yang diberikan kepada penternak di DUN Malawati adalah :

i. Rawatan ternakan dan ambulantori

ii. Pemeriksaan Kesihatan Ternakan untuk pemindahan dan penyembelihan

iii. Program Kesihatan Ternakan Gerompok (Herd Health Program)

iv. Pemvaksinan Ternakan terutama penyakit Kuku dan Mulut

v. Khidmat nasihat teknikal berkaitan pembangunan projek dan pengurusan ternakan

b) Jabatan Pertanian Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Perikanan Daerah Kuala Selangor juga merupakan ada menyediakan bantuan untuk membangunkan sektor pertanian dan perikanan di bawah DUN Bukit Melawati. Maklumat lengkap jenis bantuan dan pembiayaan terdapat di Jabatan / Agensi Pertanian di daerah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HJ. ABD. RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN OLEH LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

52. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :-

a) Berapa banyakkah projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh LZS dengan senarai kontraktor dan kos yang terlibat?

b) Adakah projek ini berjaya dan dapat dinikmati sepenuhnya oleh asnaf zakat? Jika tidak, nyatakan projek-projek yang bermasalah dan senarai kontraktor yang terlibat?

c) Apakah mekanisme yang digunakan oleh LZS bagi melantik kontraktor bagi menjalankan projek? Sejauh manakah amalan kronisme dapat dielakkan?

JAWAPAN :

a) Sehingga kini LZS telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan terutamanya untuk menangani maslahah ummah. Antaranya projek pembangunan yang telah dilaksanakan ialah bina rumah baru dan baik pulih rumah dengan kos setiap unit rumah bina baru berharga RM23,000 dan baik pulih rumah sebanyak RM10,000. Pada tahun 2006 LZS telah melaksanakan bantuan bina dan baik pulih rumah berjumlah 422 buah manakala pada tahun 2007 berjumlah 484 buah.

LZS juga membantu bagi pembinaan sekolah rendah agama / Kafa. Peruntukan untuk pembinaan sekolah tersebut ialah maksimum sebanyak RM50,000 bagi satu kelas. Bagi pembinaan dan baik pulih surau, masjid dan surau sekolah, peruntukan maksimum adalah sebanyak RM50,000.

b) Sehingga kini semua projek yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna. Melalui kajian yang dilaksanakan pada setiap tahun, projek yang dilaksanakan memberi manfaat kepada asnaf zakat.

c) LZS telah melaksanakan 4 mekanisme bagi melantik kontraktor iaitu:-

a. Kaedah Penggiliran
b. Kaedah Tawaran Sebut Harga
c. Kaedah Tender
d. Dasar MAIS yang mengutamakan anak syarikat untuk mengendalikan projek LZS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PENGENDALIAN SUMBER-SUMBER AIR

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah kos yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri dalam empat tahun yang lepas untuk membersihkan sumber-sumber air dalam negeri Selangor dan senaraikan butir-butir projek tersebut. (Nama syarikat, lokasi, tempoh, jumlah nilai kontrak)

b) Berapakah jumlah kos yang digunakan oleh kerajaan negeri dalam empat tahun yang lepas untuk membesarkan sumber-sumber air dalam negeri Selangor dan senaraikan butir-butir projek tersebut. (Nama syarikat, lokasi, tempoh, jumlah nilai kontrak)

c) Apakah langkah-langkah untuk memulihara dan memelihara sumber-sumber air untuk jangka masa dan jangka panjang?

JAWAPAN :

a) Sehingga tahun 2007, sebanyak 19 perangkap sampah telah dipasang dan diselenggara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran di sungai-sungai utama serta anak sungai di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, peruntukan yang digunakan sehingga 2007 ialah merupakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM 5.7 juta dan ia tidak melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri. Jumlah peruntukan yang telah digunakan dalam tempoh (4) empat tahun yang lepas adalah seperti berikut :

Tahun	Peruntukan Pengurusan Sungai (RM)
2004	1.1 juta
2005	1.0 juta
2006	1.8 juta
2007	1.8 juta
Jumlah	**5.7 juta**

Maklumat Tambahan :

Lokasi perangkap sampah di negeri Selangor di bawah penyelenggaraan JPS ialah seperti berikut :

Bil	Daerah	Nama Sungai	Lokasi
A	Petaling	1. Sungai Damansara 2. Sungai Klang 3. Sungai Penchala	U/S T.T.D.I. Jaya Seksyen 24 Kuala
B	Hulu Langat	1. Sungai Long 2. Pt. Utama Semenyih 3. Sungai Air Hitam	Kuala Kuala Tasik Cempaka
C	Gombak	1. Sungai Sembah 2. Sungai Gombak 3. Sungai Batu 4. Sungai Klang	Kuala Kg. Kerdas Batu Caves Kg. Kuala Ampang
D.	Sepang	1. Sungai Langat 2. Sungai Langat 3. Sungai Semenyih 4. Sungai Labu 5. Sungai Semarang	Bukit Tampoi Jenderam Intake SYABAS Kuala
E	Kuala Selangor	1. Sungai Selangor 2. Sungai Buloh	Kg. Rantau Panjang Kg. Ijok
F	Klang	1. Sungai Klang	Jalan Harper
G	Kuala Langat	1. Sungai Langat	Labuhan Dagang

b) Kerajaan Negeri Selangor melalui projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) telah memperuntukkan sebanyak RM642.2 juta sepanjang 4 tahun yang lepas. Perincian ialah seperti berikut :-

Tahun	Peruntukan Pengurusan Sungai (RM)
2004	6.4 juta
2005	13.7 juta
2006	22.6 juta
2007	21.5 juta
Jumlah	**64.2 juta**

* Nota : Peruntukan adalah daripada Kerajaan Negeri Selangor

Komponen-komponen Projek RTB antara lain ialah merangkumi skop-skop kerja seperti mendalamkan sungai, pelebaran sungai, pembinaan benteng sungai, pembinaan rumah pam dan pengalihan halangan-halangan sungai dan tidak secara khususnya bagi tujuan membesarkan sungai sahaja.

Maklumat Tambahan :

Kerajaan negeri Selangor melalui Pasukan Petugas Sumber Air Alternatif Untuk Bekalan Air di Negeri Selangor telah ditubuhkan sejak tahun 2005. Pasukan Petugas ini dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor dan pihak LUAS sebagai urus setia. Objektif utamanya ialah untuk mengenal pasti kolam, tasik, bekas lombong dan juga sumber air bawah tanah yang sesuai untuk dibangunkan sebagai sumber air alternatif bagi bekalan dan seterusnya merangka Pelan Tindakan bagi pengurusan sumber air alternatif tersebut. Tiada peruntukan khas disediakan.

c) Langkah-langkah untuk memulihara dan memelihara sumber-sumber air untuk jangka masa pendek :

1.1. Pemantauan dan penguatkuasaan bersepadu yang dilaksanakan melalui Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh LUAS. Jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pasukan Petugas Pengawalan Pencemaran (Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang). Ahli Jawatankuasa adalah terdiri daripada agensi-agensi teknikal, PBT, PTD, pihak konsesi dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan. Isu-isu yang dipantau untuk tindakan bersepadu oleh Jawatankuasa termasuklah masalah pencemaran daripada aktiviti kerja tanah, pengorekan pasir, penternakan haiwan. Loji kumbahan, pembuangan sampah haram dll. Jumlah isu-isu pencemaran yang telah berjaya diselesaikan ialah 141.

1.2. Pemantauan dan penguatkuasaan melalui Jawatankuasa kecemasan Pencemaran Sumber Air. Ini adalah termasuk kes kecemasan pencemaran sumber air seperti kemalangan kenderaan yang mengakibatkan tumpahan minyak ke dalam sungai.

1.3. Pemantauan aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada pencemaran sumber air secara berkala yang dijalankan setiap minggu dan juga lawatan tapak secara mengejut.

1.4. Pelaksanaan skim caj dan pelesenan abstraksi air bumi dan air permukaan bagi tujuan komersial dan bekalan air telah dilaksanakan oleh LUAS sejak 1 julai 2005. Kadar caj yang dikenakan ialah RM0.01/m3 untuk tujuan bekalan air dan RM 0.05/m3 untuk komersial. Ini adalah bagi memastikan sumber air di Negeri Selangor ini digunakan secara terkawal dan mampan di samping mengelakkan masalah alam sekitar seperti pemendapan tanah dan penerobosan air masin. Hasil kutipan caj digunakan untuk perlindungan air daripada pencemaran, peningkatan dan pembaikan kualiti air serta pemuliharaan selaras dengan Seksyen 41, Enakmen LUAS 1999.

Langkah-langkah untuk Memulihara dan Memelihara sumber-sumber Air untuk jangka masa panjang :

2.1. Penyediaan peraturan-peraturan Bahan Pencemar, Navigasi dan Abstraksi Air LUAS 2008. Ini ialah bagi melengkapkan lagi pelaksanaan penguatkuasaan di tapak dengan mengambil tindakan perundangan sama ada pengkompaunan dan tindakan mahkamah.

2.2. Penyediaan *'State of The River Report'* untuk Sungai Selangor dan yang diterbitkan setiap dwitahunan sejak tahun 2006. Ia mengandungi maklumat dan data-data terkini mengenai lembangan sungai terutamanya dari aspek pengurusan kuantiti dan kualitinya. Ia juga melibatkan program-program/tindakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu yang dijalankan bagi pengawalan pencemaran sungai. Laporan tersebut akan direplikasi untuk Sungai Langat dan Sungai Klang

2.3. Penganjuran aktiviti kesedaran awam dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi memberi pendedahan akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar. Antara aktiviti yang telah dan akan dijalankan oleh LUAS ialah seperti :

a) Program Pembersihan Pantai dan Kempen Tanam Pokok di Pantai Kelanang Kuala Langat.

b) Program Hari Bumi 2008

c) Program Bioindikator dan

d) Program Qua-Qua yang melibatkan komuniti dan pelajar sekolah dalam pemantauan kualiti air sungai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : SEKOLAH AGAMA DAN KAFA

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila kemukakan butiran jumlah guru-guru bergaji dan berelaun di Sekolah Agama Rakyat (-Integrasi) dan KAFA (-Integrasi) di seluruh negeri Selangor mengikut pecahan daerah dan berapakah kos yang ditampung oleh kerajaan negeri Selangor pada tahun 2007.

b) Berapakah penjimatan yang diperoleh oleh kerajaan negeri Selangor dalam pembiayaan sekolah-sekolah agama setelah menyerahkan pentadbiran 23 buah sekolah agama tadbiran negeri kepada kerajaan Pusat.

c) Apakah rancangan kerajaan negeri Selangor dalam meningkatkan kebajikan khususnya terhadap elaun guru-guru KAFA (-Integrasi)

JAWAPAN :

a) Semua guru-guru yang mengajar di Sekolah Agama Rakyat (SAR) atau Kelas al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi (KAFAi) mendapat elaun dan tidak ada seorang pun guru-guru ini mendapat gaji. Bilangan guru ini mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	BIL. GURU	KOS (RM)
1.	Sabak Bernam	78	RM 57,587.40
2.	Kuala Selangor	197	RM 145,445.10
3.	Hulu Selangor	87	RM 64,232.10
4.	Klang	220	RM 162,426.00
5.	Petaling	972	RM 717,627.60
6.	Gombak	421	RM 310,824.30
7.	Kuala Langat	890	RM 65,708.70
8.	Hulu Langat	495	RM 365,458.50
9.	Sepang	98	RM 72,353.40
JUMLAH		**2657**	**RM1,961,663.10**

Nota: Angka di atas tidak termasuk bilangan guru yang dibayar oleh sekolah atau PIBG.

Berdasarkan perangkaan di atas kos yang ditampung oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk tahun 2007 adalah **1,961,663.10 x 12 = 23,539,957.00.**

b) Jumlah penjimatan yang diperolehi kerajaan setelah bersetuju menjadikan sekolah-sekolah agama menengah menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) adalah:

Gaji dan elaun guru serta kakitangan=		± RM 13 juta
Kontrak membersih kawasan dan Kawalan keselamatan	=	± RM 3 juta
Utiliti (elektrik, air, telefon dan internet)=		± RM 4 juta
Subsidi makan murid/ pelajar	=	± RM 7.850 juta
Maintanance bangunan	=	± RM 4.750 juta
Jumlah	**=**	**± RM 32.6 juta**

c) Buat masa sekarang guru-guru KAFA dibayar elaun RM738.30 sebulan untuk bertugas selama 3½ jam sehari, 5 hari seminggu. Kemudahan cuti bersalin bergaji untuk guru perempuan dan elaun dibayar pada bulan Disember walaupun tidak mengajar. Berbanding bayaran elaun guru KAFA Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk seluruh negara RM 500.00 untuk waktu bertugas 2 jam sehari 3 kali seminggu atau 24 jam sebulan.

Kerajaan juga telah bersetuju pada dasarnya membenarkan guru KAFA mengajar 2 sesi iaitu sesi pagi 3 ½ jam (8.00 pagi – 11.30 pagi) dan sesi petang 3 ½ jam (2.30 petang – 6.00 petang) supaya mereka memperolehi elaun berjumlah RM 1,476.60 sebulan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE

TAJUK : LESEN PERNIAGAAN

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

a) Apakah piawaian majlis perbandaran/daerah untuk mengeluarkan lesen perniagaan?

b) Sila nyatakan jenis-jenis lesen yang diluluskan oleh PBT negeri Selangor.

c) Mengapakah sebahagian daripada peniaga tidak dapat lesen walaupun telah memohon, misalnya penjual daging khinzir dan peniaga jual beli kereta terpakai?

JAWAPAN :

a) Piawaian dan kriteria yang digunakan oleh Majlis Perbandaran/Daerah dalam mempertimbangkan pengeluaran lesen perniagaan di kawasan masing-masing adalah seperti berikut :-

Syarikat Sendirian Berhad

i) Borang 9 (Perakuan Perbendaharaan Syarikat Sendirian)
ii) MAA (*Memorandum And Articles of Association*)
iii) Borang 24
iv) Borang 49
v) Perjanjian penyewaan premis yang dimatikan setem (*Tenancy Agreement)*
vi) Pelan Lantai (*Floor Pelan*)
vii) Perjanjian jual beli (*sales and purchase title*)
viii) Salinan kad pengenalan (pemohon)

Syarikat Enterprise

i) Perakuan pendaftaran
ii) Maklumat perniagaan
iii) Maklumat peribadi
iv) Perjanjian penyewaan premis yang dimatikan setem (*Tenancy Agreement*)
v) Pelan lantai
vi) Perjanjian jual beli (*sales and purchase title*)
vii) Salinan kad pengenalan (pemohon)

Pertubuhan/Persatuan/kelab

i) Sijil pendaftaran pertubuhan/persatuan/kelab
ii) Pelan lantai premis dengan ukuran
iii) Perjanjian penyewaan premis yang dimatikan setem
iv) Salinan kad pengenalan pemohon

Keperluan tambahan (salinan sahaja)

TRED

i) Surat kelulusan kebenaran tukar syarat guna bangunan dari Jabatan Perancangan Pembangunan MBP jika tukar syarat bangunan.

ii) Surat kelulusan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Jabatan Pendidikan untuk aktiviti taska dan pendidikan.

iii) Lesen cetak di bawah peraturan kawalan percetakan 1974 daripada Kementerian Dalam Negeri.

iv) Kelulusan dari Pejabat Daerah untuk aktiviti menjual/menyimpan/mengedar minuman keras.

v) Sijil kelayakan persolekan/rawatan muka/*ophalmologist/optometrist* dan lain-lain yang disyaratkan.

vi) Surat kelulusan dari Finas untuk aktiviti penjualan/pengedaran CD, VCD dan DVD.

vii) Surat kelulusan dari Jabatan Alam Sekitar untuk aktiviti memproses / menyimpan / mengedar bahan kimia dan berbahaya,

viii) Senarai nama pekerja, salinan sijil kursus dan salinan Sijil Ty2 bagi setiap pekerja restoran.

ix) Surat dari Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan bagi jualan barangan kesihatan / farmasi.

x) Lain-lain agensi yang berkaitan.

b) Senarai lesen-lesen yang dikeluarkan oleh PBT negeri Selangor adalah seperti di lampiran.

c) Sebahagian daripada peniaga tidak mendapat lesen perniagaan walaupun telah memohon kerana tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PBT. Contohnya, permohonan lesen perniagaan seorang penjual daging khinzir terpaksa ditolak kerana memohon lesen untuk menjalankan perniagaan di kawasan majoriti Islam. Selain itu, permohonan lesen daripada penjual kereta terpakai juga ditokak kerana status tanah premis adalah pertanian serta tidak mempunyai permit barang lusuh yang dikeluarkan oleh pihak Polis.

LAMPIRAN

SENARAI LESEN DAN LESEN SEMENTARA/PERMIT PBT YANG TIDAK MEMERLUKAN ULASAN TEKNIKAL

Bil.	LESEN
1	Kedai Ais Krim
2	Kedai Aksesori Kereta (jual sahaja)
3	Kedai Aksesori Wanita
4	Kedai Alat-alat Sukan
5	Kedai Barang Hiasan/Hiasan Dalaman
6	Kedai Brg Elektrik/ Alat Hawa Dingin
7	Kedai Brg Plastik & Pinggan Mangkuk
8	Kedai Basikal
9	Kedai Bingkai Gambar
10	Kedai Bot/Jet Ski (jual sahaja)
11	Kedai Buku & Alat Tulis
12	Kedai Bunga
13	Kedai Cermin Mata
14	Kedai Dobi
15	Kedai Emas
16	Kedai Gambar
17	Kedai Gunting Rambut
18	Kedai Jahit Pakaian
19	Kedai Jam
20	Kedai Jual Batu Nesan & Keranda
21	Kedai Jual Cermin Kereta & Ekzos Kereta /Kereta(Jual Sahaja)
22	Kedai Jual Ubatan Cina / Ubatan Tradisional
23	Kedai Kasut
24	Kedai Kawalan serangga(Jual Sahaja)
25	Kedai Komputer
26	Kedai Kraftangan/cenderamata
27	Kedai Kunci
28	Kedai Mainan Kanak-kanak
29	Kedai Menjual Permaidani/Cermin
30	Kedai Pakaian
31	Kedai Perabot
32	Kedai Peralatan Rumah / Dapur
33	Kedai Fotostat
34	Kedai Plumbing
35	Kedai Runcit/Pasar Mini
36	Kedai Sekolah Jahitan
37	Kedai Telefon/Aksesori
38	Pasar
39	Pejabat Urusan/Insurans
40	Kedai Jual Peralatan Keagamaan
41	Kedai jual peralatan makmal/saintifik
42	Butik (pakaian/kasut/kosmetik)
43	Stor (tidak berisiko)
44	Kedai kelengkapan bilik mandi
45	Kedai perhiasan lampu
46	Kedai andaman pengantin (tanpa urut)
47	Kedai produk kesihatan/ makanan kesihatan
48	Kedai akuarium
49	Pusat senaman/aerobik
50	Kedai menjual jubin
51	Kedai bahan-bahan besi atau logam
52	Kedai jual kereta/motorsikal baru
53	Pusat studio muzik/rakaman

Lesen Iklan Yang Berkaitan	
1	Iklan/Papan Iklan Bercahaya/Papan Tanda Premis
2	Papan Iklan Tidak Bercahaya

Bil	LESEN SEMENTARA/PERMIT
1	Banner, Sepanduk, Bunting
2	Kain Rentang
3	Tiang Lampu
4	Jualan Gudang/Murah
5	Jualan Sementara
6	Kaki Lima
7	Khemah
8	Penjaja Stadium/ Bazarena
9	Promosi
10	Tutup Jalan
11	Up Town
12	Penjaja Pasar Malam/Harian/Tani/Berniaga sementara
13	Penjaja Statik

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK: PROJEK RUMAH TERBENGKALAI

56. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa banyak projek perumahan yang masih terbengkalai dalam Negeri Selangor hasil peninggalan bekas kerajaan terdahulu dan nyatakan di manakah taburan projek terbengkalai ini berlaku?

b) Berapa banyak unit yang terlibat serta apakah status pembinaan dan pembayaran pembeli di setiap projek?

c) Apakah punca atau sebab ia terbengkalai dan adakah tindakan sudah diambil atau bakal diambil ke atas pemaju yang melanggar peraturan serta apakah rancangan pemulihan bagi meringankan beban pembeli yang menjadi mangsa?

JAWAPAN :

a) Jumlah projek perumahan yang masih terbengkalai di seluruh Negeri Selangor hasil peninggalan bekas kerajaan terdahulu berjumlah 109 projek. Taburan projek terbengkalai ini adalah seperti dilampiran.

b) Jumlah unit yang terlibat adalah sebanyak 37,344 unit manakala status pembinaan adalah seperti dilampiran. Pembayaran pembeli adalah mengikut peratusan kemajuan pembinaan, walau bagaimanapun terdapat pembeli yang telah membayar lebih daripada peratusan kemajuan projek oleh kerana kemungkinan ada pemaju mengemukakan laporan kemajuan kerja yang kurang tepat kepada Bank.

c) Untuk makluman Yang Berhormat, berikut tiga faktor utama yang dikenal pasti sebagai punca atau sebab sesebuah projek perumahan terbengkalai :

i) <u>Tiada Kajian Kemungkinan *(Feasibility Study)*</u>

Projek yang tidak '*viable*' mengakibatkan sesebuah projek terbengkalai. Keadaan ini berlaku disebabkan sesetengah pemaju tidak menjalankan kajian kemungkinan (*Feasibility Study*) yang menyeluruh atau kesilapan terhadap kajian kemungkinan yang dijalankan ke atas suatu projek sebelum pelaburan dibuat. Kesan kesilapan kajian kemungkinan menyebabkan kos infrastruktur meningkat tinggi dan seterusnya peningkatan kos pembinaan secara mendadak.

Pemaju juga tidak menjalankan kajian pasaran yang menyeluruh sebelum sesebuah projek perumahan dimulakan. Ini memberi kesan terhadap penentuan lokasi sesebuah projek perumahan. Lokasi yang tidak bersesuaian

menyebabkan kurang permintaan ke atas projek yang dijalankan dan seterusnya projek tidak dapat dijual.

Di samping itu, kesilapan dalam pengiraan kos projek akan membebankan dan merugikan pihak pemaju. Contohnya, kos sebenar projek berlipat ganda daripada apa yang dianggarkan. Selain itu, harga jualan unit rumah yang tidak sesuai atau terlalu tinggi akan menyebabkan unit-unit rumah tidak terjual kerana jurang kuasa beli pembeli yang besar.

Selain itu, strategi pemasaran yang lemah juga antara faktor projek perumahan terbengkalai. Keadaan ini disebabkan sumber kewangan yang terhad daripada sejumlah kecil pembeli rumah serta pembiayaan projek melalui '*bridging loan*' akan membebankan pemaju dan mereka akan mengalami kesulitan untuk meneruskan projek. Bagi sesetengah projek perumahan, pemilihan kontraktor dijalankan secara tender. Kesilapan proses pemilihan tender juga akan menyebabkan projek tersebut terbengkalai.

ii) Kurang Pengalaman

Terdapat pemaju yang kurang pengalaman dalam mengendalikan sesebuah projek perumahan menyebabkan pemaju gagal dalam merangka jadual pelaksanaan kerja yang teratur dan kurang kemahiran dalam menghadapi faktor-faktor luar jangka seperti pertambahan kos semasa projek dijalankan. Ada pemaju yang tidak mengambil pembiayaan titian kerana merasakan mampu menampung kos projek melalui *'progressive payment'* yang diperolehi dari bank pembiaya pembeli. Sekiranya berlaku masalah ke atas projek yang dibangunkan seperti kenaikan harga simen dan besi, pembiayaan tidak akan mencukupi kerana unjuran awal bagi kos pembangunan telah ditetapkan tanpa mengambil kira kos-kos tambahan tersebut. Faktor ini akan mengganggu aliran tunai pemaju dalam menyiapkan projek mengikut waktu yang telah ditetapkan.

iii) Kelemaham Pengurusan Kewangan

Pengurusan yang lemah terutamanya pengurusan kewangan turut menyumbang kepada faktor terbengkalainya sesebuah projek perumahan. Berdasarkan kes-kes terbengkalai di Selangor, terdapat pemaju yang menyalah guna wang hasil jualan projek di mana wang tersebut digunakan untuk perkara-perkara lain yang tidak berkaitan dengan projek yang dilaksanakan. Ini bertentangan peruntukan dalam seksyen 7A Akta Pemajuan Perumahan 1966 di mana setiap pemaju disyaratkan untuk membuka satu akaun khas bagi setiap projek yang dibangunkan dan wang dalam akaun tersebut hanya boleh digunakan bagi membiayai projek yang dilaksanakan sahaja.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "***breach of contract***" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya apabila pembeli-pembeli rumah mereka terbengkalai. Kerajaan Negeri tidak mempunyai ***"locus standi"*** untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang

terlibat. Walau bagaimanapun pembeli boleh merujuk kes mereka ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

Akta ini telah memperuntukkan kuasa kepada KPKT untuk mengambil tindakan ke atas pemaju-pemaju yang gagal menjalankan tanggungjawab di mana boleh dikompaun RM50,000,00 atau didakwa dan jika disabit kesalahan boleh dikenakan penalti minima RM250,000.00 dan maksima RM500,00.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi RM500.00 bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. Pihak KPKT juga telah menyenaraihitamkan syarikat dan pengarah-pengarah syarikat yang terlibat daripada memperoleh lesen pemajuan perumahan yang baru.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri memandang serius terhadap banyak kes-kes projek terbengkalai yang berlaku. Oleh itu Kerajaan Negeri akan mengambil langkah drastik dengan mengenal pasti pengarah-pengarah syarikat, ahli-ahli lembaga pengarah jika melibatkan koperasi serta konsultan yang terbabit (sekiranya gagal dalam menjalankan tanggungjawabnya) yang terlibat dengan projek terbengkalai dengan menyenaraihitamkan mereka dan tidak diberikan sebarang projek di Negeri Selangor. Ini boleh dilaksanakan dengan pengwujudan sistem data seperti CCRIS yang mana pihak agensi terbabit untuk kelulusan pelan dapat melihat *"track record"* sesebuah syarikat sebelum memberi kelulusan ke atas pelan yang dipohon.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi membantu mereka ke arah memahami situasi yang berlaku dan dalam kes-kes tertentu bertindak sebagai pemudah cara dalm menasihati mereka bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut :

1) <u>Perbincangan Pemulihan Projek</u>

Perbincangan bagi setiap projek terbengkalai perlu dilakukan melalui perbincangan dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan, Jawatankuasa Pembeli, Jabatan Teknikal, KPKT dan pihak yang terlibat secara langsung. Sekiranya melibatkan masalah keperluan jabatan teknikal maka perbincangan dengan jabatan-jabatan terbabit dibuat bagi membantu mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.

2) Syarikat Yang Telah Digulungkan

Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia akan diaturkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) boleh mencadangkan mana-mana '*liquidator/Pegawai Penerima* yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah *'liquidator'/Pegawai Penerima* pula perbincangan akan dijalankan bersama *'liquidator'/Pegawai Penerima* terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.

3) Masalah Kewangan

LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstruktur semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.

4) Pemulihan Oleh Pembeli

Sekiranya pembeli bersetuju untuk memulihkan sendiri projek dan meneruskan projek sehingga siap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diminta membantu sehingga Sijil Layak Menduduki (CF) diperoleh dan pengeluaran baki wang pinjaman boleh dikeluarkan kepada pembeli. Bagi kaedah-kaedah di atas persetujuan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.

5) Pengeluaran Surat Pengesahan Projek Terbengkalai

Pengeluaran surat pengesahan projek terbengkalai yang melibatkan projek yang tidak berdaftar di bawah KPKT bagi tujuan membantu pembeli untuk menstruktur semula pinjaman mereka dengan pembiaya (bank) supaya dapat mengurangkan beban sedia ada.

6) Melantik Juru ukur Bahan Bagi Menilai Kos Pemulihan Projek

Melantik juru ukur bahan untuk mendapatkan baki nilai sebenar kos untuk menyiapkan projek terbengkalai terbabit bagi menentukan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli untuk menyiapkan projek tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR OLEH KILANG-KILANG SEPERTI SISA TOKSID, PENCEMARAN UDARA DAN SEBAGAI

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Sejak dua (2) tahun kebelakangan ini, berapakah jumlah kilang mengikut PBT & PTD telah dikenal pasti melakukan kesalahan pencemaran alam sekitar yang telah dikenakan tindakan mahkamah dan telah disabit kesalahan?

b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN :

a) Kes-kes pencemaran alam sekitar yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang telah dikenakan tindakan mahkamah mengikut PTD adalah seperti berikut:

	DAERAH	BILANGAN KES MAHKAMAH	
		2006	2007
1.	HULU LANGAT	23	10
2.	KUALA LANGAT	5	15
3.	SEPANG	6	9
4.	KELANG	30	28
5.	KUALA SELANGOR	6	3
6.	SABAK BERNAM	-	-
7.	PETALING	4	20
8.	SHAH ALAM	7	15
9.	HULU SELANGOR	7	23
	JUMLAH	**88**	**123**

b) Bagi mengatasi masalah pencemaran yang berlaku pihak kerajaan akan terus meningkatkan kerja-kerja penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran yang telah dikenal pasti. Di samping penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor, agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) juga perlu memainkan peranan dalam mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kes-kes pencemaran yang dikuatkuasakan di bawah bidang kuasa agensi-agensi tersebut.

Jabatan Alam Sekitar Selangor juga dari masa ke semasa mengadakan seminar dan majlis penerangan kepada pihak industri berhubung dengan keperluan perundangan alam sekitar di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi meningkatkan pematuhan pihak industri serta sebagai langkah pencegahan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)

TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapakah jumlah dewan orang ramai yang ditubuhkan oleh kerajaan? Sila sebutkan setiap tapak.

b) Berapakah peruntukan yang diberikan untuk membina setiap dewan orang ramai?

c) Siapakah yang membayar bil elektrik dan air untuk dewan-dewan orang ramai ini?

JAWAPAN :

a) 36 - Senarai seperti di lampiran.

b) Berdasarkan peruntukan yang diluluskan kepada pejabat Daerah oleh Kerajaan Negeri atau Kementerian Kewangan. Kos pembinaan biasanya tidak melebihi RM 200,000.00.

c) Pengguna atau Pentadbir Dewan / Balai raya berkenaan.

SENARAI DEWAN/BALAIRAYA PEJABAT DAERAH PETALING

MUKIM PETALING I

BIL.	NAMA DEWAN/BALAIRAYA	PENGGUNA/PENTAD BIR
1.	Balairaya Kg. Baru Seri Puchong Batu 13 ½, Jalan Klang, Puchong.	JKKK
2.	Balairaya Kg. Seri Langkas Tambahan Batu 13 ½, Jalan Klang, Puchong	JKKK
3.	Balairaya Kg. Seri Andalas Batu 13 ½, Jalan Klang, Puchong.	JKKK
4.	Bilik Gerakan JKKK Batu 12, Kg. Seri Langkas Tambahan, Batu 13 ½, Jalan Klang, Puchong.	JKKK
5.	Balairaya Kg. Pasir Baru, Batu 13 ½, Jalan Puchong, Puchong.	JKKK
6.	Balairaya JKKK Batu 14, Kg. Baru Batu 14, Batu 13 ½, Jalan Puchong.	JKKK
7.	Balairaya Kg. Seri Aman Hilir Batu 13 ½, Jalan Klang, Puchong.	JKKK
8.	Balairaya Kg. Seri Aman Dalam, Batu 13 ½, Jalan Klang, Puchong.	JKKK
9.	Balairya Kg. Seri Aman Berkat, Batu 13 ½, Jalan Klang, Puchong.	JKKK
10.	Balairaya Kg. Seri Aman Bistari, Batu 13 ½, Jalan Klang, Puchong.	JKKK
11.	Balai/Rumah kediaman Penghulu Jalan Besar, Batu 14, Puchong.	Penghulu Mukim Petaling I

MUKIM PETALING II

BIL.	NAMA DEWAN/BALAIRAYA	PENGGUNA/PENTAD BIR
1.	Balairaya Kg. Tengah B	JKKK
2.	Balairaya Kg. Kenanga	JKKK
3.	Balairaya Batu 13, Puchong	JKKK
4.	Rumah Penghulu/Balairaya, Lorong 3, Kg. Tengah B, Batu 13, Puchong.	JKKK

MUKIM DAMANSARA

BIL.	NAMA DEWAN/BALAIRAYA	PENGGUNA/PENTAD BIR
1.	Dewan Orang Ramai Kg. Batu Tiga	JKKK
2.	Dewan Orang Ramai Kg. Baru Hicom	JKKK
3.	Dewan Orang Ramai Kg. Bukit Lanchong	JKKK
4.	Dewan Rukun Tetangga Taman Batu Tiga Lorong 3, Kg. Tengah B, Batu 13, Puchong.	Pengerusi Rukun Tetangga Batu Tiga
5.	Balairaya Kg. Bukit Lanchong	JKKK
6.	Balai/Kediaman Penghulu, Persiaran Teknoloji, Subang Hi-com 40200 Shah Alam.	Penghulu Mukim Damansara

MUKIM BUKIT RAJA

BIL.	NAMA DEWAN/BALAIRAYA	PENGGUNA/PENTAD BIR
1.	Balairaya Kg. Bukit Cherakah	JKKK
2.	Balairaya JKKK Kg. Budiman	JKKK
3.	Balairaya JKKK Kg. Bukit Cherakah	JKKK

BIL.	NAMA DEWAN/BALAIRAYA	PENGGUNA/PENTAD BIR
4.	Balai/Rumah Kediaman Penghulu Kg. Bukit Cherakah	Penghulu Mukim Bukit Raja

MUKIM SG. BULOH I

BIL.	NAMA DEWAN/BALAIRAYA	PENGGUNA/PENTAD BIR
1.	Balai JKKK Kg. Paya Jaras Tengah	JKKK
2.	Balai JKKK Kg. Paya Jaras Hilir	JKKK
3.	Balai JKKK Kg. Kg. Paya Jaras Hulu	JKKK
4.	Balai JKKK Kg. Kubu Gajah	JKKK
5.	Balai JKKK Kg. Merbau Sempak	JKKK
6.	Balai JKKK Kg. Sg Plong	JKKK
7.	Rumah dan Balai Penghulu Sg. Buloh I	Penghulu Mukim Sg. Buloh I

MUKIM SG. BULOH II

BIL.	NAMA DEWAN/BALAIRAYA	PENGGUNA/PENTAD BIR
1.	Balai JKKK Kg. Kayu Ara	JKKK
2.	Balai JKKK Kg. Melayu Subang	JKKK
3.	Dewan Masyarakat, Rumah Murah Kayu Ara.	JKKK
4.	Rumah dan Balai Penghulu Mukim Sg. Buloh II	Penghulu Mukim Sg. Buloh II

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(DUN SIJANGKANG)

TAJUK : SISWAZAH MENGGANGUR

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapa jumlah siswazah yang masih belum mendapat pekerjaan sehingga kini dan pecahannya mengikut daerah di negeri Selangor?

b) Apakah tindakan kerajaan yang telah diambil bagi mengatasi masalah siswazah menganggur?

c) Apakah penambahbaikan yang akan dilakukan bagi mengurangkan masalah tersebut?

JAWAPAN :

a) Berdasarkan maklumat yang diperoleh dari sistem (ELX), jumlah siswazah yang berdaftar untuk pencarian kerja mengikut daerah di Negeri Selangor sehingga 12 Mei 2008 adalah;

Daerah di Negeri Selangor	Jumlah
Gombak	1682
Klang	2671
Kuala Langat	686
Kuala Selangor	902
Petaling	4896
Sabak Bernam	402
Sepang	689
Hulu Langat	2548
Hulu Selangor	655
Ampang Jaya	825
Jumlah	**15956**

b) Tidak berkaitan dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor. Walau bagaimana pun, pihak jabatan telah mengadakan beberapa aktiviti untuk membantu mengatasi masalah siswazah menganggur. Antaranya ialah ;

1. karnival kerjaya untuk mempromosi sistem *Electronic Labour Exchange* (ELX) bagi memudahkan pendaftaran pencarian kerja;

2. temu duga terbuka di mana para siswazah berpeluang untuk mencari Kerja secara terus dengan majikan yang menawarkan pekerjaan.

c) Pihak Jabatan Tenaga Kerja Selangor akan dan telah melakukan penambahbaikan bagi mengurangkan masalah pengangguran siswazah. Jabatan Tenaga Kerja Selangor telah meningkatkan lagi sasaran kerja termasuk :

1. memperbanyakkan lagi karnival kerjaya;

2. menggalakkan lagi pendaftaran majikan dalam *system Electronic Labour System* (ELX);

3. menggiatkan lagi aktiviti ceramah kerjaya;

4. serta mengatur dan mengadakan lebih banyak temu duga terbuka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN
(SERI SERDANG)

TAJUK : PENIPUAN TANAH

60. Kerajaan Selangor telah membuat siasatan mengenai penipuan tanah yang melibatkan ratusan jutaan ringgit di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Sila senaraikan bilangan kes penipuan tersebut dan Pejabat Tanah yang terlibat ?

b) Apakah hasil siasatan tersebut?

c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk membanteras penipuan tersebut?

JAWAPAN :

a) Berdasarkan rekod terkini Pentadbiran ini, hanya terdapat 1 kes penipuan yang sedang diperingkat perbicaraan oleh Mahkamah Seksyen Shah Alam.

Pentadbiran Tanah Kerajaan Negeri Selangor telah menerima beberapa aduan berkaitan penipuan tanah. Walau bagaimanapun, kebanyakan aduan berada di peringkat siasatan dan masih belum terbukti kesahihan dakwaan tersebut. Terdapat juga sebilangan pengadu yang telah membuat laporan berhubung penipuan tanah bagi membolehkan siasatan ditangani segera oleh pihak Polis Di Raja Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini tidak dapat mengemukakan bilangan sebenar kes-kes penipuan tanah memandangkan ia melibatkan beberapa pihak seperti Polis Di Raja Malaysia, Badan Pencegah Rasuah dan Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor. Pihak Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Serdang bolehlah mendapatkan maklumat lanjut berkaitan bilangan kes-kes yang terlibat daripada pihak-pihak yang tersebut di atas.

b) Hasil siasatan terhadap kes-kes penipuan tersebut boleh didapati daripada Jabatan Jenayah Komersil dan Polis Di Raja Malaysia.

c) Pentadbiran Tanah Negeri Selangor telah mengambil beberapa langkah bagi membanteras penipuan tanah seperti berikut:-

i) penambahbaikan terhadap sistem dan prosedur;
ii) memberi pendedahan kepada kakitangan berkaitan integriti dan keselamatan dokumen; dan
iii) menghadkan akses orang awam / mereka yang tidak berkenaan ke kawasan-kawasan sensitif.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. MOHD SHAMSUDIN BIN HJ. LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : ALAM SEKITAR (PROJEK PENTERNAKAN BABI)

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah sebab projek ternakan babi secara besar-besaran ini diberi keutamaan yang tinggi oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk dilaksanakan sebaik sahaja Pakatan Rakyat (Gabungan PKR, DAP, dan PAS) memenangi Pilihan raya Umum ke-12 di Negeri Selangor?

b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor benar-benar serius untuk menjalankan kajian impak alam sekitar sebelum melaksanakan projek penternakan babi secara besar-besaran tersebut bagi mengelakkan kesan pencemaran ke atas alam sekitar dan bagaimanakah kajian tersebut akan dijalankan?

c) Jika benar, bilakah kajian impak tersebut akan dilaksanakan dan tempoh kajian tersebut akan disiapkan serta siapakah yang akan dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kajian tersebut?

JAWAPAN :

a) Projek Ternakan Babi Moden yang akan dilaksanakan di Ladang Tumbuk Kuala Langat merupakan kelangsungan daripada kerajaan terdahulu. Projek ini perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah pencemaran alam yang telah ditanggung oleh penduduk sekitar lebih dari 20 tahun lalu.

b) Kajian impak alam sekitar akan dijalankan projek tersebut akan dibangunkan secara in-situ.

c) Kerajaan Negeri telah mengarahkan syarikat yang terlibat untuk menjalankan kajian tersebut. Kerajaan Negeri juga telah melantik dua (2) orang profesor dari Universiti Petronas membantu Kerajaan Negeri memantau kajian tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : INTEGRITI

62. Kerajaan pernah menjanjikan bahawa semua ahli EXCO dan pegawai tinggi kerajaan akan mengumunkan harta milik dan kedudukan kewangan sebagai usaha mempertunjukkan integriti dan kebersihan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Bilakah pula agaknya kerajaan akan membuatkan pengumuman tersebut?

b) Adakah ia akan dimuat ataskan ke laman web Kerajaan Negeri Selangor

JAWAPAN :

a) Kerajaan negeri sudah pun menetapkan bahawa ahli EXCO dan tanggungan sehingga umur 21 tahun membaut pengisytiharan.

b) Buat masa ini Kerajaan Negeri sedang berbincang dengan pelbagai pihak bagi mencari metodologi pagi efektif untuk pengumuman tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM (SEKINCHAN)

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH

63. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;

a) Sila nyatakan berapakah jumlah rumah kos rendah yang dibina dari tahun 2004 hingga akhir tahun 2007 di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah ?

b) Sila kemukakan berapakah jumlah projek rumah kos rendah yang terbengkalai di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah ?

c) Memandangkan terdapat banyak permintaan terhadap rumah kos rendah dan sederhana mutakhir ini di DUN Sekinchan. Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memenuhi permintaan tersebut ?

JAWAPAN :

a) Kadar pertumbuhan projek perumahan di Negeri Selangor merupakan yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri di Malaysia. Ia termasuklah pembangunan projek sama ada projek yang telah dibina (termasuk rumah yang siap dibina dan di peringkat pembinaan) mahupun projek perumahan dalam peringkat perancangan. Projek-projek perumahan ini termasuklah juga pembinaan rumah kos rendah. Ini kerana berdasarkan Dasar Pembangunan Tanah yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, sebarang pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana manakala kawasan di luar Lembah Klang pula akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Tujuan pengenaan syarat ini adalah untuk memastikan Tujuan utama pengenaan syarat ini adalah untuk memastikan pembangunan perumahan dijalankan turut mengambil kira keperluan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah mampu milik yang lebih selesa.

Sepanjang tahun 2004 sehingga tahun 2007, di Negeri Selangor sahaja sebanyak **86,325 unit rumah kos rendah telah siap dibina dan diduduki** (berdasarkan Sijil Kelayakan Menduduki yang telah dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Negeri Selangor) manakala sebanyak **24,242 unit rumah kos rendah lagi sama ada dalam proses pembinaan mahupun dalam peringkat perancangan** (berdasarkan pelan bangunan yang diluluskan oleh PBT di Negeri Selangor dari tahun 2006 sehingga tahun 2007). Pecahan unit rumah kos rendah yang telah dikeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) dan Kelulusan Pelan Bangunan mengikut PBT adalah seperti berikut :

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Rumah Kos Rendah Telah Siap *(Berdasarkan CFO Yang Dikeluarkan)*	Rumah Kos Rendah Dalam Pembinaan dan Perancangan *(Berdasarkan Pelan Bangunan Yang Diluluskan)*
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	1,962	2,037
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	18,278	2,560
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	13,082	3,015
4.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	12,505	730
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	10,477	TM
6.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	10,781	10,678
7.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	10,359	3,501
8.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	1,731	TM
9.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	3,898	636
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	1,549	564
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	1,141	389
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MBSB)	562	133
Jumlah		86,325	24,243

Nota:

** T.M = Tiada maklumat*

b) Jumlah projek rumah kos rendah yang terbengkalai di seluruh Negeri Selangor sebanyak 10,604 unit di mana pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut.

DAERAH	Bil. Projek	Bil. Unit
Petaling	6	3402
Klang	-	-
Gombak	2	552
Hulu Langat	5	2030
Kuala Langat	-	-

Hulu Selangor	1	368
Kuala Selangor	4	3280
Sepang	3	972
Jumlah	**21**	**10,604**

c) Kerajaan Negeri telah menetapkan mana-mana pemaju yang telah disyaratkan membina rumah kos rendah tidak akan dikecualikan membina rumah jenis tersebut. Syarat ini termasuklah kepada pemaju yang akan membangunkan tanah mereka di DUN Sekinchan. Berdasarkan rekod pendaftaran permohonan rumah kos rendah di Negeri Selangor terdapat seramai 2,456 pemohon rumah kos rendah di Daerah Sabak Bernam dan daripada jumlah tersebut seramai 696 pemohon adalah daripada Mukim Sungai Panjang yang termasuk dalam DUN Sekinchan. Oleh demikian, pembangunan rumah kos rendah akan dibangunkan dari masa ke semasa sama ada oleh anak syarikat Kerajaan Negeri atau pemaju swasta apabila terdapat permintaan yang tinggi daripada penduduk di kawasan tersebut. Bilangan pemohon rumah kos rendah mengikut pecahan mukim di Daerah Sabak Bernam adalah seperti berikut :-

Jadual 3 : Bilangan Pemohon Rumah Kos rendah Di Daerah Sabak Bernam Mengikut Pecahan Mukim Sehingga 30 April 2008

Daerah	Mukim	Bilangan Pemohon
Sabak Bernam	Bagan Nakhoda Omar	213
	Pancang Badena	1,081
	Pasir Panjang	322
	Sabak	696
	Sungai Panjang	144
	Jumlah Pemohon	**2,456**

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : BANDAR ILMU

64. Penduduk DUN Bangi bersetuju mempromosikan DUN Bangi sebagai 'Bandar Ilmu' sesuai Bangi dikelilingi berpuluh universiti dan berbagai-bagai-bagai pusat penyelidikan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

Dapatkah pihak berkuasa melengkapkan keperluan 'Bandar Ilmu' berikut :-

a) Meningkatkan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) di Bangi kepada sebuah universiti unggul sepenuhnya?

b) Mendirikan sebuah Sekolah Tahfiz Sains bertaraf Menengah di Bangi?

c) Mendirikan sebuah kompleks persidangan dan bersifat serba guna di Bangi?

JAWAPAN:

a) Insya-Allah Kerajaan Negeri akan terus mempertingkatkan supaya Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) di Bangi menjadi salah sebuah universiti unggul sepenuhnya.

b) Insya-Allah sebuah sekolah Tahfiz Sains bertaraf Menengah boleh dirancang dan diusahakan di Bangi. Buat masa ini Kerajaan Negeri sedang melaksanakan dan memantapkan program Sekolah Tahfiz Sains di Istana Bandar Jugra yang baru dimulakan pada Januari 2008 yang lepas.

c) Pembinaan sebuah kompleks persidangan dan bersifat serba guna di Bangi boleh dibina atas keperluan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : DEMAM DENGGI

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membuat kajian tentang punca dan sebab peningkatan kes deman denggi di Selangor dan sila senaraikan butir-butir dan manfaat kajian tersebut.

b) Berapakah peruntukan untuk kajian tersebut dan senaraikan pihak-pihak yang terlibat dalam kajian tersebut?

JAWAPAN :

a) Jabatan Kesihatan Negeri tidak dapat menjawab soalan ini dan ianya seharusnya dijawab oleh Pihak Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun Jabatan ini sentiasa mengkaji serta menjalankan analisa data-data yang sedia ada dan telah mengambil tindakan yang sewajarnya.

Selain itu beberapa kajian saintifik sedang dan telah dilaksanakan oleh institusi-institusi lain yang berada di bawah Kerajaan Pusat (KKM dan IMR) seperti ;

i. Kajian untuk membangunkan model bagi meramal wabak denggi di sesuatu lokaliti yang dilaksanakan bersama Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

ii. Kajian "*National Health Morbidity Study* III" pada 2006 yang dilaksanakan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia bertujuan menilai tahap pengetahuan masyarakat berkaitan demam denggi dan faktor persekitaran, menilai tahap amalan pencegahan demam denggi di kalangan masyarakat dan menilai respons masyarakat terhadap aktiviti kawalan oleh agensi berkaitan. Kajian ini dilaksanakan di bawah peruntukkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

iii. Kajian "KAP" (*Knowledge Application & Practice*) Dengue bertujuan menilai tahap pengetahuan, pelaksanaan dan amalan dalam mengawal kes demam denggi di kalangan masyarakat dan kakitangan agensi yang terlibat dalam kawalan vektor denggi yang dalam perancangan pelaksanaan dengan Institut Pengurusan Kesihatan di mana peruntukkan di sediakan oleh Institut ini.

iv. Beberapa kajian saintifik sedang dijalankan di bawah RMK 9 dilaksanakan oleh KKM bersama Universiti Tempatan berbentuk biomedikal bagi aspek-aspek rawatan serta juga strategi pencegahan dan kawalan

b) Kesemua kajian di atas dilaksanakan di bawah peruntukkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA YB. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM (KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PROGRAM KEBAJIKAN RAKYAT

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Sepertimana yang dijanjikan dalam manifesto PRU12 , apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menyediakan tabung permulaan RM100 bagi anak kelahiran Selangor, RM75 untuk anak yang dihantar ke nurseri , RM 50 sebulan untuk pra-sekolah ,bantuan biasiswa, dan sebagainya ?

b) Apakah langkah yang sedang diambil untuk menyediakan peluang berniaga kepada golongan belia dan wanita muda ?

c) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan segala bentuk bantuan dan elaun disampaikan kepada rakyat Selangor yang memerlukannya tanpa diskriminasi kaum dan agama ?

JAWAPAN :

a) & b) :

Kerajaan negeri telah mengadakan Jawatankuasa Manifesto kerajaan melibatkan agensi-agensi kerajaan bagi mengkaji pelaksanaan manifesto, termasuk dengan bantuan menyediakan Tabung permulaan RM100 bagi anak kelahiran Selangor,RM75.00 untuk anak yang dihantar ke nurseri, RM50.00 sebulan untuk pendidikan pra-sekolah, RM1000.00 untuk bantuan biasiswa. Pelaksanaan bergantung kepada syor Jawatankuasa ini.

c) Bantuan yang digariskan di dalam manifesto, sedang dikaji untuk dilaksanakan, semua berbentuk terbuka tanpa diskriminasi kaum dan agama.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BETULIS DARIPADA
TUAN LAU WENG SAN (KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KEBAJIKAN PEKERJA LADANG DI SELANGOR

67. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

a) Berapa banyak pekerja ladang di Selangor dari tahun 2000 hingga 2007 mengikut pecahan kaum di setiap kawasan DUN?

b) Apakah rancangan-rancangan yang bakal diketengahkan oleh kerajaan negeri untuk membantu mempertingkatkan taraf kehidupan golongan pekerja ladang?

JAWAPAN :

a) Jumlah pekerja ladang di Negeri Selangor mengikut kaum dan daerah adalah seperti berikut :

BIL	DAERAH	BANGSA				JUMLAH
		Melayu	Cina	India	Lain-lain (Warga asing)	
1.	Kuala Selangor	109	3	1,379	178	1669
2.	Hulu Selangor	65	2	409	76	552
3.	Kuala Langat	182	11	686	328	1207
4.	Klang	136	-	276	204	616
5.	Sabak Bernam	42	1	121	-	164
6.	Hulu Langat	17	1	34	-	52
	JUMLAH	**551**	**18**	**2,905**	**786**	**4,260**

b) Kerajaan negeri sedang menyusun beberapa strategi dalam membantu mempertingkatkan taraf kehidupan golongan pekerja ladang seperti berikut :

1. Mengenal pasti ladang-ladang yang menghadapi masalah dari segi kemudahan perumahan, infrastruktur, Sekolah Tamil dan berbagai-bagai masalah yang meliputi keperluan hidup pekerja ladang.

2. Setelah ladang dan masalah yang dihadapi dikenal pasti, lawatan serta perbincangan di antara pihak majikan dan pekerja ladang diadakan sehingga mencapai kata sepakat.

3. Bagi menjaga kepentingan pekerja, Kerajaan Negeri akan memastikan pihak ladang menyediakan sistem atau saluran tertentu di mana kepentingan pekerja ladang dan majikan dapat di bincang. Antaranya ialah:

    i. Terdapat kesatuan sekerja di mana pekerja ladang dapat menyalurkan keperluan ahli;

ii. Terdapat juga Jawatankuasa-jawatankuasa yang mana anggotanya terdiri daripada wakil pekerja dan majikan;

iii. Pihak ladang menyediakan Pegawai Kebajikan untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja ladang;

iv. Terdapat Jawatankuasa lain diwujudkan untuk berperanan ke arah meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan pekerja ladang.

v. Kerajaan Negeri juga bercadang menubuhkan sekolah berasrama bagi anak-anak pekerja ladang yang mendapat keputusan yang kurang cemerlang. Ini bagi membolehkan pendidikan anak-anak pekerja ladang lebih terjamin.

Di samping itu, kebajikan dan kepentingan pekerja ladang di jaga/dikawal melalui undang-undang buruh (Pejabat Tenaga Kerja) manakala penentuan gaji atau kemudahan pekerja adalah melalui pertubuhan seperti MAPA (*Malaysian Agriculture Producers Association)*.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. Ir. MUTHIAH MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : PENDIDIKAN

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

Sekolah Agama Al-Ansar terletak di kawasan Kampung Asahan, DUN Bukit Melawati, yang diwakafkan. Seramai 160 penuntut bersekolah di sini; 10% mereka adalah anak yatim dan 30% adalah dari fakir miskin. Sekolah ini berasrama untuk lelaki dan perempuan. Keadaan bangunan sekolah dan asrama tidak memuaskan.

a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh menolong mereka membina satu sekolah dan asrama baru?

JAWAPAN :

a) Kerajaan negeri boleh membantu dan menyokong bantuan kepada Sekolah Agama Al-Ansar. Walau bagaimanapun satu kertas yang lengkap hendaklah disediakan setelah dikenal pasti dengan tepat apakah keperluan sebenar yang diperlukan dan sekolah telah memenuhi syarat yang diperlukan oleh pemberi bantuan. Permohonan boleh juga dikemukakan kepada MAIS atau JAPIM.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HJ. ABD. RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : KILANG HARAM DAN PENCEMARAN

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah bilangan kilang-kilang haram yang telah dikenal pasti di negeri Selangor mengikut senarai pihak berkuasa tempatan dan operasi yang dijalankan dan apakah faktor-faktor utama kewujudan mereka sekian lama?

b) Terdapat kilang-kilang haram dan berlesen didakwa melepaskan asap pencemaran dan mengganggu alam sekitar serta penduduk di sekelilingnya seperti yang berlaku di Aman Perdana, Meru, apakah tindakan telah diambil bagi memastikan pencemaran dielakkan atau sekurang-kurangnya berada di tahap minimum?

c) Apakah program pemutihan yang telah diambil terhadap kilang-kilang haram ini dan sejauh manakah keberkesanannya? Apakah langkah seterusnya bagi memastikan masalah ini tidak berlarutan?

JAWAPAN :

a) Bilangan kilang haram mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:

DAERAH /PBT	BIL. KILANG	JUMLAH
Petaling MBSA MBPJ MPSJ	 508 345 383	1236
Klang MPK MBSA	 426 130	556
Gombak MPS MPAJ	 37 0	37
Hulu Langat MPKj MPAJ	 516 142	658
Kuala Langat MDKL	 209	209

Sepang MPSp	44	44
Hulu Selangor MDHS	14	14
Kuala Selangor MDKS	35	35
Sabak Bernam MDSB	16	16
JUMLAH	**2,805**	**2,805**

Operasi yang dijalankan oleh pengusaha kilang merangkumi industri seperti industri pembuatan makanan, industri pembuatan barangan dan makanan halal, industri pembuatan kelengkapan pengangkutan dan automotif, industri elektrik dan elektronik, industri pengilangan jentera, komponen dan keluaran perantaraan, industri bioteknologi, industri berasaskan pertanian dan industri perkhidmatan.

Faktor-faktor utama kewujudan mereka ialah:

(i) Pemilik tanah yang mengalami masalah kewangan tidak mampu untuk menjelaskan premium tambahan yang dikenakan apabila menukar syarat kegunaan tanah;

(ii) Pemilik tanah juga sukar mendapatkan pinjaman untuk menjelaskan premium tambahan yang dikenakan kerana pemilik tanah telah berusia dan tidak layak untuk membuat pinjaman;

(iii) Pemilik tanah telah menyewakan tanah tersebut kepada pengusaha kilang dalam tempoh jangka masa yang panjang dan terikat dengan perjanjian yang telah dibuat;

(iv) Pemilik tanah hanya menggunakan sebahagian daripada tanah bagi tujuan industri;

(v) Pemilik tanah kurang faham mengenai tukar syarat kegunaan tanah dan menyebabkan mereka tidak membuat permohonan;

(vi) Kadar premium yang dikenakan ke atas pemilik tanah mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 adalah tinggi dan menyulitkan mereka dalam menjelaskannya dalam tempoh yang ditetapkan;

(vii) Tempoh pajakan tanah yang hampir luput menyebabkan pemilik tanah enggan menukar syarat kegunaan tanah kerana premium tambahan bagi tempoh pajakan baru adalah tinggi.

(viii) Kilang–kilang yang didirikan berada di luar kawasan zon yang ditetapkan (zon perindustrian);

(ix) Kilang–kilang yang didirikan berdekatan di antara satu sama lain dan tidak memenuhi syarat pembangunan yang ditetapkan oleh PBT; dan

(x) Kebanyakan kilang–kilang tidak mematuhi syarat-syarat atau kriteria–kriteria yang telah ditetapkan oleh JPS, JKR dan JAS.

b) Bagi mengatasi masalah pencemaran udara berpunca daripada sektor industri yang terdapat di sekeliling Aman Perdana Jabatan Alam Sekitar Selangor telah menjalankan sebanyak 18 pemeriksaan yang melibatkan 11 buah premis sepanjang tahun 2007 yang lepas. Susulan daripada lawatan tersebut sebanyak 11 Notis Arahan telah dikeluarkan yang mengarahkan pihak pekilang supaya memperbaiki dan mempertingkatkan alat kawalan pencemaran udara dan sebanyak 5 kompaun bagi kesalahan pencemaran udara mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan.

Hasil penilaian oleh Jabatan Alam Sekitar mendapati lokasi kawasan perumahan Aman Perdana yang dibangunkan kemudiannya, adalah terlalu hampir dengan kawasan industri sedia ada. Pihak pemaju gagal menyediakan zon penampan yang mencukupi bagi mengurangkan kesan pencemaran dari industri sedia ada menyebabkan walaupun industri mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan tetapi hasil pelepasan daripada sektor industri tersebut masih memberi impak yang tidak ketara kepada penduduk sekitar.

c) Program Pemutihan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Pengurangan Premium Tambahan
Pemberian potongan sebanyak 50% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan atau 30% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh enam (6) bulan atau 10% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh sembilan (9) bulan kepada pemilik tanah yang menjelaskan premium secara sekali gus atau ansuran dalam tempoh tersebut.

(ii) Bayaran premium secara ansuran
Pemilik tanah dibenarkan membayar premium secara ansuran sebanyak dua belas (12) kali dalam tempoh lapan belas (18) bulan atau dua puluh empat (24) bulan dari tarikh Borang 5A atau 7G dikeluarkan bagi permohonan yang baru diluluskan atau mengikut baki tempoh yang ada dalam Borang 5A atau 7G yang dikeluarkan bagi permohonan yang telah diluluskan terdahulu.

iii) **Pengecualian premium khas**
Pemilik tanah dikecualikan daripada dikenakan premium khas atau denda yang telah ditetapkan di bawah Kaedah 11(6),Kaedah–Kaedah Tanah Selangor 2003 kepada pemilik tanah yang melanggar syarat kegunaan tanah.

(iv) **Pelanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian bagi tanah bertempoh pajakan kurang lima belas (15) tahun**
Permohonan perlanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian yang mempunyai baki tempoh pajakan kurang15tahun diluluskan atas kegunaan industri dan premium dikenakan berdasarkan nilaian tanah semasa serta diberi pengurangan premium sebanyak 50 peratus. Pengurangan ini dikecualikan bagi mereka yang telah mendapat insentif pengurangan premium tambahan.

(v) **Insentif Dari PBT**
Resolusi berkenaan Insentif untuk kilang-kilang tanpa kebenaran bagi memastikan kilang-kilang ini dapat beroperasi secara sah hendaklah diguna pakai.

(vi) **Penurunan Kuasa**
Bagi mempercepatkan dan memudahkan proses permohonan tukar syarat, kuasa melulus permohonan tukar syarat di bawah seksyen124(1)(a) dan (c), 124A dan 204A, Kanun Tanah Negara bagi kilang-kilang tanpa kebenaran diturunkan kepada Pentadbir Tanah Daerah tertakluk kepada kilang- kilang yang berada di dalam zon yang ditetapkan.

(vii) **Pengenaan Syarat Teknikal Minima**
Garis panduan Syarat Teknikal Minima diguna pakai oleh semua PBT di Selangor sebagai rujukan bagi meluluskan permohonan tukar syarat tanah untuk kilang–kilang tanpa kebenaran. Syarat Teknikal Minima ini akan diguna pakai sebagai rujukan sepanjang program pemutihan ini dijalankan.

(viii) **Program 'Outreach'**
Program ini dijalankan bagi memberi penerangan tentang program pemutihan serta mendekatkan pihak berkuasa berkaitan dengan pemilik-pemilik tanah dan pengusaha-pengusaha kilang tanpa kebenaran. Di antara program'*outreach*' ialah pengedaran brosur-brosur kepada pemilik-pemilik tanah dan pengusaha-pengusaha kilang tanpa kebenaran, program turun padang oleh pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung di dalam program pemutihan dan memberi khidmat nasihat dan bantuan di dalam melengkapkan borang-borang permohonan tukar syarat.

ix) **Pengecualian Caruman Infrastruktur Sosial**
Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi pengecualian daripada di kenakan caruman infrastruktur sosial sebanyak RM50,000.00 seekar bagi kawasan Lembah Kelang dan RM35,000.00 seekar bagi kawasan di luar Lembah Klang.

(x) **Pengeluaran Permit Khas Sementara**
Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk mengeluarkan suatu permit khas bagi penggunaan sementara tanah-tanah pertanian yang didirikan kilang-kilang tanpa kebenaran. Kuasa bagi meluluskan permit ini telah diturunkan kepada PTD dan permit-permit akan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah yang berkenaan untuk tempoh tidak melebihi satu (1) tahun. Permit tersebut juga hanya boleh diperbaharui sebanyak tiga (3) kali sahaja. Dalam masa tersebut tuan tanah hendaklah membuat permohonan secara teratur di bawah seksyen 124 KTN atau 124A KTN atau tindakan perampasan tanah boleh dibuat.

(xi) **Pengeluaran Lesen Perniagaan Sementara**
Pihak Berkuasa Tempatan juga akan mengeluarkan lesen perniagaan sementara *(trade license)* kepada pengusaha /pemilik kilang yang telah dikenal pasti.

(xii) **Pelarasan Cukai Tanah**
Kerajaan Negeri juga bersetuju meluluskan pelarasan cukai tanah bagi memberikan kesahan undang-undang atau pemutihan kepada aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada pelanggaran syarat tanah di atas tanah hak milik yang kategori bangunan kediaman tetapi telah dibenarkan beroperasi melalui lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT.

(xiii) **Pelanjutan Tempoh Pemutihan**
Pelaksanaan program pemutihan ini dijangka berakhir pada akhir tahun 2007. Namun begitu, MMK Ke 3/2008 pada 30 Januari 2008 telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pemutihan sehingga akhir tahun 2010 untuk memberi peluang kepada pengusaha kilang / tuan tanah terus beroperasi secara sah dan mampu menyumbang ke arah pembangunan ekonomi masyarakat setempat khususnya dan Negeri Selangor amnya. Selain itu, program ini juga dapat mewujudkan keadaan atau suasana kilang yang lebih teratur, selamat dan terancang.

Laporan Kemajuan Program Pemutihan adalah seperti di **Lampiran A**.

LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG-KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR (SEHINGGA 31 MAC 2008)

DAERAH	BIL. KILANG [a]	PERMIT KHAS SEMENTARA [b]	LESEN SEMENTARA [c]	TUKAR SYARAT [d]	ENGGAN TERIMA TAWARAN [e]	JUMLAH SELESAI [b+d]	% SELESAI
PETALING	1236	3	364	254	52	257	20.80
KLANG	556	147	206	54	7	201	36.15
GOMBAK	37	-	33	7	-	7	18.92
HULU LANGAT	658	57	397	59	-	116	17.63
KUALA LANGAT	209	79	74	75	30	154	73.69
SEPANG	44	7	21	22	*14	43	97.72
HULU SELANGOR	14	7	14	7	-	14	100.00
KUALA SELANGOR	35	24	35	4	7	28	80.00
SABAK BERNAM	16	7	42	-	-	7	43.75
JUMLAH	**2,805**	**331**	**1,186**	**482**	**110**	**827**	**29.50**

* Tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 125-129 KTN (pelanggaran syarat tanah) telah dilaksanakan.

Lamp. A - 6 pgs.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : KUARI

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah lesen kuari yang telah diluluskan dalam negeri Selangor mengikut PBT, dalam dua tahun yang lepas dan sila senaraikan butir-butirnya. (nama syarikat, lokasi kuari, tempoh lesen)

b) Berapakah jumlah hasil yang diperoleh oleh kerajaan negeri daripada penggalian kuari untuk tempoh empat tahun yang lepas mengikut PBT?

c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan bahawa aktiviti kuari tidak akan menggugat keselamatan awam dan merosakkan alam sekitar?

JAWAPAN :

a) Senarai pemegang permit bahan batuan (kuari) bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di **Lampiran A**.

b) Jumlah hasil yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 dan 2008 bagi aktiviti perlombongan kuari tersebut adalah **RM4,561,617.27**.

c) Langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan aktiviti kuari tidak akan menggugat keselamatan awam dan merosakkan alam sekitar adalah mengikut peruntukan di bawah Selangor *Quarry Rules* 2003.

LAMPIRAN A

SENARAI PEMEGANG PERMIT BAHAN BATUAN (KUARI) DI NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2007 & 2008

DAERAH: HULU LANGAT

Bil.	Nama Pemegang Permit	Lokasi Pengeluaran/ Status Tanah	Jumlah Pengeluaran	Hasil Diterima Oleh Kerajaan setahun (RM)	Tempoh Permit
1.	**Dolomite Industries Company Sdn. Bhd.** Batu 11 ¾, Sungai Serai, P.O. Box 6, Bt. 9, 43207 Cheras. No. Tel: 03-61860000	PN 6338 Lot. 5704 **Mukim Hulu Langat,** Daerah Hulu Langat. Tanah Hakmilik	78,000 m^3	RM234,000.00	30.6.2008
2.	**Sungai Long Industries Sdn. Bhd.,** Batu 11 ¾, Jalan Hulu Langat, 43100 Hulu Langat. No. Tel: 03-90212400	PN 8602 Lot. 7705 **Mukim Hulu Langat**, Daerah Hulu Langat. Tanah Hakmilik	52,000 m^3	RM156,000.00	30.6.2008
3.	**Kajang Rocks Quarry Sdn. Bhd.** A-50, Jalan Tuanku 4, Salak South Garden, 57100 Kuala Lumpur. No. Tel: 03-87379128	CT 26387 Lot 2213 CT 26373 Lot 2186 **Mukim Semenyih,** Daerah Hulu Langat Tanah Hakmili	70,200 m^3	RM210,600.00	30.6.2008

4.	**Kajang Granite Quarry Sdn. Bhd.** Tingkat 3, Wisma Sin Heap Lee, No. 346, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur. No. Tel: 03-87377368	CT 39928 Lot. 7990 **Mukim Semenyih** Daerah Hulu Langat. Tanah Hakmilik	143,400 m^3	RM430,200.00	30.6.2008
5.	**Kenneison Quarries Sdn. Bhd.** P.O. Box No. 7, Sg. Long, Bt. 9, 43207 Cheras. No. Tel: 03-90211919	H.S.(D) 28643 PT 3912 H.S.(D) 28644 PT3913 **Mukim Hulu Langat**, Daerah Hulu Langat. Tanah Hakmilik	150,000 m^3	RM450,000.00	30.6.2008
6.	**Hanson Quarry Products Sdn. Bhd**. W501, Tingkat 5, West Tower, Wisma Consplant 1, No. 2, Jalan SS 16/4, Jalan Subang Jaya, 47500 Petaling Jaya. No. Tel:03-87237950	CT 28649 Lot 4024 CT 28652 Lot 4027 **Mukim Semenyih,** Daerah Hulu Langat Tanah Hakmilik	32,500 m^3	RM97,500.00	30.6.2008
7.	**Semenyih Quarry Sdn. Bhd.** No. 60C, Jalan SS 21/35, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya. No. Tel: 03-77266399	H.S (D) 42829 PT 9317 **Mukim Semenyih,** Daerah Hulu Langat. Tanah Hakmilik	33,000 m^3	RM99,000.00	30.6.2008

8.	**Gerak Harapan Sdn. Bhd.** Batu 11, Jalan Cheras, 43200 Cheras. No. Tel: 03-03-58858888	H.S.(D) 25365 PT16050 **Mukim Cheras,** Daerah Hulu Langat. Tanah Hakmilik	140,400 m^3	RM421,200.00	30.6.2008
9.	**Sri Semangkok Sdn. Bhd.** No. 9, Jalan Pasar, 41400 Klang. No. Tel:03-33446666	CT 23420 Lot 2876 CT 23419 Lot 2875 H.S.(D) 1333 PT 1495/3 H.S.(D) 1334 PT 1495/4 H.S.(M) 5260 PT 127 86 **Mukim Cheras,** Daerah Hulu Langat. Tanah Hakmilik	47,666.66 m^3	RM143,000.00	30.6.2008
10.	**Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.,** Lot. S 20, Tkt. 2, Centerpoint, Lebuh Bandar Utama, Bandar Utama 47800 Petaling Jaya. No. Tel:03-77260246	H.S.(D)34461 PT 1120 **Mukim Hulu Semenyih,** Daerah Hulu Langat. Tanah Hakmilik	24,000 m^3	RM72,000.00	30.6.2008

11.	**Wiramuda Sdn. Bhd.** A-50, Jalan Tuanku 4, Salak South Garden, 57100 Kuala Lumpur. No. Tel:03-61376506	H.S.(D) 25129 PT 25164 **Mukim Ampang,** Daerah Hulu Langat Tanah Hakmilik	16,000 m^3	RM48,000.00	30.6.2008
12.	**Golden Plus Granite Sdn. Bhd.** Batu 7, Jalan Bukit Belacan, Lembah Jaya, 68000 Ampang No. Tel:03-42916079	H.S.(D) 17322 PT 22562 H.S.(D) 71766 PT2933 **Mukim Ampang,** Daerah Hulu Langat. Tanah Hakmilik	74,000 m^3	RM222,000.00	30.6.2008
13.	**K.S. Chin Mineral Sdn. Bhd.** Unit 4-23, 4th Floor, FAS Business Avenue, Jalan Perbandaran, 47301 Petaling jaya. No. Tel:03-78042213	Geran 31663 Lot 2366 Geran 31659 Lot 2362 Geran 31644 Lot 2367 Geran 45093 Lot 1160 Geran 49393 Lot 1158 **Mukim Semenyih ,** Daerah Hulu Langat Tanah Hakmilik	13,000 m^3	RM39,000.00	30.6.2008

14.	**Supreme Precious Sdn. Bhd.** Lot 2.01A, Level 2, Menara Maxisegar, Jalan Pandan Indah 4/2 Pandan Indah 55100 Kuala Lumpur	HSD 7582 PT 8492 HSD 7583 PT 8493 **Mukim Ampang,** Daerah Hulu Langat. Tanah Hakmilik	5,000 m^3	RM15,000.00	31.3.2008
15.	**Budi Bicara Sdn. Bhd.,** Mezzanine Floor, 8A Jalan Sri Semantan 1, 50490 Kuala Lumpur.	HSD 42256 PT 35768, HSD 42285 PT 35797, HSD 40642 PT 34338, HSD 40734 PT 34430, **Mukim Kajang,** Daerah Hulu Langat Tanah Hakmilik	7,000 m^3 Tanah Merah	RM14,000.00	31.3.2008
JUMLAH				**RM 2,651,500.00**	

DAERAH: GOMBAK

Bil.	Nama Pemegang Permit	Lokasi Pengeluaran/ Status Tanah	Jumlah Pengeluaran	Hasil Diterima Oleh Kerajaan setahun (RM)	Tempoh Permit
1.	**Sri Rawang Sdn Bhd** Wisma Siah Brothers, 74, Jln. Pahang, 53000 Kuala Lumpur. No.Tel : 03-58858888	Lot 1506 **Mukim Rawang,** Daerah Gombak Tanah Hakmilik	211,783.06 m^3 (2007) 55,320.36 m^3 (2008)	RM 635,349.18 RM 165,961.09	30.4.2008
2.	**Kuari Permata Sdn Bhd** No. 66-1, Jln. 3/62, Desa Mahkota, Bandar Manjalara, 52100 Kepong, Kuala Lumpur. No. Tel : 03-62760471	Lot 4747, Lot 4748 **Mukim Rawang,** Daerah Gombak Tanah Hakmilik	54,000.00 m^3 (2007) 9,000.00 m^3 (2008)	RM 162,000.00 RM 27,000.00	30.4.2008
3.	**Sunway Quarry Sdn Bhd** No. 7, Jln. PJS 9/5, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor.	Lot 14256 **Mukim Rawang,** Daerah Gombak Tanah Hakmilik	246,680.00 m^3 (2007) 59,922.33 m^3 (2008)	RM 740,040.00 RM 179,767.00	30.4.2008
JUMLAH				**RM 1,910,117.27**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENGURUSAN BEKALAN AIR

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Tarif air SYABAS termasuk caj minimum, adalah kira-kira 3 kali ganda dari Pulau Pinang. Tidakkah ini sangat melampau kerana Pulau Pinang masih untung walaupun hanya mempunyai 300,000 pengguna sedangkan SYABAS mempunyai 1.5 juta pengguna?

b) Adakah SYABAS untung setelah diswastakan? Sila tunjukkan perbelanjaan dan peningkatan prestasi sebelum dan selepas penswastaan.

c) Berapakah hutang kepada ketiga-tiga konsesi pengeluar air bersih sebelum dan selepas SYABAS mengambil alih operasi pengagihan air?

JAWAPAN :

a) Negeri Selangor mempunyai 1.5 juta akaun yang melibatkan sejumlah 7.5 juta pengguna. Terdapat perbezaan di antara pengurusan air di negeri Selangor dan Pulau Pinang. Antaranya adalah seperti berikut

i. Kadar NRW yang tinggi bagi Negeri Selangor iaitu sebanyak 42% berbanding dengan Negeri Pulau Pinag iaitu sebanyak 19.4% bagi tahun 2005.

ii. Tunggakan yang amat tinggi yang perlu dilunaskan oleh SYABAS setelah mengambil alih pengurusan air daripada PUAS Berhad iaitu:

a. Hutang kepad operator loji sebanyak RM2.368 bilion.
b. Hutang kepad Kerajaan Persektuan sebanyak RM772.5juta.
c. Tanggungan kontrak-kontrak yang sednag dilaksanakan sebanyak RM570 juta.

iii. SYABAS perlu membayar caj royalti air mentah sebanyak RM0.01/m3 setahun dan caj konsesi sebanyak RM1 juta setahun kepada kerjaan Negeri. Bagi tahun 2007, sebanyak RM14 juta telah dibayar bagi caj royalti air mentah sementara RM 1 juta telah dibayar bagi caj konsesi kepada Kerjaan Negeri Selangor.

iv. Memandangkan kawasan liputan agihan SYABAS adalah tiga kali ganda lebih besar daripada Pulau Pinang, kos pengagihan dan pengendalian bekalan air SYABAS adalah jauh lebih tinggi iaitu melibatkan pengurusan saluran-saluran papip sepanjang 25,000.00 km,1070 kolam air (termasuk kolam air, tangki air, kolam sedut dan kolam sedut dwifungsi) serta 431 rumah pam di seluruh Negeri Selangor, Kula Lumpur dan Putrajaya.

b) Sewaktu mengambil alih pengurusan bekalan air daripada PUAS pada tahun 2004, SYABAS terpasa menanggung defisit kewangan yang berjumlah RM1.5 bilion. Berdasarkan model kewangan konsesi setakat tahun 2007, SYABAS masih mengalami defisit kewangan sebanyak RM1.4 billion di mana SYABAS hanya akan menikmati aliran tunai bersih positif daripada kegiatan operasi kerja dalam tahun 2012.

c) Semasa mengambil alih pengurusan bekalan air daripada PUAS, jumlah hutang kepada ketiga-tiga konsesi pengeluar air iaitu Puncak Niaga (M) Sdn Bhd., SPLASH dan Konsortium ABASS adalah sebanyak RM2.3 bilion.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE

TAJUK: LADANG KELAPA SAWIT

72. Terdapat banyak ladang kelapa sawit milik kerajaan negeri Selangor tidak diuruskan dengan baik dan dibiarkan sahaja serta hasilnya tidak dikutip.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

a) Berapakah ladang kelapa sawit yang dimiliki oleh kerajaan negeri Selangor dan sila berikan maklumat secara terperinci untuk setiap ladang tersebut.

b) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menguruskan ladang-ladang yang terbiar?

JAWAPAN :

a) Sehingga kini PKPS memiliki sebanyak 6 buah ladang kelapa sawit manakala anak-anak syarikat PKPS menguruskan sebanyak 2 buah ladang yang dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Ladang-ladang tersebut terletak di negeri Selangor, Kelantan dan Sabah.

b) PKPS tidak pernah mempunyai tanah terbiar kerana aktiviti utama PKPS adalah untuk menjana pendapatan daripada sumber-sumber tanah yang dimiliki.

LADANG KELAPA SAWIT MILIK PKPS

Lampiran 1 (i)

BIL	NAMA LADANG	ALAMAT/LOKASI	KELUASAN (HEKTAR)	UNTUNG/RUGI 2007 RM	CATATAN
1	Ladang PKPS Sungai Panjang	Km. 41, Jalan Tg. Malim-Sg. Besar Pejabat Pos Mini Sg. Dusun 44010 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan.	1,052	878,243.74	
2	Ladang PKPS Jelutong Jati	Km. 41, Jalan Tg. Malim-Sg. Besar Pejabat Pos Mini Sg. Dusun 44010 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan.	405	1,993,609.36	
3	Ladang PKPS Editas	Lot 2, Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji Peti Surat 44, 18300 Gua Musang, Kelantan.	1,133	1,084,480.95	
4	Ladang PKPS Irat	MDLD 3707, Tingkat 1 Jalan Bunga Raya Peti Surat 61672 91125 Lahad Datu, Sabah	1,005	2,496,747.99	
5	Ladang PKPS Jagoharmoni	MDLD 3707, Tingkat 1 Jalan Bunga Raya Peti Surat 61672 91125 Lahad Datu, Sabah	616	3,230,799.44	
6	Ladang PKPS Kerling	Bukit Tarek, Ulu Selangor Selangor Darul Ehsan	484	-	Mula keluar hasil dalam bulan Februari 2008.

LADANG KELAPA SAWIT BAWAH PENGURUSAN ANAK SYARIKAT PKPS

Lampiran 1 (ii)

BIL	NAMA LADANG	ALAMAT/LOKASI	KELUASAN (HEKTAR)	UNTUNG/RUGI 2007 RM	CATATAN
1	Ladang Tanjung Malim	Mukim Ulu Bernam dan Kuala Kalumpang, Daerah Hulu Selangor	1,303	494,777.15	Tanah milik PKNS - dipajak oleh Selangor Oil Palm Industries Corporation Sdn. Bhd.
2	Ladang Ban Chin Hin	Mukim Ulu Bernam dan Kuala Kalumpang, Daerah Hulu Selangor	648	(3,156,235.79)	Tanah milik PKNS - dipajak oleh Selangor Oil Palm Industries Corporation Sdn. Bhd. Seluas 292 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit. 356 hektar lagi belum ditanam kerana pada awalnya PKNS ingin mengambil semula bagi pembinaan kem tentera. Tempoh pajakan akan tamat 2009 dengan opsyen untuk disambung selama 5 tahun lagi . Jika pajakan boleh disambung penanaman akan dilaksanakan. Kerugian tersebut adalah kerana bayaran kepada PKNS Infra sebanyak RM3.312 juta bagi keseluruhan 648 hektar tetapi kawasan berhasil hanya 141 hektar sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHUHAIMI HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : MASALAH SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAMANSARA

73. Masalah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Damansara sudah melebihi 7 tahun sengaja ditutupkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tanpa alasan yang munasabah malah terdapat khabar-khabar angin negatif tentang status tanah sekolah berkenaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status sebenar tapak tanah sekolah berkenaan?

b) Adakah kerajaan negeri komited untuk mewartakan tanah tersebut untuk terus dijadikan tapak SJK Damansara agar tidak ditebus guna sebagai tapak kegunaan komersial?

c) Berapakah jumlah SJK Cina dan Tamil di seluruh Negeri Selangor dan kawasan manakah yang paling banyak?

JAWAPAN :

a) Dimaklumkan Kementerian Pelajaran Malaysia menutup sekolah tersebut pada tahun 2002 kerana permohonan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru (PIBG) dan Lembaga Pengurus Sekolah (LPS) sekolah tersebut supaya sekolah tersebut dipindahkan ke Tropicana atas alasan tapak lama terlalu kecil hanya 0.8 ekar dan terletak di tepi Lebuh raya yang membabitkan isu keselamatan dan kesesakan lalu lintas.

   a) Tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)
   b) Oleh sebab tapak tersebut masih milik PTP, Kerajaan Negeri tidak ada hak untuk mewartakan tanah tersebut bagi kegunaan mana-mana pihak.
   c) Di Selangor mempunyai sebanyak 107 SJK (C) dan 97 buah SJK(T). Terdapat 21 buah SJK(C) di Daerah Klang dan 22 buah SJK(T) di Kuala Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : MENINGKATKAN TARAF HIDUP PENDUDUK DI KAMPUNG BARU CINA

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah Kampung Baru Cina di seluruh Selangor dan apakah masalah yang sering dihadapi oleh penduduk di Kampung Baru cina dari segi kemudahan asas?

b) Sejak lima (5) tahun kebelakangan ini, berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan negeri untuk menaik taraf Kampung Baru Cina?

c) Apakah rancangan terbaru kerajaan negeri untuk menaik taraf Kampung baru Cina?

JAWAPAN :

a) Terdapat sebanyak 78 buah Kampung Baru Cina di Negeri Selangor. Ia terdiri daripada 42 buah Kampung Baru, 19 Kampung Bagan, dan 17 Kampung Tersusun. Penduduk di Kampung Baru Cina juga tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan kemudahan asas kerana banyak kemudahan telah disediakan seperti bekalan elektrik dan bekalan air di Kampung Baru Cina.

b) Setiap tahun kerajaan Negeri memperuntukan RM 100,000.00 untuk menjalankan aktiviti dan program untuk Kampung Baru, dan sebanyak RM 200,000.00 pula diperuntukkan kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek kecil termasuk menaiktaraf infrastruktur di Kampung Baru.

c) Antara rancangan terbaru Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf Kampung baru Cina ialah melalui:-

i. Melancarkan laman web kampung baru;
ii. Menjadikan kampung baru sebagai salah satu daya tarikan pelancongan negeri;
iii. Menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji secara mendalam untuk menaiktarafkan ekonomi kampung baru;
iv. Penyelidikan terhadap sejarah dan kebudayaan kampung baru di negeri ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)

TAJUK : PROJEK KESEDARAN RAMAI MENGENAI PENTINGNYA KITAR SEMULA DAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapa banyak kempen atau *"roadshow"* yang telah diadakan dari tahun 2004 hingga 2007 untuk memupuk kesedaran umum mengenai pentingnya amalan kitar semula?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang diberikan dari tahun 2004 hingga 2007 untuk projek memupuk kesedaran ramai mengenai pantingnya amalan kitar semula atau perlindungan alam sekitar.

c) Sila berikan maklumat terperinci mengenai perbelanjaan projek-projek berkenaan.

JAWAPAN :

a) Kempen kesedaran ramai mengenai pentingnya kitar semula dan perlindungan alam sekitar dijalankan mengikut PBT masing-masing. Antara PBT yang menjalankan kempen ini ialah Majlis Perbandaran Subang Jaya iaitu sebanyak 70 kempen telah diadakan dari tahun 2004 hingga 2005. Majlis Bandaraya Shah Alam pula telah mengadakan 8 kempen kesedaran dari tahun 2005 hingga tahun 2007. Sebanyak 21 kempen telah diadakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya dari tahun 2005 hingga tahun 2007. Manakala PBT-PBT lain mengadakan kempen kesedaran bersama-sama dengan Alam Flora dan kos tersebut ditanggung oleh Alam Flora Sdn. Bhd.

b) Jumlah peruntukan yang telah digunakan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya untuk kempen kesedaran ramai mengenai kepentingan kitar semula dari tahun 2004 hingga tahun 2007 ialah sebanyak RM 219,820.00. Peruntukan yang digunakan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pula ialah sebanyak RM 140,000.00 dari tahun 2004 hingga 2007. Majlis Perbandaran Subang Jaya pula menggunakan RM 152,000.00 untuk kempen kesedaran dari tahun 2004 hingga tahun 2007.

c) Maklumat terperinci mengenai perbelanjaan kempen kesedaran adalah seperti di bawah:

Majlis Bandaraya Shah Alam

Tahun 2005

Bil.	Perkara	Aktiviti	Tarikh	Peruntukan
1.	Briged Alam sekitar	Kem Kesedaran alam sekitar, seminar, lawatan, kursus	Sepanjang tahun	RM 17,400.00
2.	Mini Envirohunt	Acara tahunan MASM	Hujung tahun	RM15,700.00
3.	Kempen Kitar Semula	Kursus/ Bengkel/ Seminar	Sepanjang tahun	RM10,000.00
4.	Gotong-royong Bukit Gasing	Gotong-royong tanam pokok		RM3,000.00
5.	Lain-lain aktiviti berkaitan alam sekitar	-	Sepanjang tahun	RM3,900.00
Jumlah				**RM50,000.00**

Tahun 2006

Bil.	Perkara	Aktiviti	Tarikh	Peruntukan
1.	Briged Alam sekitar	Kem Kesedaran alam sekitar, seminar, lawatan, kursus	Sepanjang tahun	RM 17,100.00
2.	Mini Envirohunt	Acara tahunan MASM	Hujung tahun	RM15,600.00
3.	Kempen Kitar Semula	Kursus/ Bengkel/ Seminar	Sepanjang tahun	RM5,000.00
4.	Gotong-royong Bukit Gasing	Gotong-royong tanam pokok		RM2,000.00
5.	Lain-lain aktiviti berkaitan alam sekitar	-	Sepanjang tahun	RM300.00
Jumlah				**RM40,000.00**

Tahun 2007

Bil.	Perkara	Aktiviti	Tarikh	Peruntukan
1.	Briged Alam sekitar	Kem Kesedaran alam sekitar, seminar, lawatan, kursus	Sepanjang tahun	RM 17,400.00
2.	Mini Envirohunt	Acara tahunan MASM	Hujung tahun	RM15,700.00
3.	Kempen Kitar Semula	Kursus/ Bengkel/ Seminar	Sepanjang tahun	RM10,000.00
4.	Gotong-royong Bukit Gasing	Gotong-royong tanam pokok		RM3,000.00
5.	Lain-lain aktiviti berkaitan alam sekitar	-	Sepanjang tahun	RM3,900.00
Jumlah				**RM50,000.00**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

BIL.	AKTIVITI	KOS (RM)	VENDOR / KONTRAKTOR	CATITAN
1.	Pertandingan Kutipan Bahan Kitar Semula & Pertandingan Rekacipta Tahun 2005 – Peringkat sekolah	11,000.00	Alam Flora S. Bhd (AFSB)	10 buah sekolah terlibat
2.	Pertandingan Kutipan Bahan Kitar Semula & Pertandingan Rekacipta Tahun 2006 – Peringkat sekolah	9,000.00	Konsortium Sri Alam	10 buah sekolah terlibat
3.	Pertandingan Kutipan Bahan Kitar Semula Tahun 2007 – kerjasama MBSA dan F&NCC	3,000.00	Alam Flora S. Bhd (AFSB)	22 buah sekolah terlibat

BIL.	AKTIVITI	KOS (RM)	VENDOR / KONTRAKTOR	CATITAN
4.	Projek Baja Kompos di Sekolah Menengah Seksyen 2 (SSAAS)	10,000.00		Projek ini adalah bahan buangan organic dari kantin sekolah di kitar semula, menjadi baja kompos telah dibina di sekolah tersebut
5.	Penubuhan Pusat Kitar Semula & kabin bagi tahun 2005	49,200.00	Bajet dari Kementerian KPKT	2 Buah pusat kitar semula ditubuhkan
6.	Pembekalan tong kitar semula jenis 140L & 240L – bagi tahun 2005	49,620.00	Bajet dari Kementerian KPKT	Tong kitar semula dibekalkan untuk sekolah dan kilang
7.	Pembelian dan pembekalan tong kitar semula – bagi tahun 2006	39,000.00	Risk Technology Services	Tong kitar semula dibekalkan untuk sekolah dan kilang
8.	Penubuhan Pusat Kitar Semula dan kabin bagi tahun 2006	49,000.00	SASAA Enterprise	2 buah pusat kitar semula ditubuhkan
	Jumlah	**219,820.00**		

Majlis Perbandaran Subang Jaya

Tahun	Perbelanjaan		Jumlah
	Program / Aktiviti (RM)	Pengurusan Kemudahan Kitar Semula (RM)	
2004	20,000.00	18,000.00	38,000.00
2005	20,000.00	18,000.00	38,000.00
2006	20,000.00	18,000.00	38,000.00
2007	20,000.00	18,000.00	38,000.00
Jumlah	**80,000.00**	**72,000.00**	**152,000.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(DUN SIJANGKANG)

TAJUK : SEKOLAH BERASRAMA PENUH

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapa banyak sekolah berasrama penuh di negeri ini dan taburannya mengikut daerah?

b) Adakah sekolah-sekolah berasrama penuh di Selangor mencukupi bagi keperluan semasa?

c) Apakah perancangan kerajaan bagi memastikan anak-anak yang berjaya mendapat kemudahan tersebut di setiap daerah?

JAWAPAN :

a)

BIL.	DAERAH	JUMLAH SEKOLAH BERASRAMA PENUH
1.	Klang	1
2.	Sepang	1
3.	Kuala Selangor	1
4.	Hulu Langat	1
5.	Hulu Selangor	1
6.	Sabak Bernam	1
7.	Gombak	2
	JUMLAH	**8**

SENARAI SEKOLAH BERASRAMA PENUH NEGERI SELANGOR

BIL	PPD	KOD SEK	SEKOLAH
1.	KUALA SELANGOR	BEA3083	SM SAINS KUALA SELANGOR
2.	HULU SELANGOR	BEA5067	SM SAINS HULU SELANGOR
3.	SEPANG	BEA9607	SMK SERI PUTERI (SMBP)
4	KLANG	BRA0001	KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH (SMBP)
5.	HULU LANGAT	BRA4003	SMA PERSEKUTUAN (SMBP)
6	SABAK BERNAM	BRA6001	SBPI SABAK BERNAM
7	GOMBAK	BRA7001	SBPI RAWANG
8.	GOMBAK	BRA7002	SBPI GOMBAK

b) Semua sekolah berasrama penuh di Malaysia adalah di bawah pentadbiran Bahagian Sekolah Berasrama Penuh/Kluster, Sektor Operasi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Oleh itu, data bancian berkaitan keperluan sekolah berasrama penuh perlu dirujuk kepada Bahagian Sekolah Berasrama Penuh/Kluster, Kementerian Pelajaran Malaysia.

c) Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewujudkan Kelas Rancangan Khas untuk menempatkan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan 5A UPSR di sekolah-sekolah harian biasa di dalam satu kelas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. MOHD SHAMSUDIN BIN HJ. LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : CARUMAN TAKAFUL WARGA EMAS, ORANG KURANG UPAYA DAN ANAK YATIM

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Sila senaraikan bilangan warga emas, orang kurang upaya dan anak yatim yang terdapat di Negeri Selangor sehingga kini mengikut daerah-daerah?

b) Berapakah jumlah peruntukan kewangan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membiayai caruman Takaful bernilai RM2,500 kepada warga emas, orang kurang upaya dan anak yatim yang telah disenaraikan seperti di atas?

c) Sila senaraikan jumlah peruntukan kewangan tersebut mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

a), b) & c) :

Berdasarkan sumber dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor pihak kami tidak mempunyai direktori bilangan warga emas dan anak yatim bagi keseluruhan negeri Selangor namun berikut adalah statistik penerima Bantuan Orang Tua bagi tahun 2007:

BIL.	DAERAH	BANTUAN ORANG TUA	
		KES	RM
1	Petaling	383	850,200.00
2	Klang	235	529,200.00
3	Gombak	115	212,800.00
4	Hulu Langat	257	604,000.00
5	Kuala Langat	218	525,400.00
6	Hulu Selangor	344	816,600.00
7	Kuala Selangor	103	233,200.00
8	Sepang	91	219,000.00
9	Sabak Bernam	390	655,400.00
	JUMLAH	**2136**	**4,645,800.00**

Berdasarkan rekod dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor seramai 27,362 orang kurang upaya telah berdaftar di seluruh negeri Selangor dari tahun 1990-2008.

Berikut adalah statistik bilangan OKU yang berdaftar mengikut daerah di Selangor dari tahun 2005 -2008:

DAERAH	TAHUN			
	2005	2006	2007	2008 (hingga Mac)
Petaling	917	621	786	1255
Klang	620	575	2728	95
Gombak	549	565	526	128
Hulu Langat	491	255	680	151
Kuala Langat	176	247	777	68
Hulu Selangor	170	331	240	247
Kuala Selangor	187	245	196	28
Sepang	124	281	370	6
Sabak Bernam	165	198	273	218
JUMLAH	**3399**	**3318**	**6576**	**2196**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : PELABURAN DAN PERINDUSTRIAN

78. Saya lihat Selangor sebagai Negeri yang amat giat dalam sektor Perindustrian? Tetapi Kedudukan istimewa ini telah dilihat tergugat oleh negeri lain. Apakah rancangan Kerajaan pakatan rakyat dalam tempoh terdekat untuk membentuk satu suasana perniagaan yang lebih selesa dan senang pakai?

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah rancangan telah diambil untuk menarik pelaburan di negeri Selangor?

b) Apakah keistimewaan yang telah diberi kepada mereka yang datang melabur di negeri Selangor?

c) Tolong nyatakan jumlah *Direct Investment* yang terlibat khususnya di negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri juga mengamalkan beberapa dasar yang menjadikan Negeri Selangor menjadi destinasi pelaburan yang menarik seperti berikut;-

